

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **Nur Hakimah Binti Md Sallehuddin**

No. Pendaftaran/Matrik: **TGA110005**

Nama Ijazah: **Sarjana Pengajian Bahasa Moden**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**TERMINOLOGI EKONOMI BAHASA ARAB DALAM MAJALAH ASWAQ**

Bidang Penyelidikan: **Sosiolinguistik**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini; (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabinya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon:

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi:

Tarikh:

Nama: **Dr. Ahmad Fikri Bin Haji Husin**

Jawatan: **Pensyarah merangkap Penyelia**

## **ABSTRAK**

Bahasa dan pengguna bahasa adalah dua elemen penting dalam berkomunikasi. Penggunaan laras bahasa atau istilah yang sesuai mengikut konteks membuktikan kebolehan seseorang untuk berbahasa. Masalah penerimaan maklumat yang tidak tepat akan menjelaskan aktiviti komunikasi untuk berjalan dengan lancar. Kajian laras bahasa merupakan salah satu kajian yang mengkaji bahasa dan penggunaanya serta pengguna bahasa. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti laras dan kekerapan penggunaan laras ekonomi yang digunakan. Di samping menganalisis makna leksikologi serta menganalisis pembentukan istilah dalam majalah *Aswaq* bahasa Arab. Teori analisis linguistik Leech dan Short (1981) digunakan sebagai dasar teori dalam kajian dengan menganalisis aspek leksikal dan tatabahasa sahaja. 24 artikel daripada jumlah keseluruhan 73 artikel telah dikumpul untuk dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 207 istilah ekonomi bahasa Arab yang wujud dalam 24 buah artikel yang dianalisis. Golongan kata nama mendominasi kekerapan keseluruhan istilah ekonomi berbanding kata kerja. Manakala, kategori keperluan dan aktiviti ekonomi merupakan kategori yang mempunyai bilangan kekerapan yang tertinggi. Analisis makna leksikologi juga membuktikan bahawa penggunaan istilah perlu mengikut laras dan konteks perbincangan agar makna yang tepat dapat diperoleh. Bagi analisis pola imbuhan kata kerja dan kata nama bagi istilah pula menunjukkan 50% daripada istilah ekonomi yang dikaji adalah sepadan dengan pola imbuhan yang dinyatakan. Daripada dapatan kajian ini dapat disimpulkan bahawa penggunaan istilah dalam konteks tertentu adalah perlu agar maklumat yang tepat dapat diperolehi. Keseluruhan perbincangan diterangkan secara deskriptif dan dibantu oleh jadual serta gambar rajah.

**Kata kunci : Sosiolinguistik, Laras, Konteks, Ekonomi, Bahasa Arab.**

## **ABSTRACT**

Language and speaker were two important elements in communication. The usage of appropriate language or terms that suites the context was a proof of one's ability to speak. Problems in receiving incorrect information that occurred will affect the smoothness of communication process. This study of 'register' examines the language and speakers. The goals of this study is to identify the register and its usage frequency in economic context. Secondly is to analyze the lexicology meaning and the economic register formation in Arabic magazine 'Aswaq'. The linguistic analysis theory of Leech and Short (1981) used as a basic theory in this study by taking only two aspects of analysis which is lexical and grammatical aspect. Twenty four from the total of 73 articles were selected for this investigation. The findings show that total of 207 Arabic economics terms existed in the 24 article that have been analyzed. Proper nouns dominates the overall frequency in economic terms than the verb. In addition, the category of economic needs and economic activities shows the highest number of frequencies. The lexicology meaning analysis also prove that the usage of suitable terms in the right register and discussion context to ensure the exact meaning can be obtained. Whereas, for the patterns of verb and noun analysis of the terms showed 50% of economics terms are equivalent with the patterns' listed. On the basis of the result of this research, it can be concluded that the usage of certain terminology in specific context is compulsory to ensure the correct meaning and information retrieved. Overall discussions were assisted by tables and diagrams with descriptive elaboration.

**Keyword:** *Sociolinguistic, Register, Context, Economy, Arabic Language.*

## PENGHARGAAN



Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi di atas segala nikmat dan kurniaan yang telah dipinjamkan. Hanya kepada DIA segala harapan dan pergantungan diletakkan disertai inayah dan petunjuk dalam setiap langkah. Selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad ﷺ serta keluarga dan para sahabat baginda.

Rasa kesyukuran yang tidak terhingga dipanjangkan akhirnya disertasi ini dapat disiapkan. Namun, kejayaan ini tidak lah lengkap tanpa mereka di sisi yang sentiasa memberi sokongan dan galakkan. Di kesempatan ini, penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada:

Pihak Universiti Malaya serta Fakulti Bahasa dan Linguistik khususnya yang sentiasa membantu dalam menyiapkan disertasi ini diatas segala keperihatinan dan pertolongan yang diberi tanpa jemu. Penghargaan khusus ditujukan kepada staff perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik yang sentiasa memberi pertolongan dengan senang hati.

Kepada Dr. Haji Ahmad Fikri Bin Haji Husin yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan amat prihatin dalam segala hal sepanjang pengajian sarjana ini. Jazakallah khairal jazak dan semoga ustaz dan keluarga dalam rahmat dan keberkatan dari Allah.

Istimewa untuk Ibunda tercinta Fadzilah binti Abd Aziz, abah yang disayangi Allahyarham Md Sallehuddin Bin Hasbullah, adik-adik ku Nur Zakiah, Mohd Fahrur Razi dan Mohd Maher Takiyuddin yang sentiasa di sisi, memberi semangat serta doa yang tak pernah putus.

Tidak lupa juga kepada Nadiah, Mashitah dan Puan Norliza yang sentiasa mengambil berat serta memberi dorongan setiap kali ujian melanda. Guru-guru, rakan serumah, sahabat-sahabat terima kasih di atas doa kalian yang menjadi penguat diri selama ini.

Akhir sekali ucapan jutaan terima kasih diucapkan kepada sesiapa sahaja yang membantu secara langsung atau tidak dalam proses menyiapkan tesis ini. Hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas jasa baik kalian.

Nur Hakimah Binti Md Sallehuddin

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

2015

## JADUAL KANDUNGAN

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	<b>II</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>III</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>IV</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>V</b>
<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	<b>VII</b>
<b>SENARAI GAMBARAJAH</b>	<b>IX</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>X</b>
<b>TRANSLITERASI HURUF ARAB KE HURUF RUMI</b>	<b>XI</b>
<b>SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN</b>	<b>XIII</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>XIV</b>
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
<b>1.0 Pengenalan</b>	<b>1</b>
<b>1.1 Permasalahan Kajian</b>	<b>4</b>
<b>1.2 Objektif Kajian</b>	<b>6</b>
<b>1.3 Persoalan Kajian</b>	<b>7</b>
<b>1.4 Kepentingan Kajian</b>	<b>7</b>
<b>1.5 Batasan Kajian</b>	<b>9</b>
<b>1.6 Definisi Operasional</b>	<b>10</b>
<b>1.7 Kesimpulan</b>	<b>11</b>
<b>BAB 2: TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>12</b>
<b>2.0 Pendahuluan</b>	<b>12</b>
<b>2.1 Latarbelakang Ekonomi Malaysia</b>	<b>12</b>
<b>2.2 Laras Bahasa</b>	<b>16</b>
2.2.1 Definisi laras bahasa	16
2.2.2 Pendekatan Laras Bahasa	20
2.2.3 Ciri-ciri laras bahasa	26
2.2.4 Jenis-jenis laras bahasa	29
<b>2.3 Pengolongan kata</b>	<b>40</b>
2.3.1 Pengolongan Kata Bahasa Melayu	41
2.3.2 Pengolongan Kata Bahasa Arab	42
<b>2.4 Pembentukan Kata dalam Bahasa Arab</b>	<b>45</b>
2.4.2 Pembentukan Kata Melalui <i>Masdar Sina 'iy</i>	52
<b>2.5 Kesimpulan</b>	<b>54</b>

<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>55</b>
<b>3.0 Pendahuluan</b>	<b>55</b>
<b>3.1 Metodologi Kajian</b>	<b>55</b>
<b>3.2. Penentuan Subjek</b>	<b>56</b>
<b>3.3 Pengumpulan Data</b>	<b>58</b>
<b>3.4 Penganalisisan Data</b>	<b>59</b>
3.4.1 Penerapan Teori	60
3.4.2 Kaedah Analisis	64
<b>3.5 Prosuder Kajian</b>	<b>68</b>
3.5.1 Analisis Kuantitatif	68
3.5.2 Analisis Kualitatif	69
<b>3.6 Kesimpulan</b>	<b>71</b>
<b>BAB 4: ANALISIS DAN HASIL DAPATAN</b>	<b>72</b>
<b>4.0 Pendahuluan</b>	<b>72</b>
<b>4.1 Analisis Kuantitaif</b>	<b>72</b>
4.1.1 Analisis Pengolongan Kata dan Kategori Istilah	72
4.1.2 Analisis Klasifikasi Istilah	74
<b>4.2 Analisis Kualitatif</b>	<b>88</b>
4.2.1 Analisis Pembentukan Kata	89
4.2.2 Analisis Makna Leksikologi	102
<b>4.3 Kesimpulan</b>	<b>119</b>
<b>BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>121</b>
<b>5.0 Pendahuluan</b>	<b>121</b>
<b>5.1 Rumusan</b>	<b>121</b>
<b>5.2 Saranan</b>	<b>124</b>
<b>5.3 Cadangan kajian lanjutan</b>	<b>125</b>
<b>5.4 Kesimpulan</b>	<b>127</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>129</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>134</b>

## **SENARAI GAMBARAJAH**

<b>No. Rajah</b>	<b>Tajuk Rajah</b>	<b>Halaman</b>
Rajah 2.1	Dimensi Bahasa Menurut Halliday	21
Rajah 2.2	Penggolongan Kata Dalam Bahasa Arab	42
Rajah 2.3	Penggolongan Kata Oleh Abdullah Tahmin	44
Rajah 2.4	Bentuk Imbuhan Dalam Bahasa Arab	47
Rajah 2.5	Pembahagian Kata Kerja Berdasarkan Imbuhan	49
Rajah 2.6	Pola Imbuhan Produktif Bagi Kata Kerja Bahasa Arab	50
Rajah 3.1	Metodologi Kajian	55
Rajah 3.2	Majalah Aswaq	56
Rajah 3.3	Prosedur Kajian Analisis Kuantitatif	68
Rajah 3.4	Prosedur Kajian Analisis Kualitatif	70
Rajah 4.1	Peratus Istilah Mengikut Kategori Ekonomi	75
Rajah 4.2	Analisis Pembentukan Istilah Mengikut Kategori	90
Rajah 4.3	Istilah Ekonomi Dalam Bentuk Masdar Sinai'	100

## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>	<b>Tajuk Jadual</b>	<b>Halaman</b>
Jadual 2.1	Contoh Laras Bahasa Politik	35
Jadual 2.2	Contoh Laras Kesihatan	36
Jadual 2.3	Contoh Laras Bahasa Sukan	37
Jadual 2.4	Contoh Laras Bahasa Ekonomi dalam Bahasa Melayu	39
Jadual 2.5	Contoh Laras Bahasa Ekonomi dalam Bahasa Arab	40
Jadual 2.6	Fungsi Makna dalam Imbuhan	48
Jadual 2.7	Pola Masdar Kata kerja tiga huruf berimbuhan	51
Jadual 3.1	Contoh jadual perbezaan di antara bilangan dan kekerapan istilah	58
Jadual 3.2	Formula Pengiraan Peratus	65
Jadual 4.1	Peratus Istilah Mengikut Golongan Kata	73
Jadual 4.2	Jumlah Bilangan dan Kekerapan Istilah Ekonomi Mengikut Kategori	75
Jadual 4.3	Istilah Bagi Kategori Keperluan Ekonomi	77-78
Jadual 4.4	Istilah Bagi Kategori Tempat Ekonomi	79-80
Jadual 4.5	Istilah Bagi Kategori Aktiviti Ekonomi	81-82
Jadual 4.6	Istilah Bagi Kategori Pelaku Ekonomi	83
Jadual 4.7	Istilah Bagi Kategori Sektor Ekonomi	84-85
Jadual 4.8	Istilah Bagi Kategori Lain-Lain	86
Jadual 4.9	Proses Pembentukan Imbuhan Kata Kerja Bagi Istilah	91
Jadual 4.10	Proses Pembentukan Imbuhan Kata Nama Bagi Istilah Ekonomi	97

## TRANSLITERASI HURUF ARAB KE HURUF RUMI

### 1. Konsonan

<b>Nama Huruf</b>	<b>Huruf Arab</b>	<b>Huruf Rumi</b>
Alif	ا	a
Baa'	ب	b
Taa'	ت	t
Thaa'	ث	th
Jiim	ج	j
Haa'	ح	h
Khaa'	خ	kh
Daal	د	d
Dhaal	ذ	dh
Raa'	ر	r
Zai	ز	z
Siin	س	s
Syiin	ش	sy
Saad	ص	ṣ
Daad	ض	ḍ
Taa	ط	ṭ
Zaa	ظ	ẓ
'Ayn	ع	'
Ghayn	غ	gh
Faa'	ف	f
Qaaf	ق	q
Kaaf	ك	k
Laam	ل	l

Miim	م	m
Nuun	ن	n
Waw	و	w
Ha'	ھ	h
Hamzat	ء	,
Yaa'	ي	y
Taa' marbuutat	ة	t

## 2. Vokal

### a. Vokal Pendek

	a
	i
	u

### b. Vokal panjang

ا	ā
ي	ī
و	ū

### c. Diftong

و —	aw
ي —	ay

## **SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN**

<b>Singkatan</b>	<b>Huraian</b>
SWT	Subahanahu Wa Taala
KN	Kata Nama
KK	Kata kerja
ADJ	Adjektif
LBI	Laras Bahasa Iklan
LBE	Laras Bahasa Ekonomi
LBK	Laras Bahasa Kreatif
LBSR	Laras Bahasa Surat Rasmi
LBIL	Laras Bahasa Ilmiah

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>Lampiran</b>		<b>Halaman</b>
Lampiran 1	Artikel 1 dan 2 Bulan Januari 2013	134
Lampiran 2	Artikel 1 dan 2 Bulan Febuari 2013	135
Lampiran 3	Artikel 1 dan 2 Bulan Mac 2013	136
Lampiran 4	Artikel 1 dan 2 Bulan April 2013	137
Lampiran 5	Artikel 1 dan 2 Bulan Mei 2013	138
Lampiran 6	Artikel 1 dan 2 Bulan Jun 2013	139
Lampiran 7	Artikel 1 dan 2 Bulan Julai 2013	140
Lampiran 8	Artikel 1 dan 2 Bulan Ogos 2013	141
Lampiran 9	Artikel 1 dan 2 Bulan September 2013	142
Lampiran 10	Artikel 1 dan 2 Bulan Oktober 2013	143
Lampiran 11	Artikel 1 dan 2 Bulan November 2013	144
Lampiran 12	Artikel 1 dan 2 Bulan Disember 2013	145

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Bahasa merupakan alat perhubungan yang penting untuk berkomunikasi kerana bahasa dan penuturnya merupakan dua elemen penting yang tidak dapat dipisahkan dalam proses komunikasi. Menurut Tan (1994:12), peningkatan kemajuan sesebuah masyarakat adalah seiring dengan perkembangan bahasa di mana semakin maju sesebuah masyarakat, semakin banyak perkataan dan istilah yang digunakan oleh masyarakat tersebut. Istilah-istilah ini digunakan mengikut konteks dan keadaan suatu penulisan atau pertuturan dan dikenali sebagai ‘laras bahasa’. Apa yang dimaksudkan dengan laras bahasa adalah kelainan bahasa yang digunakan untuk tujuan tertentu menurut bidang wacana dan cara wacana (Kamus Linguistik, 1997:145). Laras Bahasa juga merupakan satu unsur penting dalam usaha memperluas serta memperkembangkan bahasa selain memperlihatkan fungsi dan kemampuan suatu bahasa untuk menyampaikan maklumat.

Kajian mengenai laras bahasa merupakan salah satu cabang kajian dalam bidang sosiolinguistik yang mengkaji bahasa dan penggunaannya. Setiap bahasa sentiasa mempamerkan perbezaan samada dari segi petutunya mahupun penggunaannya. Oleh yang demikian, kajian dalam bidang ini sangat berkait rapat tentang hubungan bahasa dengan sesebuah komuniti bahasa. Penggunaan bahasa dalam satu komuniti juga berperanan dalam menggambarkan identiti komuniti tersebut di mana cerminan terhadap gambaran dan budaya sesebuah komuniti boleh dilihat melalui bahasa yang digunakan. Seperti mana terdapat pepatah yang berbunyi “Bahasa Jiwa Bangsa”

Menurut Mohd Zulhisyam (2009:1), kajian berkaitan laras bahasa khususnya dalam bahasa Arab merupakan satu kajian yang boleh dianggap masih baharu. Justeru itu, tidak banyak kajian berkaitan laras bahasa yang boleh dijumpai dalam buku-buku ahli linguistik bahasa Arab silam mahupun moden. Namun begitu, terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan berkaitan laras bahasa Arab dalam pelbagai bidang seperti bidang politik oleh Mohammad Nur Amin (2008) dengan mengambil akhbar secara *online* iaitu al-Jazeera dan Bernama sebagai data kajian. Selain itu juga, Mohd Zulhisyam (2009) telah juga menjalankan kajian mengenai laras bahasa sukan yang diambil daripada artikel akhbar al-jazeera *online*.

Walaupun begitu, terdapat beberapa pengkaji tempatan di Malaysia yang telah menjalankan kajian berkaitan bidang ekonomi dengan melihat pelbagai aspek. Contohnya, kajian Tan (1994) yang bertajuk “*Laras Ekonomi: Satu Analisis Terhadap Laporan Tahunan Maybank 1993*” dan Azizah Ngah (1997) yang bertajuk “*Laras Bahasa Saham*”. Kedua-dua kajian ini menumpukan pengkajian terhadap ekonomi di Malaysia melalui pemerhatia terhadap laras dalam bidang ekonomi. Namun begitu, didapati bahawa masih belum ada kajian laras bahasa yang memberi fokus kepada bidang ekonomi dalam bahasa Arab. Menyedari tentang hal ini, tajuk “*Terminologi Ekonomi Bahasa Arab Dalam Majalah Aswaq*” telah dipilih bagi kajian ini. Kajian ini memberi fokus kepada laras bahasa ekonomi bahasa Arab dalam majalah Aswaq mengenai isu-isu ekonomi di Malaysia pada tahun 2013.

Penggunaan laras adalah tidak tetap dan berubah-ubah bergantung kepada konteks sosial, situasi dan keadaan pada ketika proses komunikasi berlaku samada dalam bentuk pertuturan mahupun penulisan. Menurut Kamaruddin (1995:23), laras bahasa adalah

berbeza berdasarkan bidang yang hendak diperkatakan, seperti bidang ketenteraan, bidang sains, komersial dan sebagainya. Ini bermakna, setiap bidang mempunyai binaan dan struktur laras tersendiri yang membezakannya daripada bidang-bidang lain. Sebagai contoh, perkataan “*alibi*” yang hanya digunakan dalam bidang perundangan sahaja dan membawa maksud bukti. Contoh lain yang dapat dilihat juga adalah seperti perkataan هدفُ. Merujuk kepada Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006:2498), makna bagi perkataan هدفُ ialah tujuan, namun apabila digunakan dalam bidang sukan perkataan هدفُ membawa maksud gol. Antara contoh lain yang dapat dilihat adalah seperti perkataan صندوق الاقتراع (peti undi), الحزب (parti) dan الرأسمالية (kapitalisme) merupakan laras dalam bidang politik (Kamus Istilah Arab Melayu, 1996:178, 181).

Melalui contoh di atas, dapat diketahui bahawa makna bagi perkataan perlu dilihat menerusi konteks dan bidang yang hendak diperkatakan. Ini adalah penting bagi menjamin maklumat yang disampaikan tidak disalah tafsir dan menyimpang dari makna asal yang dimaksudkan. Kajian ini memberi fokus kepada istilah berkaitan laras bahasa ekonomi (LBE) sebagai bidang untuk mengkaji laras. Bidang ekonomi merupakan salah satu bidang penting yang wujud di serata dunia kerana penggunaan istilah dalam bidang ini diguna pakai secara meluas seterusnya membawa kepada kepelbagaian istilah bagi menerangkan sesuatu perkara dalam bidang yang khusus (ekonomi). Hal ini disokong oleh Tan (1994:6), yang berpendapat bahawa bidang ekonomi merupakan salah satu bidang yang melibatkan penggunaan bahasa yang luas, berkesan dan memperlihatkan kemajuan dalam sesuatu bahasa.

Fenomena penggunaan bahasa secara meluas ini tidak hanya berlaku kepada bahasa Inggeris sahaja yang merupakan pelopor awal dalam mewujudkan istilah-istilah berkaitan LBE. Bahkan, hal ini turut berlaku kepada bahasa Arab yang juga sedang mengalami perkembangan yang pesat pada masa kini. Wujudnya pelbagai medan

wadah komunikasi seperti media elektronik, penulisan dan pertuturan yang mencetuskan fenomena ini. Bahasa Arab juga mengandungi istilah-istilah tersendiri dalam LBE. Perkataan seperti الْمُمَوِّل (pembekal), الْإِقْتَصَاد (ekonomi) dan التَّصْدِير (eksport) (Kamus Istilah Arab Melayu, 1996: 243, 264) adalah contoh istilah berkaitan LBE dan mempunyai makna yang tertentu dalam bidang ekonomi.

Kewujudan pelbagai artikel dalam bidang ekonomi yang telah ditulis dalam bahasa Arab juga membuktikan bahawa bahasa Arab itu sendiri sedang giat memperluaskan bidang ekonomi melalui penulisan. Artikel-artikel dalam majalah dan akhbar bahasa Arab seperti majalah *Aswaq*, akhbar Bernama dan *al-Jazeera* secara *online* memberi ruang serta membuka mata penutur asal bahasa Arab dan juga pelajar-pelajar bahasa Arab untuk mempelajari istilah berkaitan laras ekonomi. Hal ini seterusnya membuktikan bahawa bahasa Arab tidak hanya tertumpu kepada bidang agama sahaja, malah terdapat pelbagai bidang yang belum diterokai secara mendalam seperti perubatan, undang-undang, sains dan teknologi dan juga ekonomi khususnya serta bidang-bidang lain. Penguasaan dalam pelbagai bidang membantu dalam mempertingkatkan martabat bahasa Arab di mata dunia.

## **1.1 Permasalahan Kajian**

Menerusi perspektif sosiolinguistik, fenomena dan gambaran serta ciri – ciri sebuah masyarakat dapat digambarkan melalui bahasa. Ini adalah kerana, bahasa dan penggunaannya melambangkan corak pemikiran, tingkah laku dan segala perkara yang berkaitan dengan sesebuah masyarakat. Apabila membincangkan tentang hubungan antara bahasa dengan kebudayaan sesebuah masyarakat, kita perlu tahu bahawa leksis

ataupun perkataan di dalam bahasa adalah unsur yang mencatat perkembangan sejarah dan kebudayaan bagi sesebuah bahasa (Loh, 2009:3).

Permasalahan menggunakan istilah yang tepat dalam berkomunikasi tidak berlaku kepada penutur asal sesuatu bahasa kerana bahasa tersebut adalah bahasa ibunda mereka sejak dari kecil. Namun, adalah menjadi kesukaran bagi bukan penutur asli bagi sesuatu bahasa dalam menggunakan istilah yang sesuai untuk menyatakan maksud dan pemikiran mereka. Apabila hal ini berlaku, maka akan wujud permasalahan dalam komunikasi seterusnya memberi jurang komunikasi dalam sebuah masyarakat. Kajian mengenai laras bahasa dapat mengelakkan daripada terjadinya ketidaktepatan penggunaan laras bahasa antara penutur bahasa (Wong, 2003:6). Maka, kajian seperti ini, dapat membantu bukan penutur asli bagi menggunakan istilah yang tepat dalam berkomunikasi sesuai dengan konteks yang ingin disampaikan. Apabila kekeliruan penggunaan dapat dielakkan maka, proses komunikasi antara individu atau kelompok akan terjalin dengan baik tanpa ada salah faham tentang maksud yang ingin disampaikan.

Di samping itu, penguasaan kosa kata dari segi memahami makna dan konteks penggunaan mengikut bidang juga merupakan salah satu aspek yang penting dalam menguasai suatu bahasa. Akan tetapi, kelemahan yang ketara dapat dilihat dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab adalah penguasaan aspek kosa kata termasuklah aspek penguasaan istilah-istilah tertentu (Mohd Zulhisyam, 2009:66). Selain itu juga, didapati bahawa apa yang menyediakan ialah realiti tahap penguasaan kebanyakan pelajar-pelajar Melayu dalam uslub bahasa amat rendah dan membimbangkan (Mat Taib Pa, 1993:9). Berdasarkan pengalaman pengkaji sendiri yang pernah belajar dan mengajar di sekolah aliran agama, didapati bahawa

permasalahan ini timbul kerana kebanyakan pelajar kurang didedahkan dengan istilah-istilah berkaitan laras dalam pelbagai bidang khususnya ekonomi. Terdapat hanya sebilangan kecil sahaja istilah-istilah ini dipelajari melalui buku teks yang diajar di sekolah.

Selain itu, fenomena menterjemah secara harfiah (terjemahan perkataan demi perkataan) juga sering berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Arab. Kaedah penterjemahan seperti ini merupakan cara penterjemahan yang paling buruk kerana tidak memenuhi kehendak dan tujuannya yang sebenar (Mat Taib, 1993:10). Antara faktor-faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku adalah kerana terdapat perbezaan yang agak ketara antara bahasa ibunda pelajar-pelajar Melayu dan bahasa Arab. Perbezaan budaya, adat dan suasana juga memberi kesan kerana kedua-duanya saling berhubung kait dengan bahasa. Oleh itu, pembentukan kamus berlatar belakang bidang penting untuk membantu pelajar-pelajar bahasa Arab di Malaysia khususnya dalam merujuk makna yang tepat, sesuai dengan konteks dan bidang yang diperkatakan. Kajian mengenai laras bahasa membantu pembentukan kamus istilah bagi bidang tertentu (Mohd Zulhisyam, 2009:67). Melalui kajian seperti ini, maka istilah-istilah berkaitan bidang khususnya bidang ekonomi yang menjadi fokus pengkaji dapat dikumpulkan seterusnya membantu dalam pembentukan dan penambahan kosa kata bagi penyusunan kamus istilah.

## 1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif berikut:

- i) Mengenal pasti istilah khusus dan kekerapan penggunaan berkaitan laras bahasa ekonomi yang terdapat dalam majalah *Aswaq* bahasa Arab.

- ii) Menganalisis makna denotasi dan konotasi bagi istilah ekonomi bahasa Arab yang digunakan dalam majalah *Aswaq* bahasa Arab.
- iii) Menganalisis pembentukan istilah dalam laras ekonomi bahasa Arab yang digunakan dalam majalah *Aswaq* bahasa Arab.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Rentetan daripada objektif yang telah disebutkan, kajian ini juga dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan berikut:

- i) Apakah istilah khusus dan kekerapan penggunaan berkaitan laras ekonomi yang digunakan dalam majalah *Aswaq* bahasa Arab?.
- ii) Apakah makna denotasi dan konotasi bagi istilah dalam laras ekonomi yang digunakan dalam majalah *Aswaq* bahasa Arab?.
- iii) Bagaimanakah pembentukan istilah-istilah berkaitan laras ekonomi dalam majalah *Aswaq* bahasa Arab?.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian berkaitan laras bahasa adalah untuk melihat fungsi dan keberkesanan bahasa dalam bidang-bidang yang hendak diperkatakan. Selain itu juga, pengetahuan mengenai laras bahasa penting bagi memastikan maklumat yang ingin disampaikan difahami serta dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kewujudan pelbagai situasi yang berlainan di sekitar mereka. Menurut Wong (2003:5), kajian seumpama ini juga dapat memperkembangkan serta memaparkan sesuatu bahasa itu. Ini penting kerana bahasa amat penting dalam sesuatu kelompok manusia bagi penggunaan yang bersesuaian dengan bidang .

Kajian ini juga dapat membuktikan bahawa bahasa Arab bukanlah bahasa yang terhad kepada istilah keagamaan sahaja malah ia merupakan satu bahasa yang mempunyai penggunaan yang meluas. Seperti contoh, bahasa Arab juga mempunyai istilah-istilah tersendiri dalam bidang-bidang tertentu seperti perkataan **الْحُزْبُ** (demokrasi), **الْأَنْهَدَفُ** (parti) yang boleh dijumpai dalam bidang politik. Manakala perkataan seperti **الْفَرِيقُ** (gol), **الْفَرِيقَاتُ** (pasukan) yang biasanya digunakan dalam bidang sukan dan mempunyai makna yang tertentu dalam bidang tersebut.

Bidang ekonomi merupakan salah satu bidang yang amat penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat. Istilah-istilah yang digunakan dalam bidang ini mempunyai ciri-ciri yang tertentu dan tersendiri serta perlu dipelajari. Justeru itu, kajian mengenai laras bahasa ekonomi dalam bahasa Arab, membantu para pelajar khususnya untuk mengetahui serta memahami maksud istilah-istilah yang diguna pakai. Hal ini juga sebagai salah satu cara untuk membantu para pelajar memperkayakan kosa kata mereka dalam bidang-bidang tertentu.

Menurut Wong (2003:5), kajian analisis laras bahasa ini juga penting dalam pendidikan negara kita, Malaysia. Dalam sistem pendidikan di Malaysia, terdapat pelbagai subjek yang ditawarkan di sekolah meliputi pelbagai bidang seperti kemahiran hidup, perakaunan, ekonomi asas dan lukisan kejuruteraan. Setiap subjek ini mempunyai istilah-istilah tertentu yang sesuai dalam bidang yang diajar. Maka, kajian laras bahasa berkaitan bidang ekonomi dalam bahasa Arab ini diharap dapat membantu pelajar-pelajar dengan maklumat tambahan mengenai istilah ekonomi yang digunakan dalam bahasa Arab agar maksud yang tepat dapat diperoleh serta membantu dalam komunikasi.

Selain daripada itu juga, melalui kajian yang dijalankan ini, banyak istilah-istilah berkaitan laras ekonomi dapat dikumpul. Istilah-istilah ini sedikit sebanyak membantu dalam penambahan kosa kata bagi laras ekonomi dalam bahasa Arab. Di samping itu, ia membantu dalam pembentukan kamus berlatar belakangkan bidang ekonomi yang boleh memuatkan istilah-istilah ini. Pembentukan kamus berlatar belakang bidang dapat membantu pelajar-pelajar bahasa Arab yang terdiri daripada bukan penutur asli sebagai salah satu sumber rujukan serta memudahkan mereka untuk mencari makna yang tepat mengikut bidang. Seterusnya, fenomena menterjemah secara harfiah seperti mana yang disebutkan dalam permasalahan kajian dapat dikurangkan dengan adanya panduan dan rujukan seperti ini.

### **1.5 Batasan Kajian**

Beberapa perkara yang dibataskan dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan data yang kukuh dan lengkap di samping melancarkan proses analisis yang dijalankan. Data bagi kajian ini diambil daripada laporan ekonomi dalam majalah Aswaq yang ditulis menggunakan dwi bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Sebanyak 73 artikel laporan ekonomi dalam majalah Aswaq dikumpul bermula dari keluaran bulan Januari 2013 hingga Disember 2013. Hanya dua artikel bagi setiap bulan akan dipilih sebagai sumber utama bagi pemilihan data dan menjadikan keseluruhan artikel yang dikaji adalah sebanyak 24 buah.

Selain itu juga, hanya artikel berkaitan ekonomi di Malaysia sahaja yang akan dikaji untuk melihat hubungan samada wujud pengaruh dalam perhubungan antara kekerapan penggunaan suatu istilah dengan situasi ekonomi di Malaysia. Ini adalah disebabkan artikel tersebut lebih dekat dengan persekitaran serta budaya pengkaji seterusnya

memberi kelebihan kepada pengkaji untuk meneliti hubung kait bahasa dan penggunaannya dengan keadaan ekonomi di Malaysia.

Data-data bagi istilah ekonomi yang dikaji melibatkan istilah berbentuk kata tunggal hingga kepada frasa. Istilah-istilah dalam laras ekonomi bukan hanya terdiri daripada satu perkataan tunggal sahaja. Akan tetapi melibatkan beberapa gabungan perkataan dalam membentuk satu-satu istilah. Fokus bagi kajian ini adalah kepada aspek leksikal, kekerapan, makna leksikologi dan pembentukan istilah dalam laras ekonomi. Penggunaan kamus merupakan salah satu aspek yang paling penting dalam kajian ini bagi menganalisis makna leksikologi istilah dalam laras ekonomi yang dikumpul.

## **1.6 Definisi Operasional**

### **1.6.1 Istilah**

Istilah menurut Kamus Linguistik, (1997:99) kata yang mempunyai makna khusus dalam bidang-bidang tertentu. Selain itu juga, menurut kamus dewan edisi ketiga, istilah adalah perkataan yang mempunyai erti yang khas dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan pekerjaan atau kesenian.

### **1.6.2 Laras**

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2005:893), laras bermaksud kepadanan, kesamaan dan kesesuaian. Manakala dari sudut bahasa, laras adalah variasi bahasa berdasarkan penggunaannya seperti bahasa klasik, bahasa istana, bahasa sains dan sebagainya. Selain itu, laras bahasa juga memberi makna kelainan bahasa yang

digunakan untuk tujuan tertentu menurut bidang wacana, bentuk wacana, dan cara wacana (Kamus Linguistik, 1997:145).

### **1.7 Kesimpulan**

Bidang kajian laras bahasa merupakan salah satu bidang yang menarik untuk dikaji. Kewujudan laras bahasa berdasarkan bidang memberi peluang kepada sesebuah komuniti untuk menyampaikan maklumat dengan tepat bagi mengelakkan kekangan semasa berkomunikasi. Kajian laras bahasa dalam bahasa Arab masih lagi belum diterokai secara meluas. Bidang ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar bahasa Arab untuk mengetahui kosa kata yang lebih banyak dalam pelbagai bidang yang berlainan. Selain itu, bidang ini membuka mata para pelajar dan pencinta bahasa Arab bahawa di dalam bahasa Arab juga terdapat laras bahasa yang pelbagai seperti perubatan, kejuruteraan, politik, ekonomi dan sebagainya yang menarik untuk dikaji.

## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

#### **2.0 Pendahuluan**

Menurut Creswell (2012:80), tinjauan literatur adalah satu rumusan bertulis daripada artikel jurnal, buku dan sumber rujukan lain yang menerangkan maklumat lepas dan terkini yang berkaitan dengan topik kajian yang dijalankan. Pada bab ini penerangan lebih lanjut mengenai kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian ini akan diberi. Turut dimuatkan beberapauraian mengenai definisi ,ciri-ciri dan jenis-jenis laras bahasa serta penerangan ringkas mengenai penggolongan kata dan pembentukan istilah turut dibincangkan dalam bab ini.

#### **2.1 Latarbelakang Ekonomi Malaysia**

Ekonomi bermaksud ilmu berkenaan asas-asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta masalah-masalah yang bersangkutan (Kamus Dewan, 2005:379). Menurut Osman Rani (1987:42) istilah ekonomi juga boleh didefinisikan sebagai satu cabang ilmu sosial. Ia mengkaji bagaimana manusia menyara hidup sehari-hari dengan menjalankan aktiviti bagi tujuan memenuhi keperluan seperti makanan, pakaian, perlindungan dan sebagainya.

Muhammad Ilman (2014) telah menyatakan secara ringkas di dalam penulisannya yang bertajuk “Perkembangan Ekonomi Malaysia: Penilaian Hari ini” mengenai sejarah ekonomi di Malaysia. Beliau menyatakan tentang keadaan ekonomi Tanah Melayu yang

bermula sejak dari sebelum kedatangan penjajah ke Tanah Melayu, bahawa penduduk Tanah Melayu rata-rata mengamalkan ekonomi sara diri dan hanya menumpukan kepada keperluan hidup keluarga masing-masing dan juga perdagangan. Namun semasa penjajahan, landskap sosioekonomi masyarakat Tanah Melayu mengalami perubahan rentetan daripada kemasukan tenaga buruh yang dibawa masuk daripada negara China dan India ke Tanah Melayu bagi memenuhi kepentingan ekonomi penjajah. Kesan daripada itu wujudnya ketidakseimbangan aktiviti perekonomian dan penempatan berdasarkan kaum.

Di bawah pentadbiran Tunku Abdul Rahman semasa pasca kemerdekaan, pembangunan sektor luar bandar menjadi fokus dalam rancangan pembangunan ekonomi secara bertempoh bagi setiap lima tahun yang dikenali sebagai Rancangan Malaya (Selepas Rancangan Malaya Kedua ianya dikenali Rancangan Malaysia). Ekonomi di Malaysia terus mengalami perubahan sekitar tahun (1970-1990) rentetan daripada peristiwa berdarah 13 Mei 1969, negara Malaysia di bawah pentadbiran Tun Razak (1970-1976) telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 baru mengatasi ketimpangan yang wujud pada sosioekonomi masyarakat ketika itu. Perlaksanaan DEB telah menunjukkan hasil yang positif dalam pembangunan ekonomi Malaysia sehingga tahun 1990.

Pada zaman peralihan pentadbiran perdana menteri Malaysia Tun Abdul Razak, Tun Dr. Mahathir mengambil alih pemerintahan pada tahun 1981-2003 ketika iklim ekonomi negara berada pada tahap kurang memberangsangkan. Beberapa perkembangan ekonomi antarabangsa memberikan kesan kepada negara terutama sekali kemelesetan ekonomi antarabangsa dan kejatuhan harga komoditi utama ketika itu. Pelbagai perubahan dasar dan strategi ekonomi yang diperkenalkan di bawah pemerintahan Tun

Mahathir seperti, Dasar Pandang Ke Timur, Dasar Pertanian Negara (1984), Dasar Buruh, Dasar 70 Juta Penduduk, Perindustrian Berat, Pensyarikatan Malaysia, Dasar Penswastaan, dan Wawasan 2020.

Walaupun begitu, krisis ekonomi yang berlaku pada tahun 1997 di mana, mata wang Thailand (baht) mengalami serangan spekulasi secara besar-besaran menyebabkan kejatuhan nilai mata wangnya secara mendadak (separuh nilai asal). Kesan daripada krisis yang bermula di Thailand ini telah memberikan impak kepada ekonomi negara jiran yang berada di sekitarnya. Faktor lain yang membawa kepada lanjutan krisis ini adalah penarikan pelaburan asing secara besar-besaran kerana ketakutan yang timbul terhadap krisis ini sendiri kerana menyangka kawasan serantau ini serupa dan sepadu (dari segi bidang perdangan dan perlaburan) disamping faktor-faktor lain yang memberi impak dalam krisis ekonomi yang berlaku pada ketika itu.

Seiring masa yang berlalu, selari dengan keadaan ekonomi dunia yang mengalami turun naik, ekonomi di Malaysia juga turut terkesan dengan peningkatan dan juga krisis ekonomi dunia. Namun begitu, kerajaan sentiasa berusaha dalam menstabilkan serta meningkatkan keadaan ekonomi di Malaysia. Melalui laporan ekonomi Kementerian Kewangan Malaysia bagi tahun 2013/2014, keadaan ekonomi di Malaysia sepanjang tahun 2013 telah mengalami pembangunan yang pesat melalui agenda transformasi negara yang telah dimulakan sejak dari tahun 2010. Keadaan ini selari dengan cita-cita kerajaan dalam mewujudkan sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Permintaan domestik khususnya pelaburan dan penggunaan sektor swasta semakin meningkat seterusnya menjadi pemacu pertumbuhan negara pada tahun 2013. Selain itu, aktiviti eksport juga telah menyumbang kepada pengukuhan aktiviti perdagangan serantau yang melibatkan negara luar.

Selain daripada sektor-sektor yang telah disebutkan, pembiayaan melalui institusi kewangan dan pasaran modal terus berkembang pada kadar sederhana bagi menyokong pengembangan aktiviti ekonomi bagi tempoh tujuh bulan pertama 2013. Sektor kewangan juga kekal berdaya tahan dengan permodalan yang kukuh dan pengantaraan kewangan yang berfungsi untuk menyokong aktiviti ekonomi domestik. Disamping itu, berlaku penjenamaan identiti baharu dalam pembangunan industri kewangan islam “Malaysia: Pasaran Kewangan Islam Dunia”.

Pada tahun 2013 juga, Malaysia telah memperbaiki kedudukan daripada tangga ke- 18 kepada tangga ke-12 dalam laporan *World Bank's Ease of Doing Business 2013*. Walaupun menghadapi persekitaran luar yang mencabar, ekonomi negara telah berkembang sebanyak 4.2% dalam tempoh separuh pertama 2013 dipacu oleh permintaan domestik yang mantap dan disokong oleh asas ekonomi yang kukuh serta dasar kewangan yang akomodatif. Kepelbagai sumber pertumbuhan dalam usaha transformasi negara melalui sektor swasta memainkan peranan yang paling penting dalam ekonomi. Namun, masih terdapat pelbagai isu penting yang perlu ditangani terutama mengenai kenaikan harga rumah dan paras hutang isi rumah yang tinggi serta pengurangan jurang lebihan imbalan akauan semasa (Laporan Ekonomi 2013/2014 Kementerian Kewangan Malaysia, 2013:3&4).

Melalui ringkasan laporan ekonomi pada tahun 2013 yang telah dinyatakan di atas, didapati bahawa sektor swasta dan pelaburan menjadi pemacu utama dalam peningkatan ekonomi di Malaysia. Yang mana, kedua-dua sektor tersebut disokong dengan institusi kewangan yang kukuh dalam mengekalkan kestabilan ekonomi negara melalui pasaran modal yang kukuh. Seterusnya menjadikan ketiga-tiga sektor ini sebagai sektor yang paling penting dalam ekonomi Malaysia pada tahun 2013.

## **2.2 Laras Bahasa**

Antara ahli-ahli linguistik barat lain yang mempelopori kajian dalam laras bahasa adalah seperti Gumperz (1959) dan Ferguson (1958). Laras bahasa juga turut wujud dalam bahasa Arab namun begitu, terdapat pelbagai pendapat dikalangan ahli linguistik Arab dalam menetapkan istilah bagi laras. Istilah seperti سياق حال و النمط dan الأسلوب merupakan nama-nama yang digunakan bagi menggambarkan laras dalam kalangan ahli linguistik Arab.

Kajian – kajian mengenai laras bahasa yang telah dijalankan membawa kepada pemahaman definisi dan konsep yang berbeza bergantung kepada apa yang difahami oleh setiap ahli linguistik. Didapati bahawa wujudnya faktor-faktor berlainan yang dikaitkan dalam memberi definisi laras bahasa sebagaimana terdapat ahli linguistik yang mengaitkan laras bahasa dengan konteks situasi, hubungan penutur dan penerima, jenis situasi, fenomena sosial, pekerjaan, bidang dan juga variasi linguistik. Berikut adalah beberapa pendapat ahli linguistik barat, tempatan dan Arab mengenai definisi laras bahasa:

### **2.2.1 Definisi laras bahasa**

#### **2.2.1.1 Definisi Ahli Linguistik Barat dan Tempatan**

Perkaitan yang paling banyak digunakan dalam memberi definisi laras adalah hubungan laras dan konteks situasi. J.R Firth (1969:182) menyebut bahawa konteks situasi adalah ketepatan berbahasa untuk situasi tertentu. Disamping beliau, Hymes (1974:440) juga memberi definisi laras sebagai gaya percakapan dalam situasi tertentu, jika laras berbeza, maka situasi pun turut berbeza. Maka, daripada kedua-dua definisi ini, didapati

bahawa laras mempunyai ciri-ciri tertentu yang menandakan konteks penggunaannya mengikut situasi yang khusus.

Laras juga dikaitkan dengan keformalan sesebuah situasi seperti definisi yang diberi oleh Elinor Ochs (1988:11) yang memetik pendapat Andersen (1977):

Registers are varieties associated with situations of use; examples of registers in different societies are baby talk, foreigner talk, religious speech, formal registers, newscasters' talk, mother-in – law speech, and doctor-patient speech.  
(Elinor Ochs, 1988:11).

Laras ialah variasi bahasa yang digunakan dalam situasi-situasi tertentu. Misalnya, laras yang terdapat dalam masyarakat ialah seperti percakapan kanak-kanak, laras bahasa orang asing, laras doa, laras formal, laras pembacaan berita, laras bahasa ibu mertua dan laras bahasa antara doktor dengan pesakitnya.

Selain itu juga, terdapat ahli linguistik barat yang mengaitkan laras bahasa dengan pekerjaan dan bidang. Seperti H. & J. Platt (1975:55) yang mengatakan bahawa terdapat beberapa ahli linguistik Amerika dan Britian yang menggunakan laras dalam skop yang terhad dengan merujuk kepada pekerjaan seseorang. Pendapat ini juga disokong oleh Mackey (1965:45) yang memberi maksud laras sebagai satu kelainan bahasa yang digunakan berdasarkan tujuan dan maklumat yang hendak disampaikan. Seperti contoh laras yang digunakan oleh seorang doktor berbeza dengan seorang cikgu. Laras ekonomi dan laras politik juga berbeza dalam pengkajian sesuai dengan bidang yang hendak diperkatakan.

Ahli linguistik tempatan yang terkenal, Asmah Haji Omar (2005:2) telah memberi definisi laras bahasa sebagai satu konsep yang digunakan untuk merujuk kepada ragam sesuatu bahasa dari segi sistem dan struktur bahasa yang digunakan. Dalam erti kata lain, laras adalah perkataan, ungkapan khusus dan struktur ayat tertentu yang digunakan dalam suatu ragam. Ini juga bermakna bahawa apa yang dikatakan sebagai laras bahasa secara mudahnya boleh difahami sebagai perkataan yang diungkap atau ditulis yang mempunyai ciri serta struktur tertentu dalam suatu ragam (bidang) yang khusus.

Beliau juga turut membezakan antara laras dan gaya untuk mendapatkan definisi yang tepat serta mudah difahami tentang laras. Laras adalah ciri-ciri khusus dalam penggunaan bahasa menurut bidang. Perbezaan antara laras dan gaya adalah dimana, laras khusus berlatarkan bidang penggunaan sedangkan gaya merujuk kepada cara pengungkapan fikiran, matlamat yang hendak dicapai dan suasana yang hendak ditimbulkan. Dengan ini, disebabkan laras adalah berlatarkan bidang, maka unsur-unsur yang memberi ciri kepada laras ialah kata-kata khusus (istilah-istilah yang digunakan).

Nik Safiah (1988:2), pula menjelaskan bahawa laras bermaksud gaya atau cara penggunaan sesuatu bahasa. Sesuatu laras bermaksud variasi bahasa yang boleh dipilih daripada sekumpulan variasi yang ada pada setiap penutur. Menerusi pendapat ini, dapat disimpulkan bahawa laras juga boleh ditakrifkan sebagai bentuk-bentuk bahasa yang boleh dipilih oleh setiap penutur. Bentuk-bentuk bahasa yang dimaksudkan adalah dari aspek pemilihan penggunaan perkataan yang boleh dipilih mengikut keadaan dan konteks apa yang dibincangkan.

Selain itu, menurut Umar Junus (1989:xii), takrif laras bahasa adalah seperti berikut:

Laras mungkin dapat difahamai dalam pengertian yang berhubung dengan kosa kata atau vocabulary (perbendaharaan kata). Suatu

pendaftaran (register). ... Gaya akan menggunakan laras untuk kepentingannya. Ia mungkin menghimpunkan beberapa laras ke dalam dirinya (Umar Junus,1989:xii)

Penjelasan beliau ini lebih memberi fokus laras sebagai kosa kata atau perbendaharaan kata yang digunakan. Berbanding dengan takrif-takrif yang telah diberi oleh ahli-ahli linguistik yang lain, mereka memberi penekanan terhadap aspek konteks dan situasi.

### **2.2.1.2 Definisi Ahli Linguistik Arab**

Kajian laras bahasa dalam bahasa Arab masih belum diberi penekanan khusus samada oleh ahli linguistik arab silam mahupun moden. Namun begitu, menurut terdapat juga usaha-usaha yang menunjukkan bahawa topik kajian mengenai laras bahasa telah mula membuka mata para linguis Arab. Seperti mana yang dinyatakan oleh Zulhisyam (2009: 10) bahawa Ibn Jinni: (t.t), al-Ja:hız (t.t) dan al-Sayu:tıyy (1998) merupakan antara pelopor awal kajian laras bahasa dalam bahasa Arab. Selain mereka, ahli linguistik Arab moden juga telah cuba untuk mendalami kajian ini sepetimana yang telah dilakukan oleh Abd Wahid Wafi (2004), Kamal Muhammad Bashar (1997), ‘Aliyy Shatta: (1996) dan lain-lain.

Definisi laras bahasa dalam bahasa arab tidak mempunyai satu maksud yang khusus disebabkan bidang ini tidak disentuh secara terperinci dikalangan ahli linguistik arab. Istilah seperti **النمط** **الاسلوب**, **سیاق** **حال** merupakan istilah-istilah yang mengambarkan laras bahasa. Menurut definisi yang terdapat dalam Kamus Besar Dewan Arab- Melayu (2006: 1162) **الاسلوب** bermaksud gaya atau stail penulisan. Manakala, dalam Mu‘jam al-Wasi:t (1972:) dan Mu‘jam al-‘Arabiyy al-Asa:siyy (1999: 633) **الاسلوب** didefinisikan sebagai gaya atau cara seorang penulis dalam penulisannya.

Akan tetapi, melalui pengamatan terhadap definisi laras bahasa dalam bahasa Arab, istilah النَّمَطُ adalah lebih sesuai digunakan untuk mencerminkan laras bahasa. Ini adalah kerana definisi النَّمَطُ di dalam Mu'jam al-Wasi:t (1972:) dan al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asa:siyy (1999:1232) bermaksud cara atau gaya. Manakala dalam kamus al-Munjid (2000:1454) membawa maksud bentuk yang tertentu bergantung kepada perkara yang hendak disampaikan atau konteks. Melalui beberapa definisi yang diberi oleh ahli linguistik Arab tersebut, didapati bahawa definisi bagi istilah adalah lebih menepati maksud laras bahasa bersesuaian dengan definisi yang telah diberi oleh ahli linguistik barat dan tempatan.


Ibn Jinn: (t.t: 187) seorang ahli linguistik arab silam, telah membincangkan isu سياقٌ (Siyāq) didalam bukunya أَلْحَصَائِصُ (Al-ḥṣā'iṣ) dengan menyatakan bahawa سياقٌ حَالٌ (Siyāq ḥāl) bermaksud situasi yang meliputi percakapan. Beliau juga menerangkan bahawa makna sesuatu ayat tidak akan sampai maksudnya kecuali wujudnya situasi yang meliputinya. Dapat disimpulkan bahawa untuk mendapatkan makna yang tepat bagi sesuatu perkataan aspek penting yang perlu dilihat adalah situasi dan konteks yang ada ketika ujaran tersebut dituturkan.

### 2.2.2 Pendekatan Laras Bahasa

Ahli linguistik pertama yang memperkenalkan konsep laras bahasa ataupun yang dikenali sebagai *register* dalam bahasa Inggeris adalah seorang linguistik barat yang bernama Reid pada tahun 1956. Istilah ini telah digunakan oleh beliau untuk menerangkan perbezaan perlakuan bahasa (*linguistic behavior*) oleh seseorang individu. Seterusnya, konsep laras bahasa telah mendapat perhatian dalam kalangan ahli bahasa lain yang berminat untuk mendalami kajian mengenai laras bahasa seperti, Jean Ure dan Jeffery Ellis (1956, 1963), Dixon (1964), Trudgill (1974) dan ramai lagi.

Antara ahli bahasa yang mendalami konsep ini secara serius adalah J.R Firth (1956) di mana beliau telah melanjutkan kajian mengenai laras seterusnya memperkenalkan konsep konteks situasi (*context of situation*) yang dicerok daripada idea B.Malinowski. Selain daripada konsep konteks situasi, Halliday (1968) pula memperkenalkan konsep bahasa berdasarkan aspek pengguna dan penggunaannya. Ini bersesuaian dengan definisi bahasa yang menyatakan bahawa bahasa ialah satu sistem lambang bunyi abitari yang digunakan oleh masyarakat untuk berhubung.

Hubung kait bahasa dan pengguna adalah bermaksud individu yang menggunakan bahasa yang berbeza dari segi dialeknya. Manakala, penggunaan pula merujuk kepada bentuk bahasa yang digunakan dalam pelbagai cara samada secara lisan atau bertulis mengikut kesesuaian suasana. Contohnya, bahasa yang digunakan bersama kawan berbeza dengan bahasa yang digunakan bersama majikan atau situasi formal.



**Rajah 2.1: Dimensi Bahasa Menurut Halliday**

Kajian mengenai laras telah banyak dijalankan di negara barat menerusi konsep laras yang tercetus pada tahun 1956 oleh Reid. Namun begitu, di Malaysia, pengkajian laras masih belum dibuat secara terperinci. Akan tetapi, terdapat beberapa ahli linguistik tempatan seperti Nik Safiah Karim, Asmah Haji Omar dan Abdullah Hassan yang banyak menghasilkan karya tentang laras.

Bagi bahasa Arab pula, kajian mengenai laras bahasa adalah satu bidang kajian yang masih terlalu baharu. Oleh yang demikian, pengkaji mendapati tidak banyak rujukan mengenai kajian laras secara mendalam dan terperinci yang ada terutamanya di Malaysia. Walau bagaimana pun, ahli linguistik Arab juga tidak ketinggalan dalam membincangkan konsep laras dalam bahasa Arab. Ini adalah kerana, bahasa Arab bukan sahaja terhad dalam bidang agama bahkan, dalam bahasa Arab juga mempunyai istilah-istilah khusus berkaitan laras bidang yang berbeza seperti politik, sukan, perubatan dan sebagainya.

Pada masa kini, konsep laras telah menjadi salah satu fenomena penting dalam variasi bahasa. Ini adalah kerana laras telah menjadi salah satu cabang dalam kajian bahasa dan tidak boleh dipinggirkan. Laras ialah satu unsur penting bagi memperluaskan dan memperkembangkan bahasa kerana laras digunakan sesuai dengan situasi untuk menyampaikan pelbagai maksud dan tujuan (Kamaruddin, 1995:3). Kajian-kajian yang telah dijalankan oleh ahli linguistik ini telah mewujudkan pelbagai pendapat dan konsep serta definisi bagi laras bahasa.

Bagi menjalankan satu-satu kajian, aspek penting yang perlu dititik beratkan adalah mengenai teori dan pendekatan yang digunakan untuk menjalankan kajian. Sidek Noah (2011: 121) menyatakan dalam bukunya yang bertajuk “Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis” bahawa teori sangat berguna sebagai alat untuk berhujah dan perbincangan dapatan yang diperoleh daripada kajian.

Terdapat pelbagai teori dan pendekatan yang telah digunakan oleh ahli-ahli linguistik barat seperti Halliday, Ure dan Ellis serta Leech dan Short dalam menjalankan kajian mengenai laras bahasa. Ahli-ahli linguistik tempatan seperti Asmah Haji Omar dan Nik

Safiah Karim juga tidak ketinggalan dalam mengetengahkan teori dan pendekatan yang disesuaikan dengan bahasa Malaysia. Kebanyakan teori atau pendekatan yang diperkenalkan oleh ahli linguistik terdahulu diperbaiki oleh ahli-ahli linguistik moden agar lebih sesuai dengan keadaan pada masa kini. Berikut adalah beberapa pendekatan yang paling banyak digunakan dalam pengkajian mengenai laras bahasa:

Menurut Asmah Haji Omar (2011: 25), teori keperihalan keadaan diperkenalkan oleh B. Malinowski pada tahun 1923. Idea mengenai “keperihalan budaya dan keperihalan keadaan” menjadi titik permulaan bagi kajian bahasa. Teori keperihalan keadaan ini telah menjadi dasar bagi teori makna dan menjadi aspek penting dalam teori bahasa yang mula mendapat perhatian pada pertengahan abad ke-20 di Britain khususnya. Selain itu juga, Mallinowski telah mengenal pasti laras sebagai satu gejala baharu dalam bahasa melalui kajian beliau yang mengkaji ujaran manusia.

Mengikut teori ini, makna bagi sesuatu perkataan ditentukan oleh konteks atau situasi ujaran itu sendiri. Perkataan yang digunakan haruslah sesuai dengan konteks atau situasi ketika diujarkan. Beliau juga berpendapat bahawa untuk memahami makna pertuturan terlebih dahulu harus melihat fungsi satu-satu perkataan dan ayat dalam situasi serta lingkungan tiap-tiap satunya diwujudkan secara lazim. Menerusi teori ini, terdapat dua implikasi, yang pertama, makna bukanlah terletak pada satu-satu kata, tetapi terletak pada ayat atau tutur sebagai satu keseluruhan. Kedua, makna bagi satu-satu ayat dilihat sebagai fungsi dalam ayat atau tutur dalam konteks situasi atau lingkungan yang relevan.

Disamping itu juga, Nathesan (2008:14) turut menyatakan dalam buku beliau yang bertajuk “Laras Bahasa Ilmiah” bahawa Mallinowski menegaskan tujuan utama kajian

bahasa ialah ujaran semasa dalam konteks keperihalan keadaan. Beliau juga berpendapat bahawa suatu kajian bahasa yang dijalankan haruslah dikaji menggunakan pendekatan emperikal supaya dapat dilihat dalam konteks situasi yang sebenar.

Kesimpulannya, teori keperihalan keadaan yang diketengahkan oleh Mallinowski ini menjadi pencetus kepada kajian mengenai laras bahasa. Teori ini menyatakan makna bagi ujaran, perkataan atau frasa perlu merujuk kepada fungsinya mengikut konteks dan situasi yang tertentu ketika mana ujaran, perkataan dan frasa digunakan. Pentingnya dalam meletakkan perkataan mengikut konteks yang sesuai akan memberi pemahaman maksud dan maklumat yang tepat kepada penerima. Seterusnya, proses komunikasi samada secara literal atau penulisan akan berjalan dengan lancar tanpa ada salah faham disebabkan penyampaian maklumat yang tepat.

#### **2.2.2.1 Pendekatan Leech dan Short**

Jumaiyah (1998:36) telah memberi huraian yang panjang lebar mengenai pendekatan kaedah dalam menganalisis laras bahasa yang diperkenalkan oleh Leech dan Short (1981) yang juga turut banyak digunakan dalam kajian-kajian sarjana luar dan tempatan. Mereka mengambil kaedah ini seterusnya mengadaptasikannya mengikut kesesuaian kajian yang dijalankan. Leech dan Short (1981) dalam bukunya yang bertajuk ‘*Gaya Cerea dalam Prosa*’ telah menetapkan beberapa kriteria bagi membezakan sesuatu laras bahasa yang dapat dijalankan menerusi analisis linguistik seterusnya menjadi penanda bagi laras-laras tersebut.

Empat kategori kriteria yang telah diperkenalkan adalah leksikal, tatabahasa, keindahan bahasa dan ketenunan (kohesi) dan konteks:

### **a) Kategori Leksikal**

Penekanan dalam aspek leksikal adalah daripada kata ala bidang dan penggolongan kata yang digunakan dalam bidang kajian. Selain itu, jenis entri, bentuk kata formal dan tidak formal, kata khusus dan umum juga diteliti dalam aspek leksikal. Menerusi analisis linguistik dalam bentuk tulisan, pengolongan kata seperti kata nama (KN), Kata kerja (KK) dan adjektif (ADJ) juga turut dilihat.

### **b) Kategori Tatabahasa**

Menerusi aspek tatabahasa, fokus penelitian adalah kepada ciri-ciri dan pembentukan kata (sintaksis) seperti jenis-jenis struktur ayat, penggunaan frasa dan pola-pola ayat dalam teks yang dikaji.

### **c) Kategori Keindahan**

Keindahan bahasa pula dilihat daripada cara suatu bahasa digunakan untuk menimbulkan keindahan dalam wacana. Unsur-unsur seperti metafora, personafikasi, simile dan sebagainya yang membawa kesan keindahan kepada pembaca akan diteliti.

### **d) Kategori Konteks dan Ketenunan**

Aspek konteks dan ketenunan pula menyentuh kepada cara bagaimana sebahagian teks dihubungkan dengan yang lain seperti hubungan antara penutur dan aspek kesinambungan bahasa yang merujuk kepada jalinan fikiran serta unsur-unsur bahasa.

Bagi menjalankan kajian ini, teori analisis linguistik Leech dan Short (1981) yang disebutkan di atas digunakan dengan mengambil satu sahaja kategori analisis iaitu analisis kategori leksikal dan ditambah satu kategori lain iaitu analisis morfologi untuk meneliti pembentukan istilah ekonomi yang terkumpul. Tiga kategori lain (kategori tatabahasa, keindahan dan kohesi) dalam analisis linguistik Leech dan Short (1981) ini tidak digunakan kerana tidak bersesuaian dengan objektif kajian. Selain daripada laras bahasa laporan ekonomi yang berciri tepat, penyampaian maklumat dan tidak mempunyai bentuk-bentuk keindahan dalam laras bahasa maka aspek keindahan dan kohesi juga tidak digunakan.

### **2.2.3 Ciri-Ciri Laras Bahasa**

Apa yang dimaksudkan dalam mengkaji laras bahasa adalah meneliti penggunaan bahasa dalam satu-satu situasi yang tertentu. Setiap situasi atau peristiwa mempunyai konteks tersendiri yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Dua faktor utama yang perlu diteliti dalam menjalankan kajian mengenai laras bahasa ialah ciri-ciri keperihalan (*contextual features*) peristiwa bahasa itu dan ciri-ciri linguistik yang wujud (Kamaruddin, 1995:18).

#### **2.2.3.1 Ciri-Ciri Keperihalan**

Kamaruddin (1995:18), menyatakan juga dalam bukunya yang bertajuk ‘*Laras Bahasa*’ bahawa Ure & Ellis (1977) telah membahagikan ciri-ciri keperihalan kepada dua jenis, iaitu situasi luaran dan situasi persekitaran. Situasi luaran bermaksud latar belakang sosial dan kebudayaan sesuatu masyarakat bahasa yang merangkumi struktur sosial dan keseluruhan cara hidup yang menentukan perlakuan-perlakuan anggota masyarakat.

Contohnya, dalam memperkatakan tentang laras bahasa pasar perlu dikaitkan dengan situasi tidak formal dan percakapan yang dituturkan. Manakala, situasi persekitaran pula merangkumi aspek-aspek yang terlibat secara langsung dalam penggunaan bahasa. Di mana, aspek situasi mempengaruhi penggunaan bahasa yang berlainan seperti:

**a) Cara Penyampaian**

Bentuk perhubungan yang dilaksanakan samada dalam bentuk lisan, tulisan atau bahasa isyarat dan sebagainya. Setiap bentuk perhubungan yang dijalankan berbeza di antara satu sama lain. Penyampaian yang dilakukan bergantung kepada siapa penerima maklumat, situasi semasa penyampaian dijalankan dan juga apa topik yang disampaikan. Menerusi penulisan pelbagai variasi bahasa boleh dicipta berbanding lisan.

**b) Perhubungan Sosial dan Peribadi**

Perhubungan sosial bermaksud perhubungan diantara penghasil dan pembaca akhbar, buku, majalah dan medium media elektronik yang lain. Perhubungan antara dua individu (perhubungan peribadi) wujud dalam pelbagai jenis contohnya, hubungan mesra antara ahli keluarga, kekasih, dan sahabat, juga hubungan formal seperti antara majikan dan pekerja, guru dan murid.

**c) Bahan yang Diperkatakan**

Terdapat pelbagai topik yang boleh diperkatakan dalam proses komunikasi meliputi perkara-perkara biasa dalam kehidupan seharian seperti kerja, keluarga hingga hal

kepada bidang-bidang yang khusus yang memerlukan pengetahuan seperti politik, ekonomi, sains dan lain-lain.

#### **d) Fungsi-Fungsi Sosial Perlakuan Bahasa**

Bahasa merupakan elemen utama dalam perlakuan bahasa sebagai menyatakan fungsi-fungsi sosial. Ini adalah kerana, bahasa digunakan untuk mengungkapkan sesuatu yang mempunyai makna, selain digunakan untuk menyatakan perasaan. Selain itu, bahasa juga berfungsi dalam memberi arahan, meminta dan sebagainya bergantung kepada faktor-faktor situasi yang telah disebutkan diatas.

Kesemua faktor yang telah disebutkan berkait rapat antara satu sama lain. Hubungan yang terjalin antara keempat-empat faktor tersebut dengan susunan bahasa ini yang menimbulkan laras-laras yang berbeza mengikut situasi.

##### **2.2.3.2 *Ciri-Ciri Linguistik***

Perbezaan laras juga boleh dilihat dari sudut ciri-ciri linguistik suatu ayat, dua perkara yang boleh membezakan laras adalah melalui aspek pertbaharaan kata dan tatabahasa. Melalui aspek pertbaharaan kata, perkataan-perkataan khusus sesuatu bidang memisahkan laras bahasa itu daripada laras lain (Nik Safiah, 1988:58).

Pemilihan perkataan bukan hanya terhad kepada situasi formal atau tidak formal, malah perkataan-perkataan yang dipilih perlu mengikut bidang yang khusus sesuai dengan isu yang diperkatakan. Hal ini membantu penerima atau pembaca tentang pengkhususan

topik yg dibincangkan maka penerima atau pembaca dapat memahami maklumat dengan lebih tepat mengikut pengkhususan bidang.

Disamping itu, aspek tatabahasa yang melibatkan susunan perkataan juga membolehkan suatu ayat dilihat dari dimensi yang berbeza. Contoh ayat dibawah ini menunjukkan bagaimana susunan perkataan yang berlainan dalam satu ayat memberi laras yang berbeza:

- i) Ibu ke pasar bersama Ali tadi.
- ii) Tadi ibu ke pasar bersama Ali.
- iii) Ke pasar, ibu bersama Ali, tadi.

Ketiga-tiga ayat diatas mempunyai perkataan yang sama namun berbeza dari segi susunan. Maka, dari perbezaan ini timbul laras yang berbeza-beza kerana susunan itu membawa pengertian yang berbeza.

Melalui kedua-dua ciri laras bahasa yang telah disebutkan, dalam kajian ini, fokus diberi kepada ciri-ciri linguistik yang terdapat dalam artikel ekonomi. Penekanan diberi kepada aspek perbendaharaan kata dan bentuk morfologi istilah dalam artikel yang dikaji untuk melihat kewujudan laras ekonomi.

#### **2.2.4 Jenis-Jenis Laras Bahasa**

##### ***2.2.4.1 Laras Bahasa melayu***

Terdapat pelbagai jenis laras bahasa seperti laras bahasa istana, laras bahasa surat rasmi, laras iklan, laras kreatif, laras bahasa ilmiah dan sebagainya. Setiap jenis daripada laras-

laras ini mempunyai ciri-ciri tertentu yang khusus sesuai dengan bidang yang dikaitkan. Laras bahasa istana berbeza dengan laras bahasa pasar dari segi pemilihan kata contohnya, perkataan bersemayam, bersiram, beradu yang hanya digunakan dalam laras bahasa istana, manakala dalam bahasa pasar bermaksud, duduk, mandi, tidur.

Selain itu juga, perkataan beradu membawa maksud yang berlainan jika digunakan dalam konteks yang berbeza. Selain memberi maksud tidur dalam laras bahasa istana, beradu juga membawa maksud berlawan jika digunakan dalam konteks beradu tenaga. Di antara jenis-jenis laras bahasa yang sering digunakan adalah:

**a) Laras Bahasa Iklan (LBI)**

Laras ini biasanya wujud dalam akhbar, majalah, poster dan juga media elektronik. Fakta dan cara penyusunan ayat amat penting selain diselitkan beberapa unsur tambahan yang penting seperti memuji dan memujuk serta disusun dengan jelas agar maklumat dapat disampaikan dengan terperinci. Unsur-unsur lain yang ada dalam LBI adalah seperti kaedah peyakinan, gesaan, dan pemesraan penting dalam laras bahasa ini bertujuan untuk menarik minat pengguna untuk membeli. Seperti yang dapat dilihat melalui contoh-contoh berikut:

- i) Gaya hidup generasi muda. Rekacipta yang membuat anda tidak berkelip memandangnya. Ketangkasan yang mencipta lambang gaya sporti sebenar. Kecanggihan teknologi yang menjamin keselesaan anda.

(*Berita Harian*, 11 Julai 2013:3)

- ii) Nilai hebat untuk keperluan anda. Nikmati hiburan berkualiti yang memenuhi semua keperluan anda dengan perkhidmatan yang terbaik bagi memperhebatkan lagi pengalaman menonton anda.

(*Berita Harian*, 11 Julai 2013, Hip:3)

Melalui dua contoh diatas, pengkaji mendapati contoh i dan ii mempunyai gaya peyakinan yang terdapat dalam ciri-ciri laras bahasa iklan. Pemilihan dan penggunaan perkataan dalam sesuatu ayat menunjukkan penanda bagi laras dalam ayat tersebut. Ini adalah kerana, setiap laras mempunyai ciri yang berbeza di antara satu sama lain sepetimana gaya peyakinan, pemesraan dan gesaan yang hanya terdapat dalam laras bahasa iklan dan tidak pada laras yang lain.

### b) Laras Bahasa Kreatif ( LBK )

Berbeza dengan LBI, LBK terhasil daripada idea atau pengalaman pengarang. LBK berfungsi sebagai satu medium untuk pengarang mengekspresikan mesej dan maklumat. Selain itu, LBK juga mempunyai nilai gabungan antara seni dan estetika yang tinggi. Bentuk penggunaan ayat yang bersifat imaginatif, puitis dan juga unsur-unsur perbandingan seperti metafora, personifikasi, hiperbola dan sebagainya memerlukan kepada pemahaman dan juga penjelasan yang lebih terperinci. Kebiasaanya, LBK banyak terdapat dalam karya-karya sastera. Contohnya:

- i) “Matanya menenung sayu memilu, tajam menembus jiwaku”.

Usman Awang.(2007: 6). Cerpen *Peristiwa bunga telur*

Dalam antologi cerpen Ingin sebebas burung.

- ii) “Hatiku bersorak riang bila anak yang disekolahkan dengan bersusah payah itu telah dewasa...”

Zurinah Hassan. (2007: 38). Cerpen *nene*k

Dalam antologi cerpen Ingin sebebas burung.

Ayat dalam contoh (i) “ *tajam menembusi jiwaku*” mempunyai unsur hiperbola yang menunjukkan satu keadaan yang berlebihan dalam menyatakan perasaan. Manakala dalam contoh (ii) ayat “ *hatiku bersorak riang*” mempunyai unsur metafora yang meletakkan perbuatan manusia pada sesuatu. Penggunaan kedua-dua unsur seperti ini hanya wujud dalam teks-teks sastera yang menggunakan LBK dan tidak dalam laras bahasa lain seperti perundangan, perubatan, ekonomi dan sebagainya.

### c) Laras Bahasa Surat Rasmi (LBSR)

Surat rasmi biasanya ditulis untuk urusan rasmi seperti pengurusan, perdagangan, pentadbiran dan sebagainya. Aspek penting yang perlu diberi fokus dalam pengkajian surat rasmi adalah dari aspek penggunaan kata ganti diri, istilah khusus, penanda wacana dan sebagainya. Selain itu, surat rasmi mempunyai format yang mana setiap bahagian adalah berbeza antara satu sama lain. Bahagian dalam surat rasmi adalah terdiri daripada pendahuluan, isi surat dan penutup. Bentuk ayat pasif kerap digunakan dalam surat rasmi. Contoh ayat yang terdapat dalam surat rasmi seperti:

- i) ‘ Sukacita saya memaklumkan kepada tuan bahawa...’
- ii) ‘ Dengan segala hormatnya bahawa saya...’
- iii) ‘ Merujuk perkara diatas...’

Omardin. (1993:48,60,103).

Ketiga-tiga ayat diatas menunjukkan laras bagi surat kiriman rasmi dan tidak boleh digunakan dalam laras bahasa yang lain kerana perbezaan ciri yang ada diantara laras-laras bahasa tersebut.

**d) Laras Bahasa Ilmiah (LBIL)**

Berbeza dengan LBI, LBK dan LBS, LBIL mempunyai pelbagai cabang bidang yang khusus berbanding dengan jenis-jenis laras bahasa yang lain. Melalui LBIL, ungkapan-ungkapan laras bahasa merangkumi ilmu dalam bidang-bidang tertentu seperti, sains, teknologi, undang-undang, kejuruteraan dan sebagainya.. Laras bahasa berkaitan ekonomi termasuk dalam kategori LBIL dimana digunakan untuk mengungkapkan konsep yang jelas dalam satu bidang yang tertentu. Berikut adalah beberapa contoh berkaitan LBIL:

**i) Laras Undang-Undang**

Hal- ehwal darurat ada terkandung dalam perkara 150 Perlembagaan Malaysia. Mengikut Fasal 1 perkara itu, apa yang dimaksudkan darurat ialah satu darurat besar yang mengancam keselamatan atau kehidupan ekonomi Persekutuan atau mana-mana bahagian.

**ii) Laras Perubatan**

“Kanser usus ialah pertumbuhan sel tidak normal dan tidak terkawal dalam usus besar atau rectum sel malignan yang hidup pada dinding usus (atau rektum)...”

(*Berita Harian*, 18 April 2013, Famili: 2)

### **iii) Laras Politik**

“ Parti Sosialis Malaysia (PSM) kecewa dengan tindakan PKR yang didakwa mungkir janji apabila meletakkan calon mereka bertanding di Dewan Undangan Negeri (DUN) semenyih”.

(*Berita Harian*, 18 April 2013, Nasional: 8)

Melalui jenis-jenis laras bahasa yang telah disebutkan, kita dapat mengenal pasti bahawa setiap bidang mempunyai laras-laras tertentu yang mencerminkan perbezaan antara satu sama lain. Pemilihan kata (perbendaharaan kata) dan susun atur ayat (tatabahasa) dapat dilihat dengan jelas yang mana ia merupakan penanda laras yang paling mudah untuk dilihat selari dengan pendapat Halliday (1964) sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Kamaruddin (1995:5). Melalui perbendaharaan kata kita dapat melihat bidang yang sedang diperkatakan samada politik, perubatan, ekonomi atau sebagainya.

#### **2.2.4.2 Laras Bahasa Arab**

Bahasa Arab juga kaya dengan perbendaharaan kata dan istilah yang pelbagai dalam memperkatakan suatu bidang khusus. Setiap perkataan mempunyai maksud yang tertentu sesuai mengikut konteks dan topik perbincangan sepertimana pendapat Halliday (1964) dan Kamaruddin (1995:5). Ia tidak terhad kepada bidang agama sahaja kerana dalam bahasa Arab juga terdapat bidang akademik, politik, perubatan, sukan dan sebagainya. Laras bahasa bagi suatu teks atau ucapan dapat dinilai melalui ciri keperihalan dengan meneliti apakah konteks sebuah teks yang ditulis dan ucapan yang diujarkan. Berikut adalah contoh-contoh laras bahasa Arab dalam pelbagai bidang:

### a) Laras Bahasa Politik

ويرجع هذا الموقف إلى تبني نواب المعارضة رؤية مختلفة لتفسيير الحكومة للدستور بعد وفاة شافيز، هذه الرؤية تتلخص في أن رئيس الجمعية الوطنية (البرلمان) ديوسرادو كابيللو هو الذي يجب أن يتولى الرئاسة بالوكالة خلال الفترة الانتقالية حتى موعد إجراء الانتخابات المبكرة وليس نائب الرئيس.

كان الدافع من وراء هذا الرفض حرمان مادورو من الاستفادة من موقع الرئيس المؤقت أو الانتقالي لدعم فرص فوزه كمرشح رئاسي خليفة للراحل شافيز علىأمل أن يؤدي إزاحة مادورو إلى إنهاء عهد "الشافيزية" كتجربة اشتراكية ثورية في فنزويلا.

Laporan diatas adalah contoh laras bahasa politik dalam bahasa Arab, yang mana terdapat perkataan-perkataan khusus yang digunakan dalam bidang politik seperti:

**Jadual 2.1: Contoh Laras Bahasa Politik**

No.	Leksikal	Maksud
1.	المَعَارِضَةُ	Pembangkang
2.	الْحُكُومَةُ	Kerajaan
3.	الْدُسْتُورُ	Perlembagaan
4.	رَئِيسُ الْجَمْعِيَّةِ الْوَطَنِيَّةِ	Presiden Dewan Negara
5.	البرِّلَمَانُ	Parlimen
6.	الرِّئَاسَةُ بِالْوِكَالَةِ	Pemangku presiden
7.	الِّإِنْتَقَالِيَّةُ	Pembubaran
8.	الِّإِنتِخَابَاتُ	Pilihanraya
9.	الْفَتَرَةُ الِّإِنْتِقَالِيَّةُ	Tempoh peralihan
10.	نَائِبُ الرِّئَاسَةِ	Naib presiden

### b) Laras Bidang Kesihatan

أحدث المعلومات عن فيروس كورونا المستجد  
26 مارس 2013 أطلع معهد روبرت كوخ المنظمة على حالة جديدة مؤكدة للعدوى  
بالفيروس التاجي الجديد

وكان المريض رجلاً مسنًا من الإمارات العربية المتحدة عمره 73 سنة نقل من مستشفى في أبو ظبي إلى ميونخ بالإسعاف الجوي في 19 آذار / مارس 2013 ولقي حتفه في 26 آذار / مارس 2013.

وتوفي المريض المرجعي في المجموعة المبلغ عنها في 11 شباط / فبراير 2013 الذي سافر إلى باكستان والمملكة العربية السعودية قبل إصابته بالمرض في المملكة المتحدة.

وأخطرت المنظمة حتى الآن بما مجموعه 17 حالة مؤكدة على الصعيد العالمي للعدوى البشرية بالفيروس التاجي الجديد تشمل 11 حالة وفاة.

Melalui ciri keperihalan yang diteliti dalam artikel di atas, leksikal-leksikal tersebut menunjukkan bahawa artikel ini adalah berkaitan laras kesihatan seperti berikut:

**Jadual 2.2: Contoh Laras Kesihatan**

No.	Leksikal	Maksud
1.	فيروس	Virus
2.	المريض	Pesakit
3.	مُستَشْفَى	Hospital
4.	الإسعاف	Ambulan
5.	العَدَوِيُّ	Jangkitan

### c) Laras Sukan

أنهى فريق الاتفاق الكروي الأول تحضيراته للمباراة التي ستجتمعه مساء اليوم الخميس بنظيره فريق الفتح بالدمام في مباراة إياب دور الثمانية لمسابقة كأس خادم الحرمين الشريفين عبر التدريبات اليومية المغلقة التي فرضها مدرب الفريق البولندي سكورزا ورکز فيها على معالجة بعض الأخطاء التي وقعت من لاعبيه في المباراة الماضية وتسبيب في خروج الفريق متعادلاً بعد أن كان الأقرب للفوز عطفاً على المستوى الذي قدموه.

Berikut adalah leksikal-leksikal yang terdapat dalam artikel sukan, dimana kesemua perkataan- perkataan itu mempunyai ciri –ciri yang melambangkan bidang sukan yang berbeza dengan bidang yang lain:

**Jadual 2.3 : Contoh Laras Bahasa Sukan**

No.	Leksikal	Maksud
1.	فِرِيقٌ	Pasukan
2.	المَبَارَأةُ	Perlawan
3.	دَوْرَ الشَّمَانِيَّةِ	Suku Akhir
4.	كَاسٌ	Piala
5.	التَّدْرِيْبَاتُ الْيَوْمِيَّةُ الْمُعْلَقَةُ	Latihan Harian Tertutup
6.	لَاعِيَّةٌ	Pemain
7.	الفَرِيقُ الْبُولَنْدِيُّ	Pasukan Poland
8.	كَاسُ خَادِمِ الْحَرَمَيْنِ الشَّرِيفَيْنِ	Piala
9.	مُبَارَأةٌ إِيَابٌ	Pusingan Kedua
10.	مُتَعَادِلًاً	Terikat

#### **2.2.4.3 Laras Ekonomi**

Menurut Wong (2003:30) istilah ekonomi boleh dikrifkan sebagai perkataan-perkataan tertentu secara khususnya memperkatakan bidang ekonomi. Penggunaan perkataan-perkataan yang khusus merujuk bidang ekonomi atau istilah ekonomi akan memperkatakan laras ekonomi dalam sesuatu teks. Laras ekonomi adalah berbeza dengan laras bahas yang lain kerana penumpuan adalah kepada penyampaian maklumat yang tepat kepada pembaca.

Oleh itu, unsur keindahan dan kiasan tidak terdapat dalam laras ekonomi di mana laras yang digunakan adalah bersifat penyampaian secara terus kepada penerima. Selain itu juga, laras ekonomi melibatkan pemilihan perkataan tertentu yang hanya digunakan dalam bidang ekonomi sahaja selain melibatkan angka dan peratusan menjadi penanda laras ekonomi. Berikut adalah contoh laras ekonomi yang terdapat dalam bahasa Melayu dan Bahasa Arab:

##### **a) Contoh Laras Ekonomi dalam Bahasa Melayu**

“Mata wang dolar Amerika Syarikat (AS) dan Euro juga meningkat berbanding yen, sementara harga emas berada di paras rendah selepas mengalami kejatuhan dengan mencecah paras terendah dalam tempoh 30 tahun isnin lalu”.

(*Berita Harian*, 18 April 2013, bbbiz: 12)

Melalui contoh artikel diatas, dapat dilihat beberapa perkataan khusus yang digunakan dalam bidang ekonomi. Penggunaan perkataan-perkataan ini membentuk satu laras bahasa ekonomi. Contoh perkataan ekonomi tersebut adalah:

#### Jadual 2.4: Contoh Laras Ekonomi Bahasa Melayu

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
1.	Mata wang	Currency
2.	Dolar Amerika Syarikat	American dollar
3.	Euro	Euro
4.	Yen	Yen
5.	Meningkat	Increase
6.	Harga	Price
7.	Kejatuhan	Decline
8.	Paras terendah	Lowest level

#### b) Contoh Laras Ekonomi dalam Bahasa Arab

ارتفاع مفاجئ للناتج الصناعي الألماني في مارس

ارتفع الناتج الصناعي الألماني على غير المتوقع في مارس آذار الماضي وفقاً لبيانات أصدرتها وزارة الاقتصاد أمس الأربعاء وكانت بيانات أخرى سابقة قد رسمت صورة أكثر قتامة لأكبر اقتصاد في أوروبا.

وقفز الناتج بنسبة 1.2 بالمئة في شهر مارس إذ أنتجت المصانع المزيد من السلع الرأسمالية والاستهلاكية والوسطية وزاد إنتاج الطاقة. وجاء الرقم الرئيسي أعلى من متوسط توقعات المحللين في استطلاع أجراه رويتزر وكان يشير إلى تراجع 0.1 بالمئة وتجاوز كذلك أعلى توقع زيادة نسبتها 0.8 بالمئة.

ويأتي ذلك في أعقاب بيانات أظهرت ارتفاع الطلبيات الصناعية مرة أخرى في مارس مدرومة بطلب قوي من منطقة اليورو.

Berikut adalah contoh-contoh perkataan yang melambangkan laras bahasa ekonomi yang diambil daripada surat khabar Al-Jazeera.com :

**Jadual 2.5: Contoh Laras Bahasa Ekonomi**

No.	Leksikal	Maksud
1.	إِرْتِفَاعٌ	Kenaikan
2.	مُفَاجَحَىٰ	Mendadak
3.	النَّاتِجُ الصِّنَاعِيُّ الْأَلْمَانِيُّ	Produk Buatan Jerman
4.	أَصْدَرَتْهَا	Dieksport
5.	قَفْزٌ	Melonjak
6.	النَّاتِجُ	Pengeluaran / Produk
7.	السَّلْعُ الرَّأْسَمَالِيَّةُ	Barangan Modal
8.	الْإِسْتَهْلاَكِيَّةُ	Pengguna
9.	تَوَقُّعَاتٍ	Purata
10.	المَحْلِلِينَ	Penganalisis

### 2.3 Pengolongan kata

Kosa kata merupakan khazanah yang dimiliki oleh sesuatu bahasa dan juga pengguna bahasa (Kamus linguistik, 1997:141). Peranan kosa kata penting dalam mencerminkan bidang ilmu yang terdapat dalam sesuatu bahasa. Semakin banyak kosa kata dalam sesuatu bahasa, maka semakin banyaklah ilmu pengetahuan yang terdapat dalam bahasa tersebut. Sebaliknya, ilmu pengetahuan akan berkurangan sekiranya kosa kata dalam sesuatu bahasa akan berkurangan (Ab. Razak, 2006:119).

Namun begitu, setiap bahasa mempunyai penggolongan kata yang berbeza di antara satu sama lain. Nik Safiah (2008:81), mengatakan bahawa perkataan dalam sesuatu bahasa dapat digolongkan ke dalam golongan tertentu berdasarkan beberapa kriteria, misalnya kriteria struktur fonologi (bunyi), kriteria struktur morfem, kriteria sintaksis dan kriteria semantik. Pengetahuan mengenai penggolongan kata amat penting dalam menjamin penggunaan perkataan dalam sesuatu ayat dengan betul dan tepat.

### **2.3.1 Penggolongan Kata Bahasa Melayu**


Abdul Hamid Mahmood (1999:22), menyatakan di dalam bukunya bahawa terdapat pelbagai jenis kata dalam bahasa Melayu seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata sendi nama, kata keterangan, kata hubung, kata seru dan kata sandang. Namun, kelas kata dalam bahasa Malaysia digolongkan kepada empat golongan utama iaitu:

- i) Kata nama
- ii) Kata kerja
- iii) Kata adjektif
- iv) Kata tugas

Penggolongan yang dinyatakan oleh beliau ini juga didapati selari dengan penggolongan yang telah dibuat oleh Nik Safiah (2008:83) dalam bukunya yang bertajuk “*Tatabahasa Dewan*”. Beliau juga menyatakan bahawa kata nama, kata kerja dan kata adjektif boleh disebut golongan kata utama. Manakala, perkataan-perkataan selain ketiga-tiga jenis kata boleh dikelompokkan ke dalam satu golongan kata secara kolektif yang disebut sebagai kata tugas. Ini membuktikan bahawa penggolongan kata yang diberi oleh Abdul Hamid Mahmood (1999:22) adalah menyamai dengan penggolongan yang dibuat oleh Nik Safiah (2008:83).

### 2.3.2 Pengolongan Kata Bahasa Arab

Pada dasarnya, ahli linguistik Arab tradisional seperti *Sibawaih*, telah sepakat membahagikan pengolongan kata dalam bahasa Arab kepada tiga komponen yang utama. Namun begitu, melalui perkembangan bahasa yang berlaku, ahli linguistik bahasa Arab yang moden telah menambah beberapa sub golongan kepada golongan kata yang sedia ada. Secara amnya asas golongan kata bahasa Arab terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu:



**Rajah 2.2: Pengolongan Kata Dalam Bahasa Arab**

#### 2.3.2.1 الاسم (Kata Nama)

Syauqī Ḏaif (2003:49) dan Muṣṭafa al-Ghalāyāni (1997:9) mendefinisikan الاسم atau kata nama sebagai sesuatu yang menunjukkan makna dan tidak dibezakan dengan masa. Disamping itu, an-naqrat (2003:12) juga turut menyatakan bahawa kata nama adalah perkataan yang menunjukkan ditunjukkan zatnya kepada sesuatu yang boleh dirasa atau sesuatu yang tidak boleh dirasa tapi difahami oleh akal yang mana kedua-duanya tidak berkaitan dengan masa. Daripada definisi yang telah diberikan, boleh disimpulkan bahawa, الاسم atau kata nama dalam bahasa Arab adalah sesuatu yang mempunyai makna, boleh dirasa melalui pancaindera dan tidak berkaitan dengan masa contohnya المِدِينَة (bandar), أَحْمَد (Ahmad), الْجَبَلُ (bukit) dan sebagainya.

### **2.3.2.2 الفعل (Kata Kerja)**

pula bermaksud apa yang menunjukkan makna pada dirinya dan melibatkan masa Mustafa al-Ghalayayni (1997:11). Selain itu Syauqi Daif (2003:13) juga memberi definisi kata kerja dalam bahasa Arab dengan setiap perkataan yang menunjukkan makna pada dirinya dan dibezakan melalui masa yang khusus, masa lampau, masa kini atau masa akan datang. Mereka juga telah membahagikan kata kerja dalam bahasa Arab kepada tiga jenis iaitu:


- i) فَعْلُ الْمَاضِي (kata kerja masa lampau)
- ii) فَعْلُ الْحَاضَرِ (kata kerja masa kini)
- iii) فَعْلُ الْأَمْرِ (kata kerja perintah)

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa kata kerja dalam bahasa Arab haruslah perkataan-perkataan yang boleh dibezakan melalui waktu sama ada masa lampau, kini, atau akan datang.

### **2.3.2.3 آخرف (partikel)**

Harf (partikel) ataupun dalam bahasa Malaysia disebut huruf adalah perkataan yang tidak menunjukkan sebarang makna secara sendiri, tetapi menunjukkan makna pada yang lain selepas meletakkannya didalam ayat sepertimana pendapat Syauqi Daif (2003:43). Ini bermakna, harf (huruf) dalam bahasa Arab tidak boleh berdiri dengan sendiri, tetapi memerlukan perkataan lain untuk memberi makna padanya, dengan kata lain, harf perlu diletakkan bersama-sama perkataan lain dalam satu ayat untuk memberi makna.

Namun begitu, seiring dengan peredaran masa yang berlalu serta perkembangan terhadap bahasa Arab itu sendiri, ahli-ahli linguistik Arab moden telah mengambil asas pengolongan kata ini kemudian dikemaskini dan dikembangkan kepada beberapa pendapat yang berbeza. Abdullah Tahmin (2005:4) meneliti pengolongan kata bahasa Arab ini dari sudut pandangan yang lebih bersesuaian dengan masyarakat Malaysia yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa ketiga, mengatakan golongan kata bahasa Arab lebih mudah dilihat melalui pecahan-pecahan berikut:



**Rajah 2.3: Pengolongan Kata Oleh Abdullah Tahmin.**

Melalui pembahagian yang telah dibuat oleh beliau, pengkaji mendapati bahawa beliau telah menambah satu golongan tambahan dalam pengolongan kata bahasa Arab yang telah dibuat oleh ahli nahu Arab terdahulu. **الوصف** (kata sifat) dipecahkan kepada satu golongan lain. Pembahagian ini adalah sama dengan pengolongan kata bahasa Melayu yang mengolongkan kata sifat/ adjektif kepada golongan kata yang berlainan. Pengkaji juga berpendapat bahawa, pembahagian ini dibuat bagi memudahkan pelajar-pelajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Malaysia untuk mendalami bahasa Arab sesuai dengan budaya linguistik bahasa Melayu.

Walaupun terdapat perbezaan pendapat di antara ahli linguistik bahasa Arab, ini tidak menunjukkan sebarang kekurangan terhadap bahasa Arab. Perbezaan ini berlaku hanyalah disebabkan perkembangan pemikiran ahli linguistik tersebut yang meneliti pengolongan kata dengan lebih mendalam dan juga dengan cara menyesuaikannya kepada golongan pelajar yang bukan penutur asli bahasa Arab seperti mana di Malaysia.

Pada dasarnya, penambahan sub-sub golongan kata ini juga bermula daripada tiga jenis golongan kata yang diketengahkan oleh ahli linguistik tradisional bahasa Arab. Manakala, ahli linguistik bahasa Arab masa kini hanya menambah golongan kata yang sedia ada dengan mencipta satu sub golongan baharu yang mana telah sedia ada dalam golongan kata utama.

## 2.4 Pembentukan Kata dalam Bahasa Arab

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang unik di dalam dunia. Menurut (Mohd Zaki Abd Rahman dan Che Radiah Mezah, 2010: 41) salah satu ciri bahasa Arab adalah penetapan pola (acuan) kata yang dikenali sebagai ‘*waṣn*’ untuk tujuan pemadanan setiap kata dalam bahasa Arab oleh ahli-ahli bahasa Arab. Fungsi *waṣn* adalah untuk menerangkan kedudukan sesuatu perkataan dari sudut pengimbuhan, penukaran, penggantian sesuatu huruf atau apa-apa perubahan yang berlaku ke atasnya (Mohd Rosdi Ismail, 2000:1).

Tujuannya adalah untuk memudahkan sesuatu kata itu dikembalikan kepada rumpun asalnya, mengklasifikasi jenis kata, menyelaraskan sistem derivasi kata dan merumuskan pengaedahan pecahan kata kerja dan kata nama. Kata kerja dan kata nama, pada umumnya mempunyai bilangan huruf paling minimum sebanyak tiga huruf. Sekiranya diimbuhkan dengan huruf-huruf tambahan dalam proses derivasi, kata nama boleh mencapai maksimum sebanyak tujuh huruf, seperti *إِسْتَفْرَأْ* (penelitian) yang kata akarnya *قَرَأْ* (membaca), dan kata kerja boleh mempunyai maksimum sebanyak enam huruf sahaja, seperti *إِسْتَخْدَمْ* (menggunakan) yang kata akarnya *خَدَمْ* (membantu) (‘Abbās Hassan, 1986:4/748-749).


Mohd Zaki Abd. Rahman dan Che Radiah Mezah (2010:47) menyatakan dalam buku yang bertajuk “Ciri-Ciri Bahasa Arab Fonetik, Morfologi Dan Sintaksis” bahawa terdapat perbezaan di antara Mazhab Basrah dan Mazhab Kufah dalam menetapkan kata akar bagi perkataan dalam bahasa Arab. Mazhab Basrah berpendangan bahawa kata nama terbitan (*masdar*) merupakan asal kepada kata kerja dan pecahannya. Ini adalah kerana mereka berpendapat bahawa kata terbitan membawa makna perlakuan sahaja manakala kata kerja dalam bahasa Arab membawa dua aspek makna, iaitu perlakuan dan masa. Berbeza dengan pendapat *Mazhab Kufah* yang mengatakan bahawa kata kerja merupakan asal kepada yang lain termasuk kata nama terbitan kerana pembentukan kata nama terbitan adalah menurut bentuk kerja.

‘Abbās Hasan (1986:4/751-752) menyatakan bahawa mengikut sistem pola bahasa Arab, setiap kata dikira terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga huruf yang berdasarkan bilangan minimum bagi kata akar. Huruf pertama dipanggil Fā’ fii’l, huruf kedua sebagai ‘Ayn fii’l dan huruf terakhir dipanggil Lām fii’l. Seperti contoh kata kerja سَعَ dipadankan dengan pola فعل وَ and kata nama جُنْدُ dipadankan dengan pola فَعْلُ.

Beliau juga turut menjelaskan pendapat ahli inguistik moden iaitu Tammām Hassān (1979) yang telah mencadangkan supaya tiga huruf yang menjadi teras dalam perkataan dikira sebagai asal, tanpa melihat kepada makna. Pendapat beliau ini didapati bagi mengelakkan perbezaan pendapat di antara *Mazhab Basrah* dan *Mazhab Kufah*. Walaupun terdapat perselisihan pendapat dalam menentukan jenis asal kata yang menjadi punca derivasi, ahli bahasa sepakat dalam menetapkan bentuk-bentuk kata terbitan mengikut system derivasi bahasa Arab. Mereka juga sepakat dalam menjadikan kata kerja kala lampau sebagai asas dalam menderivasikan kata kerja yang berbagai bentuk (‘Ilmīl Badī’, 1986:196-197).

#### **2.4.1 Pembentukan Kata Bahasa Arab Melalui Imbuhan**

Bagi menjalankan analisis dalam aspek morfologi laras ekonomi yang terdapat dalam artikel yang dikaji, salah satu tumpuan diberi kepada aspek imbuhan dalam perkataan bahasa Arab. Menurut Che Radiah dan Nor Hayuza (2011: 41), imbuhan merupakan aspek yang berkaitan dengan pembentukan kata. Ia merupakan morfem terikat yang bergabung dengan morfem lain bagi menghasilkan makna. Definisi imbuhan atau dikenali sebagai **زِيَادَةٌ** dalam bahasa Arab sepetimana yang terdapat dalam Kamus Besar Dewan Arab Melayu (2006:1068) dari sudut ilmu morfologi adalah huruf-huruf tambahan iaitu yang dihimpun dalam satu perkataan (**سَأْلُتُمُونِيهَا**). Penambahan huruf kepada perkataan **المُجَزَّدُ** (tiga binaan asas dalam perkataan bahasa Arab) menjadikan suatu perkataan itu berimbuhan. Melalui pembahagian diatas, kajian ini hanya memberi fokus kepada pola imbuhan sahaja. Menurut Che Radiah dan Nor Hayuza (2011: 41) terdapat dua jenis imbuhan dalam pembentukan kata bahasa Arab iaitu imbuhan yang terdiri daripada pengulangan huruf asal suatu perkataan dan imbuhan yang berlaku hasil daripada penambahan huruf lain. Berikut adalah jenis imbuhan tersebut:



**Rajah 2.4: Bentuk Imbuhan Dalam Bahasa Arab**


Selain daripada perbezaan dalam penambahan dan pengulangan huruf dalam imbuhan, terdapat juga fungsi makna dalam imbuhan seperti di bawah ini:

### **Jadual 2.6: Fungsi Makna Dalam Imbuhan**

Bil.	Pola	Terjemahan Imbuhan	Fungsi makna
1.	أَفْعَلَ	Me	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menukar KK tak transitif kepada transitif</li> <li>- Masuk (masa / tempat)</li> <li>- Mempunyai/ memiliki</li> </ul>
2.	فَاعَلَ	Me / ber	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesalingan/ tindak balas dua pihak</li> <li>- Kekerapan/ berturut-turut</li> </ul>
3.	فَعَلَ	Me / ber	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menukar KK tak transitif kepada transitif</li> <li>- Penambahan kualiti dan kuantiti</li> <li>- Mengaitkan/ menghubungkan</li> <li>- Menuju</li> </ul>
4.	إِنْفَعَلَ	Ter	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Natijah/ kesan/ hasil</li> <li>- Memecahkan</li> </ul>
5.	أَفْتَعَلَ	Ber / ter	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggunakan / menjadikan sebagai</li> <li>- Berlebihan / bersungguh</li> <li>- Kesalingan</li> </ul>
6.	إِفْعَلَ	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kekuatan warna</li> <li>- -Kecacatan</li> </ul>
7.	تَفَاعَلَ	Ber	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesalingan</li> <li>- -Berpura-pura</li> <li>- Semakin/ beransur</li> <li>- Menukar KK tak transitif kepada transitif</li> </ul>
8.	تَفَعَّلَ	Ber / ter	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menumkar KK tak transitif kepada transitif</li> <li>- menjadikan sebagai -berusaha</li> <li>- menjauhi -beransur-ansur</li> </ul>
9.	إِسْتَفَعَلَ	Usaha / minta	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Meminta</li> <li>- -Bertukar menjadi</li> <li>- Menganggap/ merasakan</li> <li>- Pertambahan</li> <li>- -Mendapatkan</li> </ul>

#### **2.4.1.1 Pola Imbuhan Bagi Kata Kerja Bahas Arab**

Selain daripada penelitian kata kerja terhadap aspek sudut masa, kata kerja dalam bahasa Arab juga boleh diteliti daripada sudut asal dan imbuhan. Menurut Mat Taib Pa (2012: 167), kata kerja bahasa Arab dari sudut adal dan imbuhan terbahagi kepada dua: mujarrad (kata asal tanpa sebarang penambahan imbuhan atau berimbuhan) dan kata kerja berimbuhan seperti mana rajah di bawah ini:



**Rajah 2.5: Pembahagian Kata Kerja Berdasarkan Imbuhan.**

Melalui rajah di atas dapat dilihat dengan lebih jelas di mana kata kerja dari aspek mujarrad dan berimbuhan mempunyai sub pecahan kepada kata kerja tiga huruf dan empat huruf. Menurut Mohd Zaki Abd. Rahman dan Che Radiah Mezah (2010:52) jumlah pola kata kerja tiga huruf yang mengalami proses pengembangan ialah sebanyak dua belas dengan bersandarkan kepada pendapat Ahmad al-Hamalawiyy (t.t:36-45) yang menyenaraikan dua belas pola kata kerja tiga huruf yang mengalami pengembangan iaitu, إِسْتَفْعَلَ, تَقَعَّلَ, تَفَاعَلَ, إِفْعَلَ, فَاعَلَ, أَفْعَلَنَ, إِنْفَعَلَ, إِفْتَعَلَ, فَعَلَ, فَعَلَنَ, إِفْعَوَلَ and إِفْعَوَلَنَ.

Daripada dua belas pola tersebut, 9 pola diguna dengan meluas yang dikira sebagai produktif manakala 3 pola lagi dikira tidak begitu produktif kerana terhad kepada kata kerja tak transitif yang membawa makna yang agak kompleks. Selain itu, Che Radiah

Mezah (2011: 42- 43) juga bersetuju dengan senarai pola tersebut dan menambah satu lagi pola iaitu pola أَفْعَلٌ. Senarai pola ini juga merupakan senarai yang sama diberi oleh Mat Taib (2012:168 - 174) dalam tesis PhD beliau yan bertajuk “Pemilihan Perkataan dan Struktur Morfologi Dalam Surah Al-Fatihah”. Berikut adalah 9 jenis pola imbuhan bagi kata kerja bahasa Arab:



**Rajah 2.6: Pola Imbuhan Produktif bagi Kata Kerja Bahasa Arab**

Pola-pola yang disebutkan di atas merupakan 9 pola yang dikategorikan sebagai paling produktif bagi kata kerja bahasa Arab. Senarai pola imbuhan yang produktif bagi kata kerja seperti yang disebutkan akan dianalisis bagi melihat pola-pola yang sepadan dengan istilah ekonomi yang dikaji. Analisis pola imbuhan bagi kata kerja hanya kepada 9 pola imbuhan ini sahaja kerana pola-pola ini paling banyak digunakan oleh orang Arab sendiri berbanding pola-pola lain yang jarang digunakan dan dijumpai.

#### **2.4.1.2 Pola Imbuhan Bagi Kata Nama Bahasa Arab**

Sepertimana kata kerja bahasa Arab yang boleh dilihat dari pelbagai sudut yang berbeza, kata nama dalam bahasa Arab juga turut mempunyai kelebihan tersebut. Kata nama ataupun disebut sebagai **الإِسْمُ** dalam bahasa Arab boleh dilihat daripada pelbagai sudut seperti sudut jantina, bilangan dan terbitan. Bagi kajian ini, penelitian dibuat kepada kata nama **الْمَصْدَرُ** (kata nama daripada sudut terbitan).

Menurut Mat Taib Pa (2012:185-187), maṣdar merupakan sejenis kata nama yang menunjukkan perbuatan tanpa masa yang khusus. Beliau juga turut menyatakan bahawa pada dasarnya, pola maṣdar tiga huruf mujarrad adalah sama’iyy. Di mana makna yang tepat perlu dilihat kepada kamus. Namun begitu, beliau telah menyenaraikan pola maṣdar bagi kata kerja tiga huruf berimbuhan dan empat huruf. Bagi kajian ini fokus pola bagi maṣdar adalah tertumpu kepada kata kerja tiga huruf berimbuhan seperti di bawah ini:

**Jadual 2.7 : Pola Masdar Kata kerja tiga huruf berimbuhan**

<b>Jenis</b>	<b>Pola kata</b>	<b>Pola maṣdar</b>
Kata kerja Tiga huruf berimbuhan	أَفْعَلَ	إِفْعَالٌ
	فَعَّلَ	تَفْعِيلٌ / تَفْعِلَةٌ
	فَاعَلَ	فِعَالٌ / مُفَاعَلَةٌ
	إِنْفَعَلَ	إِنْفَعَالٌ
	إِفْتَعَلَ	إِفْتَعَالٌ
	تَفَعَّلَ تَفَاعَلَ	تَفَعُّلٌ
	إِفْعَلَ	إِفْعَالٌ
	إِسْتَفْعَلَ	إِسْتَفْعَالٌ

Pola imbuhan bagi **الْمَصْدُرُ** (kata nama terbitan) dalam bahasa Arab yang biasa digunakan adalah sebanyak 8 pola sepertimana yang dinyatakan dalam jadual. Kesemua pola ini akan dianalisis bagi mencari pola yang sepadan dengan istilah-istilah ekonomi yang telah dikumpul.

#### 2.4.2 Pembentukan Kata Melalui *Maṣdar Ḫinā'iyy*

*Maṣdar Ḫinā'iyy* merupakan salah satu cabang yang terdapat dalam *maṣdar* (kata nama terbitan). Penggunaan *maṣdar ḥinā'iyy* dalam kalangan orang Arab pada zaman silam adalah terhad menurut pendapat Suhair Muhammad Khalīfaṭ (1980:314). Namun begitu, Azlan Abd. Rahman (2003:40) menyatakan bahawa dalam kehidupan pada masa kini, skop penggunaan masdar sinai semakin bertambah meluas berbanding penggunaan pada masa dahulu.

Ahli linguistik Arab seperti ‘Abd. Rajhi (1984:73) menyatakan bahawa *maṣdar ḥinā'iyy* adalah *maṣdar* yang dibentuk secara *qiyāsi* bagi menunjukkan sifat yang wujud dalam sesuatu kata nama. Manakala, Mohd ‘Abd. Ghaniy (1988:61) dan Mohd Rosdi Ismail (2002:94-95) memberi takrif *maṣdar ḥinā'iyy* yang hampir sama dan secara ringkasnya boleh disimpulkan sebagai kata nama terbitan yang ditambah huruf (ي) dihujungnya yang berfungsi untuk menunjukkan unsur sifat atau nisba dan huruf (ة) selepasnya yang berfungsi menunjukkan berlaku perubahan makna perkataan tersebut daripada makna asal kepada makna baru yang lebih luas. Azlan Abd Rahman (2003:40) telah memetik daripada Fakhr al-Dīn Qabāwaṭ (1988:147) yang menjelaskan bahawa *maṣdar ḥinā'iyy* terbentuk daripada beberapa unsur iaitu:

- i) Kata nama zat seperti **الإِنْسَانِيَّةُ**
- ii) Kata nama benda seperti **الْحَدِيدِيَّةُ, الْدَّهِيَّةُ**

- iii) Kata nama mabniy **أَنَابِيَّةٌ**, **كَيْفِيَّةٌ**
- iv) Kata nama musytaq dalam bentuk maf'ul seperti **مَسْتُوْلِيَّةٌ** atau dalam bentuk kata nama pelaku seperti **فَاعِلِيَّةٌ**
- v) Kata nama murakkab seperti **رَأْسَمَالِيَّةٌ** atau muthanna seperti **إِثْنِيَّةٌ** atau jama' seperti **صِيَّانِيَّةٌ**
- vi) Kata nama 'ajamiy (asing) seperti **دِيْقَرَاطِيَّةٌ**

Berikut adalah contoh perkataan dalam bentuk *masdar sinā'iyy*:

- a. Perkataan **(الْإِنْسَانُ)** berasal daripada perkataan **(اَلْإِنْسَانُ)** yang mempunyai makna asal insan (manusia). Akan tetapi dengan penambahan huruf (يّ) dihujungnya dan ditambah huruf (ة) selepasnya mengubah masud asal perkataan tersebut kepada makna baru yang lebih meluas iaitu sifat kemanusiaan, memiliki perasaan simpati, toleransi dan sebagainya yang berkaitan dengan manusia.
- b. Perkataan **(الْوَطَنُ)** yang berasal daripada perkataan **(الْوَطْنُ)** mempunyai maksud tanah air atau negara. Penambahan huruf (يّ) dihujungnya dan ditambah huruf (ة) selepasnya menukar maksud asal perkataan tersebut menjadi makna baru iaitu perasaan cinta kepada negara atau juga semangat kebangsaan (patriotik).
- c. Perkataan **(الْجَاهِلَةُ)** yang diambil daripada perkataan **(جَاهَلٌ)** yang bermaksud seseorang yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan (jahil). Walaubagaimanapun, penambahan (ةّ) telah mengubah maksud asal perkataan tersebut kepada kejihilan yang lebih umum dan luas serta berkait dengan apa sahaja yang mempunyai unsur kejihilan seperti: kesesatan, kemunduran, kebodohan dan sebagainya.

Daripada contoh-contoh yang telah diberi, rumusan yang boleh dibuat adalah mengenai fungsi masdar sinai terhadap perubahan makna yang berlaku daripada makna asal

kepada makna baru yang lebih meluas skopnya. Ini disokong dengan beberapa pendapat seperti Mohd Rosdi Ismail (2000:35) berpendapat bahawa *maṣdar ṣinā'iyy* berfungsi sebagai untuk merujuk kepada ciri atau sifat kekal bagi sesuatu kata nama (KN) atau kata sendi (KS) dengan konteks makna estetika yang terbuka luas.

Penambahan lafaz (添) pada sesuatu KN atau KS akan membawa perubahan makna yang ketara daripada makna asal yang sempit kepada makna baru dalam konteks yang lebih luas dan tidak terhad. Begitu juga menurut Azlan Abd. Rahman (2003:40) mengatakan bahawa masdar sinai berfungsi menukarkan sesuatu makna perkataan daripada skop maknanya yang asal kepada makna baharu yang lebih umum.

## 2.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, melalui penerangan dan contoh-contoh yang telah diberi, dapat diihat bahawa dalam bahasa Arab juga terdapat laras bahasa (النمط). Laras bahasa boleh juga dikenal pasti melalui perbendaharaan kata yang digunakan. Ini bermakna setiap perkataan yang digunakan boleh diketahui bidang perbincangan yang sedang dijalankan samada dalam bentu penulisan atau ujaran. Bahasa Arab sendiri telah mewujudkan perkataan-perkataan atau istilah yang tertentu yang menunjukkan ala bidang. Walaupun kekurangan rujukan kajian lepas dalam bahasa Arab, kajian-kajian yang sedia ada juga sedikit sebanyak membantu dalam menjalankan kajian laras bahasa ekonomi ini.

## BAB 3


### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pendahuluan

Secara dasarnya, kajian yang dijalankan ini menggunakan dua kaedah penyelidikan yang utama iaitu kaedah kualitatif dan disokong oleh kaedah kuantitatif untuk mengumpul dan menganalisis data bagi memenuhi objektif-objektif kajian yang ingin dicapai. Bab ini terbahagi kepada metodologi kajian, penentuan subjek, pengumpulan data, penganalisisan data dan prosuder kajian.

#### 3.1 Metodologi Kajian

Kajian ini akan dijalankan berdasarkan metodologi kajian yang telah digunakan oleh Ahmad Fikri (2010:9) dalam kajian beliau. Beliau menyatakan bahawa metodologi dalam suatu kajian penting dalam mendapatkan analisis dan hasil dapatan yang terbaik. Antara komponen utama dalam metodologi kajian adalah, metode penentuan subjek, pengumpulan data dan analisis data. Bagi memberi penerangan yang lebih mudah dan jelas untuk difahami, berikut adalah gambarajah yang menerangkan secara umum tentang metodologi kajian ini:



**Rajah 3.1: Metodologi Kajian**

### **3.2. Penentuan Subjek**

Majalah Aswaq dipilih sebagai subjek kajian kerana majalah ini merupakan satu-satunya majalah bilingual dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris di Malaysia. Pemilihan istilah melalui artikel-artikel mengenai ekonomi di Malaysia dalam majalah ini, memberi kelebihan kerana suasana dan keadaan ekonomi tersebut yang lebih dekat dengan persekitaran selain memberi gambaran terhadap struktur ekonomi di Malaysia.



**Rajah 3.2: Majalah Aswaq**

Majalah Aswaq merupakan sebuah majalah yang diterbitkan bagi menyampaikan maklumat-maklumat berkenaan isu-isu seperti pelancongan, pembelajaran, makanan, budaya dan juga ekonomi di Malaysia dan negara-negara Arab. Tujuan majalah ini diterbitkan adalah untuk mempromosikan Malaysia kepada khususnya kepada pelancong-pelancong di negara Arab dan serata dunia.

Disamping juga menjadi salah satu medium untuk menarik pelancong-pelancong luar khususnya dari negara Arab melancong atau belajar di Malaysia dan dalam masa yang sama dapat menjana sektor pelancongan di Malaysia seterusnya meningkatkan ekonomi

Malaysia. Selain itu, penerbitan majalah ini juga dapat mengeratkan hubungan diplomasi di antara Malaysia dan Negara-negara Arab dengan bertukar-tukar maklumat dan isu semasa antara satu sama lain.

Keluaran pertama diterbitkan semenjak tahun 2009 dan diedarkan secara percuma di Malaysia dan negara-negara Arab. Pembaca sasaran yang diberi fokus adalah dalam kalangan pembaca-pembaca dari Negara timur tengah UAE, Oman, Bahrain, Arab Saudi dan Qatar. Susunan artikel di dalam majalah ini diatur mengikut kategori satu-satu isu.

Contohnya, dalam isu ekonomi terdapat lebih kurang 6 artikel pendek yang menceritakan tentang isu ekonomi di Malaysia dan Negara Arab. Penulisan artikel-artikel dalam majalah ini yang bersifat bilingual dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris juga membolehkan bukan sahaja pembaca-pembaca dari negara Arab, malah pembaca dari Malaysia dan juga serata dunia turut berkongsi maklumat tentang isu semasa di Malaysia dan Negara-negara Arab lain.

Disamping itu, majalah ini dipilih kerana sasaran pembacanya terdiri daripada orang-orang Arab, maka, sudah tentu bahasa yang digunakan dalam majalah ini adalah bahasa Arab yang tepat dari segi susun kata, tatabahasa dan penggunaan istilahnya. Artikel dalam majalah ini juga ditulis oleh penulis-penulis yang berbangsa Arab. Maka, aspek penguasaan bahasa mereka boleh dipercayai kerana mereka menulis dalam bahasa ibunda mereka. Hal ini penting kerana terdapat perkataan-perkataan yang digunakan mengikut konteks situasi suatu keadaan yang tertentu dan tidak boleh digunakan tanpa melihat aspek konteks situasi tersebut.

### **3.3 Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data adalah penting dalam membantu proses analisis data dan perbincangan hasil dapatan. Data-data yang diperoleh dikumpul dan dinyatakan dalam bentuk jadual dan graf bagi memudahkan rujukan. Bilangan dan kekerapan istilah dikumpul mengikut statistik serta dinyatakan dalam bentuk peratusan. Statistik dan peratusan yang digunakan adalah bertujuan untuk memperlihatkan perbezaan corak di antara istilah-istilah yang dikumpul berdasarkan pembahagian melalui kategori istilah dan golongan kata. Penggunaan jadual dan graf bar dalam mewakili peratusan tersebut adalah disebabkan reka bentuknya yang jelas dan ringkas dalam membincangkan hasil dapatan.

Di antara komponen lain yang perlu dibezakan dengan jelas dalam kaedah analisis kuantitatif adalah dari aspek bilangan istilah dan kekerapan istilah yang menggunakan pengiraan secara manual. Bilangan istilah adalah kuantiti istilah ekonomi yang diperoleh dalam proses pengumpulan data. Manakala, kekerapan istilah merupakan kuantiti pengulangan satu-satu istilah dalam majalah tersebut. Aspek ini perlu dibezakan dengan jelas bagi mengelakkan kekeliruan dalam pemahaman pembaca. Melalui bentuk jadual, perbezaan ini dapat dilihat dengan jelas di mana kekerapan istilah direkodkan pada bahagian paling kanan dan bilangan istilah di bahagian tengah. Berikut adalah contoh jadual perbezaan di antara bilangan dan kekerapan istilah ekonomi yang dikaji:

**Jadual 3.1: Contoh Jadual Perbezaan Di Antara Bilangan Dan Kekerapan Istilah**

<b>Bil</b>	<b>Leksikal</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Kekerapan</b>
1.	Kata Nama	188	534
2.	Kata Kerja	19	56
<b>Jumlah</b>		<b>207</b>	<b>590</b>

Seterusnya, bagi analisis kualitatif pula, jadual-jadual digunakan untuk merekod data dan disertai dengan penerangan secara deskriptif di setiap jadual yang ada. Objektif penggunaan rekabentuk jadual untuk merekod data adalah kerana lebih ringkas dan mudah untuk dirujuk. Namun begitu perlu disusuli dengan penerangan deskriptif agar maklumat yang ingin disampaikan lebih difahami.

### **3.4 Penganalisisan Data**

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang bersifat deskriptif. Kaedah analisis linguistik berdasarkan teori analisis linguistik Leech dan Short digunakan bagi mengkaji istilah berkaitan laras ekonomi yang terkandung dalam majalah *Aswaq* bahasa Arab. Ini adalah kerana, kaedah analisis linguistik merupakan kaedah yang paling banyak digunakan oleh pengkaji-pengkaji serta bersesuaian dalam menjalankan penyelidikan laras bahasa. Selain daripada itu, kajian ini juga turut disokong oleh pendekatan kuantitatif dengan menggunakan pengiraan secara manual untuk melihat aspek kekerapan penggunaan istilah berkaitan laras ekonomi dalam majalah yang dikaji.

Setelah data-data dikumpul, proses seterusnya adalah menganalisis data-data menggunakan kaedah analisis linguistik bagi memenuhi objektif kajian yang ingin dicapai. Dua kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah analisis kualitatif dan kaedah analisis kuantitatif. Sebanyak 73 artikel berkaitan ekonomi yang telah dikumpul dalam masa setahun bermula dari bulan Januari 2013 hingga Disember 2013. Daripada jumlah keseluruhan 73 artikel yang dikumpul dalam tempoh satu tahun, 24 artikel dipilih secara rawak sebagai bahan kajian. Di mana, hanya 2 artikel bagi setiap bulan dipilih dengan melihat kepada bilangan leksikal berkaitan istilah ekonomi

yang wujud paling banyak dalam artikel-artikel tersebut. Berikut merupakan huraian terperinci mengenai kaedah analisis yang digunakan:

### **3.4.1 Penerapan Teori**

#### ***3.4.1.1 Teori Leech dan Short (1981)***

Bagi menjalankan kajian laras bahasa dalam bahasa Arab, pengkaji seperti Mohammad (2008) menumpukan kajian terhadap aspek leksikal mengenai laras bahasa berdasarkan pendekatan yang digunakan oleh Nik Safiah (1989) yang diadaptasi daripada kerangka Leech dan Short (1981). Kaedah ini juga turut digunakan oleh Mohd (2009) yang mengkaji laras bahasa sukan. Oleh itu pengkaji mendapati bahawa, pendekatan Nik Safiah (1989) adalah lebih sesuai digunakan untuk mengkaji laras bahasa dalam bahasa Arab sepertimana yang telah dilakukan oleh beberapa pengkaji sebelum ini.

Sepertimana yang telah dihuraikan oleh pengkaji dalam bab dua, empat kategori yang diketengahkan oleh Leech dan Short (1981) dalam kajian mereka telah banyak digunakan oleh ahli-ahli linguistik barat mahu pun tempatan. Empat kategori yang diperkenalkan adalah kategori leksikal, tatabahasa, keindahan bahasa dan ketenunan (kohesi) dan konteks.

Namun begitu, dalam kajian ini hanya dua kategori yang digunakan iaitu aspek leksikal dan dimasukkan aspek morfologi. Kategori keindahan tidak disentuh dalam kajian ini kerana laras bagi laporan tidak mempunyai ciri-ciri keindahan bahasa kerana ayat-ayat yang disampaikan lebih kepada fakta dan mementingkan penyampaian maklumat yang tepat. Kamaruddin (1995:55) menyatakan bahawa tiga ciri penting yang harus ada dalam laporan yang baik ialah bahasa yang digunakan mudah, gaya tulisan yang jelas dan isi yang tepat.

Ciri-ciri yang disebutkan menunjukkan bahawa dalam penulisan laporan, aspek keindahan dan ayat puitis haruslah dielakkan kerana bertentangan dengan ciri bahasa laporan. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, aspek keindahan dan ketenunan tidak diambil kira dalam menganalisis data sesuai dengan ciri data yang diambil dalam artikel laporan ekonomi. Kaedah analisis leksikal yang telah diperkenalkan oleh Leech and Short (1981) ini digunakan untuk diaplikasi dalam kajian yang dijalankan. Ini adalah kerana didapati bahawa aspek ini adalah paling sesuai untuk mengkaji laras bahasa ekonomi dalam bahasa Arab serta memenuhi kriteria bagi mencapai objektif kajian.

Mohd Zulhisyam (2009:64) telah merumuskan dalam kajiannya bahawa perkataan-perkataan tertentu akan menjadi istilah bagi suatu bidang sekiranya lafaz tersebut telah disepakati dan diputuskan oleh sebahagian besar ulamak dalam bidang tersebut. Selain itu, konsep kajian laras bahasa adalah berlatarkan bidang, maka Asmah (1987:2) menyatakan bahawa unsur-unsur yang memberikan ciri kepada laras ialah kata-kata khusus iaitu istilah-istilah yang digunakan. Oleh itu, dalam kajian ini, tumpuan diberi kepada istilah yang digunakan dalam bidang ekonomi. Beberapa fokus analisis leksikal dalam kajian ini adalah:

i) **Istilah Berkaitan Laras Ekonomi**

Istilah ekonomi dikenal pasti dengan cara merujuk kepada beberapa kamus yang akan dinyatakan pada analisis makna denotasi dan konotasi serta merujuk kepada pakar bahasa Arab Dr. Ahmad Fikri selaku penyelia kajian ini. Ia bertujuan untuk mengenal pasti istilah-istilah ekonomi yang terdapat dalam bahasa Arab. Malahan dalam masa yang sama, pengumpulan istilah-istilah ini membantu dalam memperkayakan kosa kata bahasa Arab khususnya dalam bidang ekonomi.

## ii) Klasifikasi istilah

Istilah berkaitan laras ekonomi yang telah dikumpul dikelaskan mengikut enam kategori iaitu kategori keperluan ekonomi, aktiviti ekonomi, pelaku ekonomi, tempat ekonomi, sector ekonomi dan lain-lain. Empat daripada enam kategori ini adalah berdasarkan klasifikasi kategori ekonomi oleh Wong (2003) dan kemudian ditambah dua kategori lagi iaitu sektor ekonomi dan lain-lain. Berikut merupakan penerangan mengenai kategori klasifikasi yang digunakan dalam analisis:

- **Kategori Keperluan Ekonomi** - Istilah berkaitan keperluan ekonomi terdiri daripada keperluan-keperluan yang menjadi pelengkap ekonomi sesebuah negara
- **Kategori Tempat Ekonomi** - merujuk kepada tempat atau kawasan yang wujud khususnya dalam bidang ekonomi. Di mana, tempat atau ruang ini berfungsi sebagai asas permulaan aktiviti ekonomi bagi sesebuah negara
- **Kategori Aktiviti Ekonomi** - Kategori aktiviti ekonomi merupakan proses tindakan yang dijalankan antara satu pihak dengan pihak yang lain berdasarkan modal yang ada di sesuatu lokasi tertentu (Wong, 2003:37). Semakin aktif proses ini berlaku bermakna semakin rancak aktiviti ekonomi yang berlaku seterusnya memberi kesan terhadap ekonomi sama ada semakin berkembang atau merosot. Aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan dalam sesebuah negara memberi kesan terhadap tahap ekonomi negara tersebut.
- **Kategori Pelaku Ekonomi** - Kategori terakhir adalah pelaku ekonomi iaitu pelaksana atau penggerak dalam menjalankan aktiviti ekonomi. Pelaku

ekonomi menjadi satu keperluan penting dalam menjalankan aktiviti ekonomi.

Selain daripada empat kategori sepetimana yang telah dibuat oleh Wong (2003), terdapat dua lagi kategori tambahan bagi klasifikasi istilah ekonomi dalam kajian ini iaitu kategori sektor ekonomi dan lain-lain. Dua kategori tambahan dalam kajian ini adalah seperti yang dinyatakan di bawah ini:

- **Kategori Sektor Ekonomi** - Kategori sektor ekonomi mengumpulkan istilah-istilah berkaitan laras ekonomi yang menyatakan tentang sektor-sektor ekonomi yang terdapat di Malaysia. Wujudnya pelbagai sektor yang berlainan dalam sesebuah ekonomi Negara membantu dalam menjana ekonomi serta menambahkan pendapatan Negara tersebut.
- **Kategori Lain-lain** - Baki daripada klasifikasi istilah yang dibuat, terdapat juga istilah berkaitan ekonomi dalam kategori lain-lain. Istilah-istilah ini diklasifikasi dalam kategori lain-lain kerana penggunaannya adalah secara umum dan tidak khusus dalam satu-satu kategori.

### iii) **Analisis Makna Denotasi dan Konotasi**

Manakala, analisis makna leksikologi dijalankan adalah bertujuan untuk melihat makna bagi suatu istilah. Tumpuan makna adalah kepada dua jenis makna iaitu makna denotasi dan makna konotasi. Makna denotasi adalah makna asal bagi suatu perkataan yang diperoleh dengan merujuk kepada kamus. Disamping itu, makna konotasi pula merupakan makna yang difahami mengikut kesesuaian konteks dan tajuk perbincangan yang sedang dijalankan.

### **3.4.1.2 Analisis Morfologi Bahasa Arab.**

Analisis morfologi bagi kajian ini dijalankan bersandarkan kepada pendapat Ahmad al-Hamalawiyy (t.t:36-45) yang menyenaraikan dua belas pola kata kerja tiga huruf yang mengalami pengembangan iaitu, تَفَعَّلْ, تَفَاعَلْ, إِفْتَعَلْ, إِنْفَعَلْ, فَاعَلْ, أَفْعَلْ, إِفْعَوَلْ, إِنْفَعَوَلْ, فَاعَوْلْ, أَفْعَوْلْ, إِسْتَفَعَلْ, إِسْتَفَعَوَلْ. Dua aspek yang akan dianalisa adalah golongan kata bahasa Arab dan pembentukan istilah berkaitan laras ekonomi melalui pola imbuhan. Bagi analisis golongan kata tumpuan adalah hanya kepada dua golongan kata iaitu i) kata nama yang terbahagi kepada kata nama am dan kata nama khas serta ii) kata kerja.

Fokus juga diberi kepada pengolongan kata nama khas adalah disebabkan istilah-istilah ekonomi yang kebanyakannya terdiri daripada nama-nama syarikat, nama-nama bank, jawatan, serta nama sektor ekonomi. Manakala untuk analisis pembentukan kata kerja bahasa Arab, penggunaan pola imbuhan berdasarkan pola imbuhan produktif yang dipersetujui oleh ahli-ahli linguistik Arab digunakan. Selain itu, analisis pembentukan istilah ekonomi bagi kata nama bahasa Arab diteliti berdasarkan pola imbuhan kata terbitan ataupun disebut sebagai مُصْدَرْ.

### **3.4.2 Kaedah Analisis**

Kaedah analisis dalam kajian ini dibahagi kan kepada dua bahagian iaitu analisis kuantitatif bagi pengiraan yang melibatkan statistik dan peratusan. Kaedah kedua yang digunakan adalah analisis kualitatif secara linguistik dengan menggunakan pendekatan analisis leksikal Leech dan Short (1981) dan diperkemas oleh Nik Safiah Karim (1989) serta melibatkan analisis morfologi dalam pembentukan bahasa Arab melalui imbuhan dan *maṣdar ḥinā'i*.

### **3.4.2.1 Kaedah Kuantitatif**

Selain menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis data-data yang dikumpul, kajian ini juga disokong dengan kaedah kuantitatif melalui pengiraan secara manual juga digunakan bagi mengira kekerapan istilah yang ada dalam data yang dikumpul. Menurut Wong (2003:30), kekerapan penggunaan istilah ekonomi dalam sesebuah artikel atau rencana ekonomi akan menguji sesuatu tahap kemahiran penulis dalam bidang ekonomi. Ini bermaksud pengetahuan dan kemahiran ini amat perlu untuk memberi pendedahan kepada golongan pembaca mengenai dunia ekonomi serta membantu untuk memahami konteks bidang ekonomi yang masih baharu untuk diterokai. Formula pengiraan istilah tersebut adalah seperti berikut:

**Jadual 3.2:Formula Pengiraan Peratus**

Peratus	Formula
<b>Peratus kekerapan istilah ekonomi mengikut kategori</b>	$\frac{\text{Jumlah bilangan istilah (kategori)}}{\text{Jumlah bilangan keseluruhan istilah}} \times 100$
<b>Peratus kekerapan istilah ekonomi mengikut golongan kata</b>	$\frac{\text{Jumlah bilangan istilah (golongan kata)}}{\text{Jumlah bilangan keseluruhan istilah}} \times 100$
<b>Peratus kekerapan istilah ekonomi mengikut pola imbuhan kata kerja</b>	$\frac{\text{Jumlah bilangan istilah (pola imbuhan KK)}}{\text{Jumlah bilangan keseluruhan istilah}} \times 100$
<b>Peratus kekerapan istilah ekonomi mengikut pola imbuhan kata nama</b>	$\frac{\text{Jumlah bilangan istilah (pola imbuhan KN)}}{\text{Jumlah bilangan keseluruhan istilah}} \times 100$
<b>Peratus kekerapan istilah ekonomi mengikut pola <i>maṣdar sinai'</i></b>	$\frac{\text{Jumlah bilangan istilah (pola maṣdar sinai'')}}{\text{Jumlah bilangan keseluruhan istilah}} \times 100$
<b>Peratus kekerapan istilah ekonomi mengikut kategori pembentukan</b>	$\frac{\text{Jumlah bilangan istilah (pembentukan kata)}}{\text{Jumlah bilangan keseluruhan istilah}} \times 100$

Selain daripada proses pengumpulan dan penganalisaan data, perkara yang perlu dititik beratkan dalam satu kajian ialah mengenai hasil dapatan bagi suatu kajian. Penerangan mengenai hasil dapatan perlu dibincangkan dengan jelas agar mudah difahami dan mengelakkan kekeliruan pemahaman terhadap pembaca.

Penerangan secara deskriptif dan penjelasan terperinci selain daripada penggunaan jadual, rajah dan carta digunakan dalam membincangkan hasil analisis yang telah dijalankan. Ini bertujuan agar pembaca dapat memahami apa yang ingin disampaikan dengan lebih jelas dan mudah. Bantuan daripada jadual, rajah dan carta juga memberi kelebihan kepada untuk memahami dengan lebih cepat dan mudah mengenai maklumat yang ingin disampaikan.

#### **3.4.2.2 Kaedah Analisis Kualitatif**

Jumaiyah (1998:36) menyatakan bahawa penelitian terhadap istilah adalah penting kerana dapat mengambarkan laras bahasa di dalam bidang yang dikaji. Istilah juga boleh ditakrifkan sebagai perkataan atau rangkai kata yang menyatakan sesuatu dengan betul, tepat dan sesuai dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan (Kamus dewan, 2005:591). Oleh itu, istilah ekonomi juga boleh didefiniskan sebagai perkataan atau rangkai kata tertentu yang memperkatakan tentang bidang ekonomi. Tiga aspek yang dianalisis dalam kaedah kualitatif adalah seperti berikut:

##### **i) Pengolongan Kata**

Analisis pengolongan kata dijalankan adalah untuk melihat apakah jenis golongan kata yang paling kerap wujud dalam artikel ekonomi yang dikaji. Melalui analisis ini dapat

mengenal pasti laras bahasa yang digunakan samada berbentuk arahan, pernyataan, penyampaian maklumat dan sebagainya.

### **ii)      Analisis Pembentukan Kata**

Analisis pembentukan kata yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti bentuk kata asal bagi istilah ekonomi yang ada. Bagi mendapat kata asal tersebut, perlu untuk seseorang mengetahui huruf-huruf penambahan yang ada dalam satu-satu perkataan. Hal ini dapat ditentukan dengan melihat pola imbuhan yang telah disenaraikan oleh ahli linguistik arab. Namun, dalam kajian ini analisis pembentukan kata dibahagikan kepada dua aspek iaitu, pembentukan melalui pola imbuhan (kata nama dan kata kerja) dan pembentukan melalui *maṣdar sinā'i* (rujuk Bab Dua).

Selain itu juga, aspek yang diteliti dalam menganalisis pembentukan kata asal adalah dengan melihat dua bentuk imbuhan dalam bahasa Arab sepetimana yang telah diterangkan dalam bab dua iaitu pengulangan huruf dan penambahan huruf. Penelitian ini membantu bagi mencari perkataan asal bagi suatu istilah. Pengetahuan mengenai kata asal bagi suatu istilah adalah penting penting dalam bahasa Arab untuk mendapatkan makna yang tepat kerana kadang kala terdapat satu perkataan yang mempunyai banyak makna bergantung kepada konteks dan bidang yang dituturkan.

### **iii)    Makna denotasi dan konotasi**


Tujuan analisis ini adalah bagi mendapatkan makna yang tepat bagi suatu istilah, kerana terdapat perkataan-perkataan yang mempunyai makna yang berbeza mengikut konteks yang tertentu. Kamus-kamus yang digunakan sebagai rujukan dalam kajian ini adalah:

- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006)
- Kamus Istilah Ekonomi dan Perdagangan Melayu – Arab (1992)
- Kamus Istillah Ekonomi (1988)
- *al-munjid fi'l-lughah al-'arabiyyat al-mu'āṣirat* (2000)
- A Pocket Dictionary of Economics and Commerce (2004)
- *Mu'jam al-wasiṭ* (t.t)
- *al-Marbawiyy* (1995)

### 3.5 Prosuder Kajian

Prosuder kajian dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu prosuder kajian analisis kuantitatif dan prosuder kajian analisis kualitatif. Huraian selanjutnya mengenai prosuder kajian ini adalah seperti yang dinyatakan di bawah ini:

#### 3.5.1 Analisis Kuantitatif



**Rajah 3.3 : Prosuder Kajian Analisis Kuantitatif**

**Langkah Pertama** : istilah-istilah berkaitan laras ekonomi dalam setiap artikel yang telah dikumpul dikeluarkan melalui kaedah pemerhatian (kualitatif) dan kemudiannya akan direkod.

**Langkah Kedua:** seterusnya, istilah-istilah tersebut diasingkan mengikut kategori ekonomi yang telah dibuat. Ini adalah untuk memudahkan penelitian kepada istilah-istilah tersebut kerana bilangan yang banyak .

**Langkah Ketiga:** Istilah-istilah tersebut juga dianalisis untuk mendapatkan bilangan dan kekerapan yang wujud dalam 24 artikel yang dikaji menggunakan formula pengiraan secara manual dalam jadual 3.2. Ini bagi mendapatkan statistik dan peratusan istilah ekonomi yang telah diperoleh.

### 3.5.2 Analisis Kualitatif

Analisis morfologi bagi kajian ini dijalankan untuk melihat aspek morfologi dalam istilah-istilah berkaitan laras ekonomi yang telah dikumpul. Dua aspek yang akan dianalisis adalah pembentukan istilah melalui pola imbuhan dan makna denotasi bagi 10 istilah yang dipilih secara rawak daripada keseluruhan istilah ekonomi yang telah dikumpul.

Untuk analisis pembentukan kata kerja bahasa Arab, penggunaan pola imbuhan berdasarkan pola imbuhan produktif yang dipersetujui oleh ahli-ahli linguistik Arab digunakan. Selain itu, analisis pembentukan istilah ekonomi bagi kata nama bahasa Arab diteliti bedasarkan pola imbuhan kata terbitan ataupun disebut sebagai *مصنّع*. Manakala, bagi analisis makna denotasi dan konotasi istilah, dengan merujuk kepada

beberapa kamus seperti yang telah dinyatakan dalam subtopik 3.4.2.2 analisis makna. Langkah-langkah bagi analisis tatabahasa adalah seperti berikut:

Mengkategorikan istilah ekonomi mengikut golongan kata (diambil daripada analisis kuantitatif)

Menganalisis istilah ekonomi yang sepadan dengan pola imbuhan yang disenaraikan

Menganalisis makna istilah ekonomi mengikut makna dalam kamus dan konteks situasi

Memberiuraian terperinci mengenai pembentukan kata bagi istilah yang sepadan dengan pola imbuhan beserta contoh ayat

**Rajah 3.4 : Prosedur Kajian Analisis Kualitatif**

**Langkah Pertama:** Mengkategorikan istilah-istilah ekonomi yang telah dikumpul mengikut golongan kata seperti dalam analisis kuantitatif.

**Langkah Kedua:** Analisis pembentukan kata dimulakan dengan mengeluarkan istilah-istilah ekonomi dalam golongan kata nama dan kata kerja yang sepadan dengan pola imbuhan yang telah disenaraikan.

**Langkah Ketiga:** Pola imbuhan bagi istilah-istilah dalam golongan kata kerja dan kata nama diteliti dengan merujuk kepada pola imbuhan dalam bahasa Arab. Penerangan terhadap pembentukan kata ini diuraikan satu persatu disertakan dengan contoh ayat yang diambil dari artikel yang dikaji.

**Langkah Keempat:** Menganalisis 10 istilah ekonomi yang dipilih secara rawak untuk meneliti makna denotasi (makna dalam kamus) dan makna konotasi (mengikut pemahaman dan konteks).

**Langkah Kelima:**uraian bagi analisis yang dijalankan akan dibincangkan secara deskriptif dibantu oleh jadual dan gambar rajah.

### **3.6 Kesimpulan**

Kaedah kajian yang sesuai dan tepat membantu pengkaji untuk menganalisis data dalam menjalankan kajian. Selain itu, rujukan dalam kajian-kajian lepas juga membantu pengkaji untuk mendapatkan teori, pendekatan dan kaedah analisis yang sesuai digunakan serta menjadi panduan bagi menjalankan kajian ini. Menerusi kaedah yang digunakan dalam kajian laras ekonomi ini, objektif kajian dapat dicapai dengan lebih mudah.

## BAB 4

### ANALISIS DAN HASIL DAPATAN

#### 4.0 Pendahuluan

Analisis terhadap laras ekonomi dalam majalah *Aswāq* ini merupakan satu analisis linguistik Leech dan Short (1981) dan Nik Safiah Karim (1989). Kaedah analisis dan perbincangan secara kuantitatif digunakan dalam melihat analisis kekerapan istilah ekonomi. Manakala, bagi kaedah analisis kualitatif dan perbincangan secara deskriptif juga digunakan. Data-data yang diperolehi dikemukakan dalam bentuk jadual, carta pai dan graf untuk memudahkan perbincangan lebih jelas serta membantu pembaca untuk memahami data tersebut.

#### 4.1 Analisis Kuantitaif

Analisis ini digunakan untuk mendapatkan peratus bilangan dan kekerapan istilah ekonomi yang diperolehi daripada artikel yang dikaji di dalam majalah *Aswaq*. Terdapat dua aspek yang dianalisis menggunakan kaedah analisis kuantitatif dengan melibatkan pengiraan secara manual bagi analisis pengolongan kata dan kategori istilah.

##### 4.1.1 Analisis Pengolongan Kata dan Kategori Istilah

Melalui 24 artikel yang dianalisis, sebanyak 207 istilah ekonomi yang telah dikumpul daripada artikel-artikel tersebut. Istilah-istilah tersebut terdiri daripada satu hingga lima

perkataan. Ini adalah kerana, istilah-istilah ekonomi yang ada tidak terhad kepada satu perkataan sahaja tetapi terdapat juga istilah yang melebihi dua perkataan kerana pengkaji juga turut mengumpul istilah yang melibatkan nama khas seperti organisasi dan sektor-sektor ekonomi. Analisis pengolongan kata dijalankan berdasarkan pengolongan kata bahasa Arab kepada 3 iaitu **الإسم** (Kata Nama), **ال فعل** (Kata Kerja), dan **الحرف** (kata hubung).

Hanya golongan kata bagi kata nama dan kata kerja sahaja yang dianalisis kerana golongan kata hubung tidak boleh hadir secara bersendirian dan perlu digabung samada dengan **الإسم** (Kata Nama) atau **ال فعل** (Kata Kerja) (Ahmad 2003:14). Analisis ini dijalankan untuk melihat apakah jenis golongan kata yang paling kerap wujud dalam artikel ekonomi yang dikaji. Melalui analisis ini dapat mengenal pasti laras bahasa yang digunakan samada berbentuk arahan, pernyataan, penyampaian maklumat dan sebagainya.

**Jadual 4.1: Peratus Istilah Mengikut Golongan Kata**

Bil	Leksikal	Bilangan	Peratusan Bilangan	Kekerapan	Peratusan Kekerapan
1.	Kata Nama	188	90.9%	505	90.5%
2.	Kata Kerja	19	9.1%	56	9.5%
<b>Jumlah</b>		<b>207</b>	<b>100%</b>	<b>561</b>	<b>100%</b>

Pemerhatian terhadap istilah ekonomi bahasa Arab bahawa terdapat sebanyak 207 istilah ekonomi yang wujud dalam majalah Aswaq bahasa Arab keluaran Januari 2013 hingga Disember 2013. Analisis kajian mendapati bahawa istilah-istilah tersebut digunakan sebanyak 561 kali dalam majalah tersebut. Istilah-istilah tersebut dibahagikan kepada dua golongan kata sahaja iaitu kata nama dan kata kerja. Ini adalah kerana golongan

kata dalam bahasa Arab hanya terdapat tiga golongan iaitu **الاسم** (Kata Nama), **الفعل** (Kata Kerja), dan **الحرف** (kata hubung). Golongan kata ketiga **الحرف** (kata hubung) mempunyai ciri yang tetap dan tidak berubah. Oleh itu golongan kata ini tidak diambil kira dalam analisis istilah ekonomi ini.

Melihat kepada analisis yang dijalankan, kata nama menunjukkan kekerapan yang tertinggi dan mendominasi kebanyakan istilah ekonomi dalam artikel yang dikaji sebanyak 90.9% iaitu 188 daripada 207 bilangan istilah ekonomi yang dikumpul. Manakala, hanya terdapat sebilangan kecil istilah ekonomi tersebut dalam golongan kata kerja iaitu sebanyak 19 (9.1%) istilah berbanding 207 bilangan keseluruhan istilah yang telah dikumpul.

Ini menunjukkan bahawa melalui artikel yang dikaji, golongan kata nama merupakan golongan kata yang dominan berbanding golongan kata kerja melalui bilangan kewujudan istilah ekonomi yang dikumpul. Kekerapan kehadiran kata nama dalam suatu artikel adalah disebabkan golongan kata tersebut mendukung makna yang lebih spesifik berbanding golongan kata lain yang lebih umum sifatnya dan kehadirannya tidak dapat menerangkan suatu benda dengan jelas (Wong, 2003: 57).


#### **4.1.2 Analisis Klasifikasi Istilah**

Seterusnya, istilah-istilah tersebut diasingkan kepada enam kategori yang sesuai mengikut tema-tema tertentu. Pemilihan kategori ini dibuat mengikut jenis-jenis kategori yang dibuat oleh Wong (2003) dalam tesis beliau yang bertajuk: ‘*Penggunaan Laras Ekonomi dalam Akhbar Melayu: Satu Analisis Leksikal*’. Jenis-jenis kategori yang dibuat adalah keperluan ekonomi, tempat, aktiviti ekonomi dan pelaku. Akan

tetapi dalam kajian ini terdapat penambahan kategori lain yang iaitu, sektor ekonomi dan lain-lain. Pembahagian ini bertujuan untuk memudahkan rujukan istilah-istilah yang ada kerana bilangannya yang banyak dan sukar dirujuk kembali jika tidak dikumpulkan mengikut kategori. Selain itu, hal ini memudahkan pengenal pastian topik perbincangan dalam sesebuah artikel. Berikut adalah analisis bilangan dan kekerapan istilah ekonomi mengikut kategori:

**Jadual 4.2: Jumlah Bilangan dan Kekerapan Istilah Ekonomi Mengikut Kategori**

Bil.	Kategori	Bilangan	Kekerapan
1.	Keperluan Ekonomi	44	215
2.	Tempat Ekonomi	32	75
3.	Aktiviti Ekonomi	44	129
4.	Sektor Ekonomi	40	50
5.	Pelaku Ekonomi	10	18
6.	Lain-lain	18	18
7.	Kata kerja	19	56
<b>Jumlah keseluruhan</b>		<b>207</b>	<b>561</b>



**Rajah 4.1: Peratus Istilah Mengikut Kategori Ekonomi**

Sepertimana dalam keterangan sebelum ini, jumlah keseluruhan istilah ekonomi yang dikumpul adalah sebanyak 207 istilah. Selain itu, didapati bahawa 207 istilah tersebut mempunyai kekerapan sebanyak 561 kali dalam 24 artikel yang dikaji. Berdasarkan graf di atas, dua kategori yang mencatat peratus bilangan tertinggi sebanyak 23% adalah daripada kategori keperluan ekonomi dan aktiviti ekonomi. Peratusan bagi kedua-dua kategori ini juga mewakili bilangan istilah sebanyak 44 daripada 188 kata nama seterusnya mencatat kekerapan tertinggi (45.8%). Ini diikuti oleh, kategori sektor ekonomi sebanyak 40 bilangan istilah (21.2%) dengan kekerapan sebanyak 9.36% sahaja berbanding kategori keperluan dan aktiviti ekonomi.

Bagi kategori tempat ekonomi dan lain-lain, masing-masing mencatat peratus bilangan dan kekerapan istilah yang tidak melebihi 20%. Manakala, istilah ekonomi yang mencatat peratus bilangan dan kekerapan terendah adalah daripada kategori pelaku ekonomi yang hanya mencatatkan sebanyak 6% sahaja berbanding kategori-kategori yang lain. Oleh yang demikian, daripada bilangan istilah yang ditunjukkan oleh peratusan dalam rajah 4.2 jelas membuktikan bahawa istilah dalam kategori keperluan dan aktiviti ekonomi adalah yang paling banyak wujud dalam artikel yang dikumpul. Manakala, kategori pelaku ekonomi pula mencatatkan peratusan yang terendah berbanding kategori-kategori yang lain. Berikut adalah senarai lengkap istilah ekonomi mengikut kategori yang telah disebutkan:

i) **Kategori Keperluan Ekonomi**

Istilah berkaitan keperluan ekonomi terdiri daripada keperluan-keperluan yang menjadi pelengkap ekonomi sesebuah negara.

**Jadual 4.3: Istilah Bagi Kategori Keperluan Ekonomi**

Bil.	Istilah	Maksud	Kekerapan
1.	رأُسُّ الْمَالِ	Modal Yang Diperlukan	6
2.	صَنَادِيقُ الدُّولَةِ	Dana Negara	1
3.	الْمِيزَانِيَّةُ	Bajet	7
4.	الْعَجْزُ الْمَالِيُّ	Defisit Fiskal	2
5.	الْدَّعْمُ	Subsidi	1
6.	تَحْفِيضُ	Pengurangan Defisit Fiskal	2
7.	الْزِيادةُ	Pertambahan/ Peningkatan	12
8.	اسَّالِبَتُ الْمَالِيَّةُ	Strategi Kewangan	1
9.	السِّعْرُ	Harga	1
10.	السِّعْرُ الْوُقُودُ	Harga Bahan Api	3
11.	الْأَسْهَمُ	Saham	1
12.	الْأَرْتَفَاعُ	Peningkatan	9
13.	الْقِيمَةُ	Nilai	11
14.	الْأُصُولُ الْمُتَنَاقِضَةُ	Asset Contradict	1
15.	الْبِطَاطُمُ الْضَّرَبِيُّ	Cukai Pendapatan	1
16.	الدَّخْلُ الْفَرْدَيُّ	Cukai Pendapatan Per Kapita	1
17.	الْحَجمُ	Jumlah	13
18.	الشُّكْسِيفُ	Indeks	2
19.	الْمُعَدَّلَاتُ	Kadar	3
20.	الْمُعَدَّلَاتُ التِّجَارَةُ	Syarat Perdagangan	1
21.	الْمُعَدَّلَاتُ النَّمْوُ	Kadar Pertumbuhan	1
22.	الإِنْتَاجُ الْمُعَدَّلَاتُ	Kadar Pengeluaran	1
23.	الْتَّدَفُقُ الْكَبِيرُ	Aliran Besar	1
24.	الْتَّدَفُقَاتُ الإِسْتِثْمَاءُ	Aliran Pelaburan	1
25.	النِّسْبَةُ	Kadar / Nisbah	17

26.	النِّسْبَةُ الْأَرْبَاعُ	Peratus Keuntungan	3
27.	الْطَّلَبُ	Permintaan	6
28.	الْإِسْتِهْلاَكُ الْمَعْدُلُ	Penggunaan Domestik	2
29.	الْإِسْتِهْلاَكُ	Penggunaan	1
30.	الْتَّمْوِيلُ الْاسْلَامِي	Kewangan Islam	1
31.	الْتَّمْوِيلُ الْمَالِي	Pembiayaan Kewangan	1
32.	الْإِدَارَةُ الْمَالِيَّةُ	Pengurusan Kewangan	1
33.	الْحُلُولُ الْمَالِيَّةُ	Penyelesaian Kewangan	1
34.	الْحِسَابُ السَّكَنِي	Akaun Perumahan	1
35.	مِلِيَّار	Bilion	29
36.	رِبْيِيْثُ مَالِيْزِيَا	Ringgit Malaysia	26
37.	دُولَارُ	Dolar	20
38.	تَرِيْلِيُّونُونْ	Trillion	8
39.	وُونُ كُورِي	Won Korea	3
40.	الْدِرْهَمُ	Dirham	1
41.	الرُّوبِيَّةُ	Rupiah	1
42.	مِلِيُّونُونْ	Juta	7
43.	الْعُمَلَةُ	Mata Wang	2
44.	الْعُمَلَةُ الْمَالِيَّةُ	Mata Wang Malaysia	1

## ii) Kategori Tempat Ekonomi

merujuk kepada tempat atau kawasan yang wujud khususnya dalam bidang ekonomi. Di mana, tempat atau ruang ini berfungsi sebagai asas permulaan aktiviti ekonomi bagi sesebuah negara.

**Jadual 4.4: Istilah Bagi Kategori Tempat Ekonomi**

Bil.	Istilah	Maksud	Kekerapan
1.	الْأَسْوَاقُ	Pasaran Global	22
2.	الشَّرْكَاتُ	Syarikat-Syarikat Gergasi	10
3.	وَجَهَاتُ التَّصْدِيرِ الرَّئِيْسِيَّةِ	Destinasi Eksport Utama	1
4.	الْمَرْكَزُ الْتِجَارِيُّ	Pusat Komersil	1
5.	الْبَنْكُ الْمَرْكَزِيُّ الْمَالِيَّ	Bank Pusat Malaysia	2
6.	الْبَنْوُكُ الْإِسْلَامِيَّ	Bank-Bank Islam	2
7.	الْبَنْوُكُ التَّقْلِيدِيَّ	Bank-Bank Konvesional	1
8.	بنك هوغ ليونغ بيرهارد الإسلامي	Hong Leong Islamic Bank Berhad	2
9.	انش. اس. بي. سي أمانة بيرهاد	Hsbc Amanah Berhad	2
10.	بنك كينانغا بيرهاد	Bank Kenanga Berhad	2
11.	بيت التمويل الكويتي الماليزي "بيتك"	Kuwait Finance House Malaysia	1
12.	بنك التنمية الإسلامي	Bank Pembangunan Islam	2
13.	البنك الآسيوي	Bank Asia	1
14.	مجموعة بنوك (سي آي ام بي) الماليزية	CIMB Bank Group Malaysia	1
15.	البنك المركزي	Bank Pusat	5
16.	البنك الفيدرالي	Bank Persekutuan	1
17.	البنك الفيدرالي الأمريكي	Bank Persekutuan Amerika	1
18.	البنك الوطني المركزي	Bank Negara Pusat	1
19.	البنك المركزي المالي	Bank Kewangan Pusat	1
20.	البنك التنمية	Bank Pembangunan	1
21.	المصرفية الإسلامية	Perbankan Islam	2

22.	<b>المَصْرُفُ الْهِلَالِ</b>	Bank Hilal	1
23.	<b>الْمُؤَسَّسَاتُ الْمَالِيَّةُ</b>	Institusi-Institusi Kewangan	1
24.	<b>الْمُؤَسَّسَاتُ الْمَالِيَّةُ الْإِسْلَامِيَّةُ</b>	Institusi Kewangan Islam	2
25.	<b>الْمُؤَسَّسَاتُ الْإِسْلَامِيَّةُ</b>	Institusi Islam	1
26.	<b>الْمُؤَسَّسَاتُ وَ الْبُنُوكُ</b>	Institusi Dan Bank-Bank	1
27.	<b>الْمُؤَسَّسَاتُ وَ الْبُنُوكُ الْإِسْلَامِيَّةُ</b>	Institusi Dan Bank-Bank Islam	2
28.	<b>الْمُعَامَلَاتُ الْمَالِيَّةُ الْإِسْلَامِيَّةُ</b>	Transaksi Kewangan Islam	1
29.	<b>الْصُنْدُوقُ النُّفُذُ الدُّولِيُّ</b>	Imf – International Monetary Fund	1
30.	<b>الْدُولُ الْأَنَامِيَّةُ</b>	Negara Membangun	1
31.	<b>الْبَلَدُ مُعَاوِمٌ</b>	Negara Maju	1
32.	<b>الْتِجَارَةُ الْخَارِجِيَّةُ الْمَالِيَّةِ (ماترید)</b>	Malaysia External Trade Development Corporation (Matrade)	1

### iii) Kategori Aktiviti Ekonomi

Kategori aktiviti ekonomi merupakan proses tindakan yang dijalankan antara satu pihak dengan pihak yang lain berdasarkan modal yang ada di sesuatu lokasi tertentu (Wong, 2003:37). Secara ringkasnya, aktiviti ekonomi adalah tindakan jual beli oleh pembeli dan penjual di suatu tempat.

Semakin aktif proses ini berlaku bermakna semakin rancak aktiviti ekonomi yang berlaku seterusnya memberi kesan terhadap ekonomi sama ada semakin berkembang atau merosot. Aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan dalam sesebuah negara memberi kesan terhadap tahap ekonomi negara tersebut.

**Jadual 4.5: Istilah Bagi Kategori Aktiviti Ekonomi**

Bil.	Istilah	Maksud	Kekerapan
1.	الْإِسْتِثْمَارَاتُ	Pelaburan Tempatan	23
2.	الْإِقْصَادُ الْعَالَمِيُّ	Ekonomi Global	18
3.	نَوْءًا	Pertumbuhan	28
4.	الْتِجَارَةُ	Perdagangan	4
5.	الْتَّضَخُّمُ	Inflasi	1
6.	الْعُودَةُ	Pulangan	1
7.	الْصَادِرَاتُ	Eksport	5
8.	الْمُبَادَلَةُ	Pertukaran	1
9.	خُروجٌ أَمْوَالٍ	Aliran Wang Keluar	2
10.	الْمَرْحَلَةُ الْأُولَى الْمُبَيَّعَاتِ	Penjualan Tahap Pertama	1
11.	الْإِصْدَارُ الْأَوَّلُ	Eksport Pertama	1
12.	نَاتِحُ الْمَخْلُقِيِّ الْإِجمَالِيِّ	Kdnk	4
13.	شَرَكَةُ إِسْتَرَاتِيجِيَّةٍ	Kerjasama Strategic	1
14.	الْوَرَادَاتُ	Import	1
15.	الْتَّنْشِيطُ الْإِقْتِصَادِيُّ		1
16.	الْأَنْشَطَةُ التَّرْزُونِيَّةُ	Aktiviti Promosi	1
17.	الْتَسْوِيقِيَّةُ	Pemasaran	2
18.	الْتَبَادُلُ التِّجَارِيُّ	Tukaran Dagangan	2
19.	الْتَبَادُلُ الْوُفُودُ التِّجَارِيُّ	Pertukaran Delegasi Dagangan	1
20.	الْتَبَادُلُ الْعَمَلَاتُ	Perukaran Mata Wang	2
21.	الْعَالَاقَاتُ التِّجَارِيَّةُ	Hubungan Dagangan	1
22.	الْتَعَاوُنُ التِّجَارِيُّ وَ الْمَالِيُّ	Kerjasama Kewangan	1

		Dan Komersil	
23.	العمليات المبيعات	Operasi Jualan	1
24.	المبيعات العقارات	Jualan Hartanah	1
25.	شراء العقار	Pembelian Hartanah	1
26.	الاضطرابات	Kegawatan	2
27.	الاضطرابات الحالية	Keagawatan Semasa	1
28.	الاضطرابات آسيا	Keagwatan Asia	1
29.	الركود الحالي	Kemelesetan Ekonomi	1
30.	التحول الاقتصادي	Transfromasi Ekonomi	4
31.	التطور الاقتصادي	Pembangunan Ekonomi	1
32.	الأزمة	Krisis	1
33.	الأزمات الاقتصادية	Krisis Ekonomi	1
34.	الأزمات المالية العالمية	Krisis Kewangan Global	1
35.	الأزمات المالية	Krisis Kewangan	2
36.	الإصلاحات الاقتصادية	Pembaharuan Ekonomi	1
37.	الانفتاح الاقتصادية	Keterbukaan Ekonomi	1
38.	المتغيرات الاقتصادية العالمية والإقليمية	Perubahan Ekonomi Global Dan	1
39.	استقرار الاقتصادي البلاد	Kestabilan Ekonomi Negara	1
40.	التباطؤ	Kelembapan	1
41.	المرونة الاقتصادية	Ketahanan Ekonomi	1
42.	قوة الاقتصاد	Kekuatan Ekonomi	1
43.	التقلبات الاقتصادية	Turun Naik Ekonomi	1
44.	المبادلة العملات	Tukaran Mata Wang	1

iv) **Kategori Pelaku Ekonomi**

Kategori terakhir adalah pelaku ekonomi iaitu pelaksana atau penggerak dalam menjalankan aktiviti ekonomi. Pelaku ekonomi menjadi satu keperluan penting dalam menjalankan aktiviti ekonomi. Aktiviti ekonomi tidak dapat dijalankan sekiranya tiada pelaku ekonomi yang menjalankan proses tersebut.

**Jadual 4.6: Istilah Bagi Kategori Pelaku Ekonomi**

Bil.	Istilah	Maksud	Kekerapan
1.	الْمُسْتَثْمِرِينَ الْمَحْلِيِّينَ	Pelabur-Pelabur Tempatan	1
2.	الْمُسْتَثْمِرِينَ الْأَجَانِبِ	Pelabur-Pelabur Asing	3
3.	الْمُسْتَثْمِرُو الْعِقَارِ	Pelabur Hartanah	1
4.	الْمُسْتَثْمِرِينَ	Pelabur-Pelabur	2
5.	رِجَالُ الْأَعْمَالِ	Ahli Koprat	4
6.	أَكْبَيْرُ الْإِقْتِصَادِيِّ	Pakar-Pakar Ekonomi	2
7.	الْأَجَانِبُ الْعَامِلَةُ	Pekerja-Pekerja Asing	1
8.	قَبَيلُ الْأَجَانِبِ	Warga- Warga Asing	1
9.	الشَّرِيكُ الْتِجَارِيُّ	Rakan Dagangan	2
10.	الْمُسْتَهْلِكِينَ	Pengguna	1

Selain daripada empat kategori sepetimana yang telah dibuat oleh Wong (2003), terdapat dua lagi kategori tambahan bagi klasifikasi istilah ekonomi dalam kajian ini iaitu kategori sektor ekonomi dan lain-lain. Dua kategori tambahan dalam kajian ini adalah seperti yang dinyatakan di bawah ini:

v) **Kategori Sektor Ekonomi**

Kategori sektor ekonomi mengumpulkan istilah-istilah berkaitan laras ekonomi yang menyatakan tentang sektor-sektor ekonomi yang terdapat di Malaysia. Wujudnya pelbagai sektor yang berlainan dalam sesebuah ekonomi Negara membantu dalam menjana ekonomi serta menambahkan pendapatan Negara tersebut.

**Jadual 4.7: Istilah Bagi Kategori Sektor Ekonomi**

Bil.	Istilah	Makna	Kekerapan
1.	الصِناعَةُ النَفْطَ وَالْغَازِ	Industri Minyak Dan Gas	4
2.	الصِناعَاتُ الْبَحْرِيَّةُ	Industri Minyak Off Shore	1
3.	الصِناعَةُ الْفِضَاءِ	Industri Aeroangkasa	1
4.	الصِناعَاتُ	Perindustrian	1
5.	الصِناعَةُ الطَيْرانِ	Industri Penerbangan	3
6.	الصِناعَةُ الْبَنَاءُ وَ التَشْدِيدُ	Industri Pembinaan Dan Berat	1
7.	الصِناعَةُ التَمْوِيلِ الْإسْلَامِيِّ	Industry Kewangan Islam	1
8.	الصِناعَةُ الإِنْتَاجِ	Industri Pengeluaran	1
9.	الْمَصْنَعُ الْزَجَاجِ	Pembuatan Kaca	1
10.	الصِناعَةُ السِيَارَاتِ	Pembuatan Kereta	1
11.	الصِناعَاتُ البِترُوكِيمِاوِيَّةُ	Industri Petrokimia	1
12.	الصِناعَاتُ التَحْوِيلِيَّةُ	Industry Pembuatan	1
13.	الْمَصْنُوعَاتُ مِنَ الْمَعَادِنِ وَالْأَلَاتُ وَالْأَجْهِزَةُ	Pengilangan Logam, Alatan Dan Jentera	1
14.	الْقِطَاعُ الْفِضَاءِ	Sektor Aeroangkasa	1
15.	الْقِطَاعُ السِيَارَاتِ	Sektor Automotif	1
16.	الْقِطَاعُ الطَّاَقَةِ	Sektor Tenaga	1
17.	الْقِطَاعُ السَكِكِ الْحَدِيدِيَّةِ	Sektor Kereta Api Dan Besi	1
18.	الْقِطَاعُ التَمْوِيلِ	Sektor Kewangan	1
19.	الْقِطَاعُ الصِحَّةِ	Sektor Kesihatan	1
20.	الْقِطَاعُ الْإِتَصَالَاتِ	Sektor Telekomunikasi	1

21.	الْقِطَاعُ تَصْنِيعٌ وَ إِنْتَاجُ الطَّاقَةِ الشَّمْسِيَّةِ	Sector Pengilangan Dan Pembuatan Tenaga Solar	1
22.	الْقِطَاعُ الْمَطَارَاثُ	Sektor Penerangan	1
23.	الْقِطَاعَاتُ الْحَيَوَيَّةُ	Sektor-Sektor Yang Aktif	1
24.	الْقِطَاعُ الْأَعْمَالُ	Sektor Pekerjaan	1
25.	الْقِطَاعُ التَّمْوِيلِ الْإِسْلَامِيِّ	Sector Kewangan Islam	3
26.	الْقِطَاعَاتُ الْمَصْرِيقِيَّةُ وَ الْإِسْتِثْمَارِيَّةُ	Sektor Perbankan Dan Pelaburan	1
27.	الْقِطَاعَاتُ الْإِقْتِصَادِيَّةُ	Sektor-Sektor Ekonomi	2
28.	الْقِطَاعُ الْنَفْطَ وَ الْغَازُ	Sektor Rminyak Dan Gas	3
29.	الْقِطَاعُ النَّقْلُ	Sektor Pengangkutan	1
30.	الْقِطَاعُ الْمَرَافِقُ	Sektor Utility	1
31.	الصِنَاعَةُ الْكُبُرَى	Perindustrian Utama	1
32.	الْقِطَاعُ تَصْنِيعٌ وَ إِنْتَاجُ الْأَهْمَنْتُ الْأَخْضَرُ	Sector Pengilangan Dan Pembutuan Simen	1
33.	الْقِطَاعُ التَّعْلِيمِيِّ	Sektor Pendidikan	1
34.	الْقِطَاعُ الْبَنَاءُ	Sektor Pembinaan	1
35.	الْقِطَاعُ التَّشْدِيدِيُّ	Industri Berat	1
36.	الْقِطَاعُ الْخِدْمَاتُ	Sektor Perkhidmatan	1
37.	الْقِطَاعُ الْعِقَارَاتُ	Sektor Hartanah	1
38.	قَطْعُ الْعِيَازِ	Sector Alat Ganti	1
39.	مَجَالُ الْبِتْرُولُ وَ الْغَازُ	Bidang Minyak Dan Gas	1
40.	مَجَالُ الْفِضَاءِ	Bidang Aeroangkasa	1

#### vi) Kategori Lain-lain

Baki daripada klasifikasi istilah yang dibuat, terdapat sebanyak 18 istilah berkaitan ekonomi dalam kategori lain-lain. Istilah-istilah ini diklasifikasi dalam kategori lain-lain kerana penggunaannya adalah secara umum dan tidak khusus dalam satu-satu kategori.

#### Jadual 4.8: Istilah Bagi Kategori Lain-Lain

Bil.	Istilah	Maksud	Kekerapan
1.	السياسات المالية و الاقتصادية	Dasar Fiskal dan Ekonomi	1
2.	السياسات النقدية	Dasar Kewangan	1
3.	تقرير البنك	Laporan Bank	1
4.	حفض البنك	Potongan Bank	
5.	المستوى الحالي	Tahap Semasa	1
6.	المستوى المعينة	Taraf Hidup	1
7.	أحد الأدنى	Had Minimum	1
8.	الإجمالي	Jumlah Keseluruhan	1
9.	العقارات التجارية	Hartanah Komersil	1
10.	العقارات السكنية	Hartanah Kediaman	1
11.	السلع	Barangan	1
12.	مخزون السلع	Stok Barang	1
13.	تقرير الإنتاجية	Laporan Produktiviti	1
14.	أداء الإنتاجية	Prestasi Produktiviti	1
15.	الأوضاع النقدية	Keadaan Kewangan	1
16.	الاحصاءات الأخيرة	Statistik Terkini	1
17.	النتائج الإيجابية	Hasil Positif	1
18.	أهؤة الاقتصادية و التجارية	Jurang Ekonomi dan Perdagangan	1

Berdasarkan Laporan Ekonomi Malaysia bagi tahun 2013 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, pemacu utama dalam pembangunan ekonomi pada tahun 2013 adalah daripada permintaan domestik khususnya pelaburan dan sektor swasta. Selain itu juga, secara ringkasnya, boleh disimpulkan daripada Laporan Ekonomi Malaysia tahun 2013, berlaku peningkatan terhadap pembangunan ekonomi Malaysia melalui beberapa sektor iaitu pelaburan, permintaan domestik, eksport dan sektor swasta sebagai penggerak utama dalam peningkatan ekonomi Malaysia. Di mana,

sektor-sektor tersebut disokong oleh institusi kewangan yang kukuh serta pasaran modal yang mempunyai daya tahan yang tinggi.

Melihat kepada senarai istilah ekonomi yang terkumpul istilah **الْتِجَارَةُ** (Perdagangan), **الْتَّحُولُ الْإِقْتِصَادِيُّ** (ekonomi global), **الْإِرْتِقَاعُ** (transfromasi ekonomi), **الْعَالَمِيُّ** (peningkatan), dan **مُوْعَا** (pertumbuhan) merupakan antara istilah yang mencatat kekerapan tertinggi dalam kategori aktiviti ekonomi. Ini disokong dengan bilangan istilah dalam kategori sektor ekonomi sebanyak 40 istilah yang menunjukkan kepentingan sektor-sektor tersebut dalam mengukuhkan lagi peningkatan ekonomi Malaysia tahun 2013 seperti yang dinyatakan dalam Laporan Ekonomi 2013/2014 (2014:4) bahawa peranan sektor swasta menjadi semakin penting sebagai pamacu pertumbuhan ekonomi negara.

Selain itu juga, dinyatakan dalam Laporan Ekonomi 2013/2014 juga bahawa, dalam usaha mengukuhkan sumbangan sektor luar, perkhidmatan serta pelaburan dalam industri strategik berorientasikan eksport juga digalakkan. Daripada istilah-istilah yang terkumpul ini juga, istilah **الْصَادِرَاتُ** (eksport), **الْإِسْتِثْمَارُ** (pelaburan), dan **الْطَّلَبُ** (permintaan), merupakan antara istilah yang mencatat kekerapan melebihi 3 kali berbanding istilah-istilah lain yang hanya dinyatakan sekali sahaja dalam 24 artikel yang dianalisis.

Melalui padanan kekerapan istilah ekonomi dalam artikel yang dikaji dengan pernyataan dalam Laporan Ekonomi Malaysia tahun 2013, terbukti bahawa sememangnya aktiviti perdagangan merupakan salah satu aktiviti ekonomi utama yang membantu dalam meningkatkan ekonomi negara. Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang pesat membangun dari segi ekonomi dan fizikal begitu juga sektor-sektor lain. Hubungan perdagangan dua hala yang mantap membuktikan bahawa Malaysia

menjadi salah satu destinasi perdagangan yang paling dipercayai berdasarkan kemajuan fizikal negara, kestabilan ekonomi dan keamanan yang ada.

Selain itu, sektor yang menyumbang kepada kestabilan ekonomi negara seperti yang dinyatakan dalam laporan Ekonomi Malaysia 2013 adalah daripada institusi kewangan dan pasaran modal. Istilah ekonomi dalam kategori tempat ekonomi jadual 4.3 menunjukkan bahawa istilah **البنك** (Bank), **المصارف الإسلامية** (Perbankan islam), **المؤسسات المالية** (institusi-institusi kewangan) dan **رأس المال** (Modal) merupakan istilah yang paling kerap dinyatakan dalam artikel yang dikaji.

Hasil analisis yang dijalankan ini dengan sokongan daripada data-data yang dieproleh serta perbandingan yang dibuat dengan Laporan Ekonomi Malaysia Tahun 2013 membuktikan bahawa aktiviti ekonomi di Malaysia sepanjang tahun 2013 sangat aktif bagi memenuhi keperluan-keperluan yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Ini adalah selari dengan apa yang dinyatakan dalam Laporan Ekonomi Malaysia 2013 oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Bertepatan dengan apa yang telah dinyatakan oleh Wong (2003:78) di mana kajian laras ekonomi yang dijalankan dapat membayangkan keadaan ekonomi semasa bagi sesebuah negara yang berkemungkinan besar berubah dari semasa ke semasa.

## **4.2 Analisis Kualitatif**


Analisis kedua yang dijalankan adalah berbentuk analisis kualitatif yang melibatkan penggunaan teori analisis leksikal Leech and Short (1981). Terdapat dua aspek yang dikaji dalam analisis ini:

- i) **Analisis Pembentukan Istilah** – dipecahkan kepada tiga subtopik iaitu pola imbuhan kata kerja, pola imbuhan kata nama dan *Maṣdar ṣinai*<sup>7</sup>.
- ii) **Analisis Makna Denotasi Dan Konotasi** - Menganalisis makna asal dan makna mengikut konteks bagi 10 istilah ekonomi yang dipilih secara rawak daripada senarai istilah yang diperoleh melalui analisis linguistik artikel.

#### **4.2.1 Analisis Pembentukan Kata**

Analisis pembentukan kata yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti bentuk kata asal bagi istilah ekonomi yang ada. Bagi mendapat kata asal tersebut, perlu untuk seseorang mengetahui huruf-huruf penambahan yang ada dalam satu-satu perkataan. Hal ini dapat ditentukan dengan melihat pola imbuhan yang telah disenaraikan oleh ahli linguistik arab. Namun, dalam kajian ini analisis pembentukan kata dibahagikan kepada dua jenis golongan kata iaitu pola imbuhan kata kerja dan kata nama. Golongan kata <sup>أَحْرَفُ</sup> (partikel) tidak dikaji memandangkan golongan kata tersebut tidak boleh hadir secara bersendirian dan perlu digabungkan dengan kata nama atau kata kerja (rujuk Bab Dua).

Selain itu juga, aspek yang diteliti dalam menganalisis pembentukan kata asal adalah dengan melihat dua bentuk imbuhan dalam bahasa Arab sepetimana yang telah diterangkan dalam bab dua iaitu pengulangan huruf dan penambahan huruf. Penelitian ini membantu bagi mencari perkataan asal bagi suatu istilah. Mengetahui perkataan asal bagi suatu istilah adalah penting untuk mendapatkan makna yang tepat kerana kadang kala terdapat satu perkataan yang mempunyai banyak makna bergantung kepada konteks dan bidang yang dituturkan. Tiga jenis pembentukan kata yang dianalisis dalam kajian ini adalah pola imbuhan KK produktif, pola imbuhan KN terbitan dan masdar Sinai. Berikut adalah hasil analisis yang dijalankan:



**Rajah 4.2 : Analisis Pembentukan Istilah Mengikut Jenis**

#### **4.2.1.1 Pola Imbuhan Kata Kerja**

Bagi analisis tatabahasa bagi golongan kata kerja dalam kajian ini, fokus yang diberi adalah kepada *wazan* (pola) yang mempunyai imbuhan sahaja dalam bahasa Arab. Melalui artikel yang dikaji terdapat 19 istilah ekonomi dalam golongan kata kerja yang wujud dalam laras ekonomi yang mempunyai kekerapan sebanyak 59 kali dalam keseluruhan artikel.

Daripada sembilan jenis pola imbuhan yang disenaraikan dalam bab dua, terdapat 6 pola imbuhan sahaja yang digunakan dalam kata kerja berimbuhan bagi istilah ekonomi yang dikaji. Manakala, daripada 19 kata kerja bagi laras ekonomi yang terdapat dalam artikel yang dikaji hanya 8 kata kerja sahaja yang mempunyai imbuhan yang sepadan dengan pola berdasarkan pendapat Ahmad al-Hamalawiyy (t.t:36-45) dengan mengambil pola yang produktif sahaja. Berikut adalah analisis bagi pola berimbuhan dalam laras ekonomi yang dikaji:

#### Jadual 4.9: Proses Pembentukan Imbuhan Kata Kerja Bagi Istilah

Bil.	Pola	Istilah	Huraian
1.	أَفْعَلْ	أَرْفَعَ	Penambahan 1 huruf (ل) pada awal perkataan.
2.	إِنْفَعَلْ	إِنْخَفَضَ	Penambahan 2 huruf (ل) dan diikuti huruf (ن) pada awal perkataan
3.	أَفْتَعَلْ	إِرْتَفَعَ	Penambahan 2 huruf (ل) dan huruf (ت) selepas <i>Fā'fi 'l</i>
4.	تَفَاعَلْ	تَبَاطَأَ تَبَادَلَ تَجَاوَزَ	Penambahan 2 huruf (ت) dan huruf (ل) selepas <i>Fā'fi 'l</i>
5.	تَفَعَّلْ	تَوَقَّعَ تَقَدَّمَ	Penambahan huruf (ت) pada awal perkataan dan pengulangan huruf (ق) pada 'Ayn fi 'l.
6.	إِسْتَفْعَلْ	إِسْتَثْمَرَ إِسْتَوْرَدَ	Penambahan 3 huruf (ل), (س) dan (ت) pada awal perkataan.

Jadual di atas menunjukkan 8 daripada 19 kata kerja yang terdapat dalam artikel ekonomi yang dikaji mempunyai imbuhan. Istilah-istilah tersebut dipadankan dengan pola imbuhan yang ada. Pola imbuhan yang paling banyak digunakan adalah pola **تَفَاعَلْ** yang mana terdapat 3 daripada 10 kata kerja yang mempunyai imbuhan iaitu **تَبَاطَأَ**, **تَبَادَلَ** dan **تَجَاوَزَ**. Diikuti dengan pola imbuhan **تَفَعَّلْ** dan **إِسْتَفْعَلْ** masing-masing mempunyai 2 kata kerja yang sepadan (**تَوَقَّعَ** dan **تَقَدَّمَ**) bagi pola **تَفَعَّلْ** dan kata kerja (**إِسْتَوْرَدَ** dan **إِسْتَثْمَرَ**) bagi pola **إِسْتَفْعَلْ**. Manakala, bagi 3 pola imbuhan **أَفْعَلْ**, **إِنْفَعَلْ** dan **إِفْتَعَلْ** mempunyai satu kata kerja sahaja yang sepadan iaitu **أَرْفَعَ**, **إِنْخَفَضَ** dan **إِرْتَفَعَ**.

Manakala bagi aspek jenis pengimbuhan pula hanya satu sahaja pola yang menggunakan jenis pengimbuhan penambahan dan pengulangan huruf iaitu **تَوَقَّعَ** yang menggunakan pola **تَفَعَّلْ** dengan penambahan huruf (ت) pada awal perkataan dan pengulangan huruf (ق) pada kedudukan 'Ayn fi 'l. Baki lima pola yang lain adalah

dalam jenis pola pengimbuhan penambahan huruf iaitu **تَفَاعَلٌ**, **أَفْتَعَلٌ**, **إِنْفَعَلٌ**, **أَفْعَلٌ** dan **إِسْتَفَعَلٌ**. Kelima-lima pola ini mempunyai penambahan huruf samada **ن**, **س**, **ت**, **أ**, **س**.

Setiap pola imbuhan yang disebutkan ini mempunyai fungsi makna yang berbeza antara satu sama lain. Seperti contoh pola **أَفْعَلٌ** membawa maksud masuk (masa / tempat), mempunyai/ memiliki. Jika ditambah huruf **(ت)** menjadi **إِفْتَعَلٌ** bermaksud menggunakan / menjadikan sebagai, berlebihan / bersungguh dan kesalingan. Manakala jika terdapat penambahan huruf **(س)**, **(ا)** dan **(ت)** pada awal perkataan pula, menjadikan maksudnya meminta, bertukar menjadi, menganggap/ merasakan dan mendapati.

Di sini dapat memperlihatkan keunikan bahasa Arab itu sendiri dimana penambahan huruf dalam suatu perkataan atau istilah boleh mengubah makna asal. Oleh itu, pengetahuan tentang kata dasar bagi suatu istilah adalah amat perlu dalam proses mencari makna yang tepat bagi istilah tersebut. Selain itu juga, melalui prespektif fungsi makna, setiap pola imbuhan adalah berbeza sepetimana penerangan yang telah disebutkan dalam bab dua. Bagi melihat dengan lebih jelas perbezaan fungsi makna, berikut adalah contoh-contoh yang diambil daripada petikan artikel yang dikaji:

i) **أَفْعَلٌ**

Pola **أَفْعَلٌ** mempunyai fungsi makna masuk (masa / tempat) dan mempunyai/ memiliki. Istilah ekonomi yang sepadan dengan pola ini adalah **أَرْفَعَ** yang membawa maksud telah meningkat. Seperti contoh ayat:

**أَرْفَعَ سُرُّ العَقَارَاتِ السُّكَنِيَّةِ فِي مَالَيْزِيَا بِمَقْدَارِ 12% خَلَالِ عَامِ 2012**

Terjemahan : Harga harta tanah perumahan di Malaysia telah meningkat pada kadar 12% pada tahun 2012.

ii) اِفْتَعَلَ

Pola اِفْتَعَلَ memberi fungsi makna kesalingan. Maksud kesalingan yang diambil daripada Kamus Dewan (2005:1375) adalah perihal (keadaan/sifat dsb) berbalas-balas antara dua pihak. Oleh itu dalam konteks makna kesalingan bagi istilah ekonomi اِرْتَفَعَ yang mempunyai penambahan huruf (ت) dan membaris bawah huruf (ا) telah mengubah fungsi makna daripada telah meningkat kepada saling meningkat (melambangkan keadaan yang sentiasa meningkat) seperti contoh ayat:

اِرْتَفَعَتْ صادرات النفط و الغاز الماليزية خلال السنوات الثلاث الماضية تجاوزت 22.8%

Terjemahan: Eksport minyak dan gas di Malaysia telah semakin (saling/sentiasa) meningkat sejak dari tiga tahun lepas melebihi 22.8% .

iii) اِنْفَعَلَ

Manakala bagi pola اِنْفَعَلَ pula membawa maksud natijah/ kesan/ hasil /memecahkan. istilah ekonomi yang sepadan dengan pola tersebut adalah اِنْخَفَضَ yang membawa maksud penyusutan. Fungsi makna yang terlibat dalam laras ekonomi adalah hasil penyusutan yang berlaku dalam tempoh enam bulan seperti dalam contoh ayat:

هذا ويذكر أن العملة الماليزية الرنجيت كانت قد انخفضت بمقدار 9% مقابل الدولار خلال الستة أشهر الماضية.

Terjemahan: Dinyatakan bahawa mata Malaysia (ringgit) telah menyusut dengan kadar 9% berbanding dollar pada enam bulan lepas.

iv) تَفَاعَلَ

Selain itu, pola تَفَاعَلَ juga memberi maksud kesalingan/ beransur-ansur. Sepertimana yang telah dinyatakan pada contoh (iii) makna kesalingan bagi istilah ekonomi (saling bertukar) melibatkan dua pihak yang saling bertukar pendapat, barang dagangan dan sebagainya. Seperti contoh ayat :

ناقش الأمين العام لعرفة تجارة الشرقية بد الرحمن بن عبد الله الوابل تعزيز العلاقات التجارية بين المملكة العربية السعودية و ماليزيا من خلال تبادل الوفود التجارية و إقامة معارض الكاتالوجات في البلدين.

Terjemahan : Setiausaha Agung Perdagangan Timur, Abdul Rahman Bin Abdullah telah mengadakan perbincangan dalam mengukuhkan hubungan perniagaan di antara Arab Saudi dan Malaysia melalui pertukaran dagangan dan pameran katalog di kedua-dua Negara.

Manakala fungsi makna bagi istilah تَبَاطَأَ (menurun) berbeza dengan contoh yang telah disebutkan tadi yang membawa fungsi makna beransur-ansur menurun. Sebagai contoh:

أن خوف المستثمرين الذين كانوا يتحركون معاً بشكل متساوٍ في كل دولة من تباطؤ النمو الاقتصادي و زيادة العجز المالي في تلك الدول دفع رؤوس الأموال للهرب.

Terjemahan: Pelabur-pelabur di setiap negara yang berada dalam keadaan yang sama merasa bimbang dengan kemelesetan ekonomi serta pertambahan defisit fiskal yang berlaku, dalam masa yang sama turut memberi modal sebagai langkah berjaga-jaga.

v) تَفْعَلَ

Pola **تَفْعَلَ** pula mempunyai fungsi makna menjadikan sebagai/ beransur-ansur sepetimana dalam istilah ekonomi **تَوَقُّعٌ** yang bermaksud dijangka. Menurut kamus dewan (2005:607) jangka bermaksud sangkaan, dugaan yang mana dalam konteks contoh ayat yang diberi adalah suatu sangkaan terhadap pertumbuhan ekonomi secara beransur-ansur (melibatkan satu tempoh) ayat tersebut adalah seperti berikut:

إِنَّهُ يَتَوَقَّعُ أَنْ يَنْمُى اقْتِصَادُ بِنْسَبَةِ تَزِيدُ عَلَى ٣٪ هَذَا الْعَامُ فِي اِنْعَكَاسِ لِزيادةِ فِي الْانْفَاقِ الْحُكُومِيِّ.

Terjemahan: Adalah dijangka bahawa pertumbuhan ekonomi akan bertambah pada kadar melebihi 3% pada tahun ini untuk meningkatkan perbelanjaan kerajaan.

vi) إِسْتَفْعَلَ

Seterusnya pola terakhir iaitu imbuhan yang mempunyai penambahan tiga huruf menunjukkan fungsi makna meminta. Istilah ekonomi yang sepadan dengan pola ini adalah **إِسْتَثْمَرَ** (melabur) dan **إِسْتَوْرَدَ** (mengeksport). Kedua-dua istilah ini membawa fungsi makna meminta dan pertambahan.

Istilah **إِسْتَثْمَرَ** (melabur) bermaksud meletakkan atau menyerahkan sejumlah wang untuk suatu usaha (seperti perniagaan dsb) dengan tujuan meminta sesuatu sebagai balasan (memperoleh keuntungan) (Kamus Dewan, 2005:864).

Bagi istilah **إِسْتَوْرَدَ** (mengimport) juga membawa fungsi makna meminta. Mengimport bermaksud membawa masuk barang-barang dari luar negara atau sumber asing (Kamus

Dewan, 2005:571). Aktiviti mengimport ini jelas menunjukkan fungsi makna meminta sesuatu di mana dalam konteks ini meminta suatu barang atau produk dari negara lain. Seperti contoh ayat ini:

تَسْتَوْرَدُ مَالِيْزِيَا مِنْ قَطْرِ الْمَوَادِ الْخَامِ الْبَتْرُولِيَّةِ وَالْجَاهِزَةِ وَالْبَتْرُوكِيمِيَّاتِ.

Terjemahan: Malaysia mengimport bahan-bahan mentah minyak , alatan dan petrokimia daripada Qatar.

#### **4.2.1.2 Pola Imbuhan Kata Nama**

Salah satu ciri yang ada dalam bahasa Arab adalah pengimbuhan yang melibatkan salah satu daripada penambahan huruf dan pengulangan atau kedua-duanya sekali. Bagi menganalisis pola imbuhan dalam kata nama bahasa Arab, aspek yang diberi tumpuan adalah kepada pola bagi kata nama terbitan (المُصَنَّعُ). Bagi menganalisis pola imbuhan untuk kata nama, hanya pola daripada kata nama terbitan sahaja yang akan dikaji. Menurut Abduh (1995 :69) terdapat dua belas jenis pola imbuhan dalam kata nama terbitan bahasa Arab sepetimana di atas.

Melalui pola yang telah disebutkan dalam bab dua, analisis yang dijalankan adalah melihat kepada pola istilah ekonomi yang sepadan dengan pola kata nama yang telah disenaraikan seperti dalam Bab Dua. Hasil daripada analisis yang telah dijalankan, proses pembentukan istilah ekonomi dalam majalah Aswaq yang terkumpul berdasarkan pola kata nama yang telah disebutkan adalah seperti yang dinyatakan di bawah ini:

**Jadual 4.10: Proses Pembentukan Imbuhan Kata Nama Bagi Istilah Ekonomi**

Bil.	وزن	Kata terbitan	Istilah	Proses pembentukan
1.	أفعَلْ	إِفْعَالٌ	إِصْدَارٌ	Penambahan huruf (ا) pada awal perkataan serta huruf (ا) sebelum huruf terakhir.
2.	فَاعَلْ	/ فِعَالٌ مُفَاعِلَةً	مُبَادِلَةٌ	Penambahan huruf (م) pada awal perkataan disusuli huruf (ا) selepas huruf kedua dan huruf (ة) pada akhir perkataan.
3.	فَعَلْ	/ تَفْعِيلٌ تَفْعِلَةً	تَمْوِيلٌ	Penambahan huruf (ت) pada awal perkataan dan baris bawah huruf ketiga serta penambahan (ي) sebelum huruf akhir.
4.	افتَّعلْ	إِفْتَعَالٌ	إِرْتِقَاعٌ اِقْتِصَادٌ	Penambahan huruf (ا) pada awal perkataan serta huruf (ت) selepas huruf kedua dan huruf (ا) sebelum huruf terakhir.
5.	استَفْعَلْ	إِسْتِفْعَالٌ	إِسْتِهْلَاكٌ إِسْتِشْمَارٌ إِسْتِقْرَارٌ	Penambahan huruf (س) dan (ن) pada awal perkataan disusuli penambahan huruf (ا) sebelum huruf terakhir.

Melalui jadual di atas, didapati bahawa proses pembentukan imbuhan berdasarkan pola-pola yang sepadan melibatkan kedua-dua proses pembentukan imbuhan iaitu penambahan dan pengulangan huruf. Pola **إِسْتِفْعَالٌ** menunjukkan padanan pola imbuhan yang paling kerap wujud dalam istilah ekonomi iaitu bagi **إِسْتِهْلَاكٌ**, **إِسْتِشْمَارٌ**, dan **إِسْتِقْرَارٌ**. Manakala, baki pola lima pola yang lain (**إِفْتَعَالٌ**, **فَعَلْ**, **فَاعَلْ**, **أَفْعَلْ**) hanya mempunyai satu istilah ekonomi yang sepadan bagi setiap pola.

Keenam-enam pola yang sepadan di atas melibatkan pembentukan dari segi penambahan dan pengulangan huruf. Pola **إِفْعَالٌ** dan **تَفْعِيلٌ / تَفْعِلَةً** menunjukkan penambahan dua huruf daripada perkataan asal bagi menjadi kata terbitan. Boleh dilihat juga penambahan tiga huruf berlainan pada kedudukan yang berbeza dalam pola-pola **تَفْعُلاً**, **إِسْتِفْعَالٌ**, **إِفْتَعَالٌ**, **فِعَالٌ**, dan **مُفَاعِلَةً**.

Melalui penerangan yang diberi, didapati bahawa pengimbuhan di dalam bahasa Arab adalah berbeza dengan pengimbuhan dalam bahasa Melayu. Di mana, dalam proses pembentukan kata terbitan melalui pengimbuhan dalam bahasa Melayu menggunakan penambahan imbuhan seperti imbuhan awalan peN (peniaga, pengedar), akhiran –an dan –wan (pasaran, usahawan), apitan pen-....-an dan per-....-an (pelaburan, perdagangan). Penggunaan pola-pola yang disebutkan ini boleh dilihat dalam contoh ayat yang diambil daripada artikel yang dikaji seperti berikut:

i) **إِفْعَالٌ**

"إتش.إس.بي.سي" أمانة ماليزيا بيرهاد و بنك هوغ ليونغ بيرهاد الاسلامي و بنك كيناغا بيرهاد الاستثماري بصفة مدیرین رئیسین مشترکین علی عملیة الإصدار الأول تحت مظلة البرنامج.

Terjemahan : HSBC Amanah Berhad, Bank Hong Leong Islamic Berhad dan Bank Pelaburan Kenanga Berhad disifatkan sebagai pelopor yang turut serta sebagai pengeluar pertama di bawah naungan program ini.

ii) **فَعَالٌ / مُفَاعَلَةٌ**

بعد إتفاقية مع دولة الامارات العربية المتحدة بقيمة 5.4 مليار دولار مبادلة اللون بالدرهم.

Terjemahan: Selepas perjanjian bersama UAE dengan nilai 5.4 juta dolar untuk ditukar kepada nilai mata won korea.

iii) تَقْعِيلٌ / تَفْعَلَةً

أن رئيس الوزراء الماليزي يعتزم تحفيض الدعم أكثر لتوفير 3.3 مليار رنجيت في إطار خطته لعام 2014.

Terjemahan: Perdana Menteri Malaysia berazam untuk menyediakan subsidi sokongan sebanyak 3.3 juta ringgit dalam rangka pelan bagi tahun 2014.

iv) إِفْتَعَالٌ

وأشار عبد الرزاق إلى أن اقتصاد ماليزيا مرن باستمرار بالمقارنة مع الدول الأخرى الموجودة لمعاجلة أي تقلبات اقتصادية.

Terjemahan: Abdul Razak telah menayangkan bahawa ekonomi Malaysia sentiasa berada dalam keadaan fleksibel berbanding negara lain dalam menangani turun naik ekonomi.


v) إِسْتِفْعَالٌ

أن ينمو الاقتصاد بنسبة تزيد على 3% هذا العام في انعكاس لزيادة في الانفاق الحكومي وانتعاش في الصادرات و زيادة في الاستهلاك المحلي.

Terjemahan: Ekonomi negara meningkat sebanyak 3% pada tahun ini dengan gambaran peningkatan dari sektor pengeksportan dan pertambahan dalam penggunaan domestik.

#### 4.2.1.3 Maṣdar ṣinā'i (المُصَدِّر الصِناعِي)

Analisis pembentukan kata dalam kajian ini juga dijalankan dengan melihat pembentukan istilah dalam *maṣdar ṣinai*<sup>7</sup>. Sepertimana yang telah disebutkan dalam bab dua, *maṣdar ṣinai*<sup>7</sup> adalah kata nama terbitan yang bentuk katanya ditambah huruf (ሃ) pada kata nama dan huruf (ኩ) selepasnya. Hasil daripada analisis yang telah dijalankan, pembentukan istilah ekonomi yang mempunyai padanan dengan kategori masdar sinai adalah sebanyak 29 (14%) istilah dengan kekerapan 56 (9.5%) kali berbanding jumlah keseluruhan bilangan dan kekerapan data.



**Rajah 4.3 : Istilah Ekonomi Dalam Bentuk *Masdari Sinai'***

Melalui jadual di atas, daripada 29 istilah yang tergolong dalam golongan masdar sinai terdapat tiga istilah yang mempunyai kekerapan melebihi 5 kali iaitu istilah **المالية**<sup>١</sup> mencatat peratus kekerapan tertinggi diikuti oleh istilah **التجارية**<sup>٢</sup>, **الاقتصادية**<sup>٣</sup> dan **الاسلامية**<sup>٤</sup> masing-masing mempunyai kekerapan melebihi 5 kali. Manakala istilah **النقدية**<sup>٥</sup> dan **الانتاجية**<sup>٦</sup> hadir tidak melebihi 5 kali. Baki 22 istilah lain daripada keseluruhan 29 istilah yang tergolong dalam masdar sinai hanya hadir sekali sahaja dalam artikel yang dikaji. Berikut adalah penerangan mengenai beberapa istilah masdar sinai:

- i) **المالیة** : perkataan asal bagi istilah ini adalah **الْمَال** (harta) dan apabila huruf (ي) dan huruf (ة) ditambah memberi makna baharu iaitu mengenai segala yang berkaitan dengan harta seperti **تَضَخُّمٌ مَالِيٌّ** (inflasi ekonomi) **سَنَةٌ مَالِيَّةٌ** (kewangan tahunan), **مَالِيَّةٌ سُوقٌ** (pasaran kewangan) dan lain-lain.
- ii) **الاقتصادية** : berasal daripada perkataan **الْإِقْتَصَادُ** yang bermaksud ekonomi. Penambahan huruf (ي) dan huruf (ة) mewujudkan makna lebih luas mengenai apa sahaja yang berkaitan dengan ekonomi seperti **حَرْبٌ إِقْتَصَادِيٌّ** (perang ekonomi), **خَطِيطٌ إِقْتَصَادِيٌّ** (perancang ekonomi), **وزَارَةُ الشُّؤُونِ الْإِقْتَصَادِيَّةِ** (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi) dan sebagainya.
- iii) **التجارية** : merupakan bentuk masdar sinai daripada perkataan asal yang bermaksud perniagaan, barang-barang perniagaan dan pekerjaan berniaga (kamus besar dewan, 2006:202). Huruf (ي) dan huruf (ة) yang ditambah menjadikan makna yang lebih luas iaitu segala apa yang berkaitan dengan perniagaan seperti **حَرَكَةٌ تِجَارِيَّةٌ** (pergerakan dagangan), **مُؤَسَّسَةٌ تِجَارِيَّةٌ** (syarikat komersial), **دَوْلَةٌ تِجَارِيَّةٌ** (negara dagangan) dan lain-lain.
- iv) **العالمية** : yang diambil daripada perkataan asal **الْعَالَمُ** dan kemudian ditambah Huruf (ي) dan huruf (ة) seterusnya menjadikan makna bagi istilah tersebut menjadi lebih luas. Apa sahaja yang berkaitan dengan **الْعَالَمُ** seperti **الْإِقْتَصَادُ الْعَالَمِيُّ** (ekonomi antarabangsa), **الْعَالَمِيَّةُ الْأَسْوَاقُ** (pasaran antarabangsa) dan sebagainya.
- v) **النقدية** : berasal daripada perkataan **النَّفْدُ** yang bermaksud wang tunai, mata wang daripada perak, emas atau lain-lain dan kritikan. Penambahan huruf (ي)

dan huruf (ة) mewujudkan makna lebih luas seperti **الْتَّضَخُّمُ الْنَّفْدِيَّ** (inflasi), **آلَّاَرْمَةُ الْنَّفْدِيَّةُ** (krisis kewangan) **مَالُ نَفْدِيَّ** (mata wang) dan lain-lain.

vi) **الإِنْتَاجُ :** yang diambil daripada perkataan **إِنْتَاجٌ** bermaksud pengeluaran (Kamus Besar, 2006: 2294). Huruf (ي) dan huruf (ة) yang ditambah memberi makna lebih luas kepada istilah tersebut seperti mana makna yang terdapat dalam kamus mu'jam asāsiy (t.t:1171) pulangan daripada barang atau perkhidmatan dalam suatu tempoh mengikut jumlah unitnya atau segala apa yang berkaitan dengan perbelanjaan pengeluaran.

#### 4.2.2 Analisis Makna Leksikologi

Selain daripada menganalisis istilah mengikut kategori ekonomi, pengkaji juga membuat analisis makna leksikologi bagi istilah-istilah yang telah dikumpul. Menurut Halliday (1976), beliau melihat fungsi perbendaharaan kata dari dua sudut iaitu:

- i) Penggunaan perkataan yang dapat mengenal pasti bidang yang dibincangkan dengan jelas.
- ii) Ciri kolokasi yang menjadi penanda laras tertentu.

Mengikut pandangan beliau, dua kaedah yang boleh digunakan untuk melihat fungsi makna bagi perkataan adalah melalui bidang dan ciri kolokasi. Oleh yang demikian, bagi menganalisis makna leksikologi setiap istilah adalah dengan meneliti makna asal bagi perkataan diikuti makna mengikut konteks.

Kajian mengenai laras dalam bidang ekonomi ini juga tidak lari daripada penggunaan kolokasi dalam istilah-istilah yang wujud. Hal ini berlaku disebabkan, wujudnya pelbagai makna dalam satu perkataan mengikut konteks yang diperkatakan. Kolokasi atau dinamakan **الْمُصَاحِّهُ** dalam bahasa Arab dimaksudkan sebagai kata-kata yang sering bersama dan telah membangunkan hubungan semantik idiomtik (Linguistics Dictionary, 2003:40). Di mana, pengabungan ini membawa kepada penghasilan makna yang kadang kala amat ketara berbeza daripada makna asal perkataan tersebut.

Analisis ini dijalankan adalah kerana, setiap perkataan atau istilah dalam bahasa mempunyai makna yang berbeza mengikut laras sesuatu penulisan atau ucapan dibincangkan. Kepentingan pengetahuan terhadap makna mengikut konteks bagi suatu perkataan atau istilah amat penting dalam sesebuah komunikasi untuk memastikan mesej yang disampaikan tidak disalah tafsir. Berikut adalah beberapa perkataan yang terdapat dalam istilah ekonomi dan mempunyai makna yang berbeza mengikut konteks situasi:

### i) **الْسُّوقُ (Pasar)**

Dari sudut bahasa, pasar atau **الْسُّوقُ** dalam bahasa arab diambil daripada perkataan kata kerja (**سَاقَ يَسْقُوْقُ سُوقُ**) dan perkataan jamak (*plural*) bagi ini ialah **الْأَسْوَاقُ**. Perkataan **الْسُّوقُ** dalam kamus al-Marbawiy (1995:308) bermaksud pasar. Manakala terdapat juga makna yang hampir seperti yang disebutkan dalam kamus al-Marbawiy iaitu sepetimana maksud di dalam Mu`jam al-Wasi` (t.t:465), **الْسُّوقُ** membawa maksud sebuah tempat membawa barang untuk dijual.

Pada asasnya, pasar menurut bahasa ialah sebuah tempat khusus bagi proses penukaran barang atau juga sebagai tempat bagi melakukan urusan perniagaan melibatkan jual

dan beli. Perkataan *su:q* atau *aswa:q* ini terdapat di dalam al-Qur'an sepermian firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Furqan pada ayat 7:

وَقَالُوا مَا لِهَذَا أَرْرَسُولٍ يَأْكُلُ الْطَّعَامَ وَيَمْشِي فِي الْأَسْوَاقِ لَوْلَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مَلَكٌ فَيَكُونَ  
مَعَهُ دَنِيرًا

Yang bermaksud:

*"Dan mereka pula berkata: "Mengapa Rasul ini makan minum dan berjalan di pasar-pasar (seperti manusia Yang lain)? sepatutnya diturunkan malaikat kepadaNya, supaya malaikat itu turut memberi peringatan dan amaran bersama-sama dengannya (sebagai saksi Yang membenarkannya)"*

Begitu juga pada ayat 20 surah yang sama:

وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ مِنَ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا إِنَّهُمْ لَيَأْكُلُونَ الْطَّعَامَ وَيَمْشُونَ فِي الْأَسْوَاقِ  
وَجَعَلْنَا بَعْضَكُمْ لِبَعْضٍ فِتْنَةً أَتَصِرُّونَ وَكَانَ رَبُّكَ بَصِيرًا

Yang bermaksud:

*"Dan Kami tidak mengutus Rasul-rasul sebelummu (Wahai Muhammad) melainkan orang-orang Yang tentu makan minum dan berjalan di pasar-pasar, dan Kami jadikan sebahagian dari kamu sebagai ujian dan cubaan bagi sebahagian Yang lain, supaya ternyata Adakah kamu dapat bersabar (menghadapi ujian itu)? dan (ingatlah) adalah Tuhanmu sentiasa melihat (akan keadaan makhluk-makhlukNya)"*

Manakala, dari segi istilah, menurut (Sabri 2010: 1-3 ) dalam kertas kerja beliau yang bertajuk "Saham: Isu dan Permasalahannya dalam Konteks Malaysia", Ibnu Hajar al-

‘Asqalaniy mendefinisikan su:q ialah nama bagi setiap tempat yang berlaku jualbeli antara mereka yang melakukan jual beli tersebut. Hukum tersebut tidak terhad kepada tempat yang dikenali dengan nama *su:q* (pasar) bahkan umum di mana sahaja berlaku urusan jual dan beli. Selain itu juga, beliau juga turut menyatakan bahawa di kalangan sarjana terdapat perbezaan definisi antara pasar dalam konteks perniagaan dengan pasar dalam konteks ekonomi.

Maksud pasar dalam konteks perniagaan ialah, suatu tempat tumpuan pelbagai barang yang berlaku dengan sempurna urusan tukar menukar atau jual beli atau kepenggunaan (*consumption*) iaitu tempat yang sempurna pindah milik barang disebabkan terdapatnya cara-cara (proses) yang mampu dipenuhi seperti penyimpanan, kewangan, pengangkutan, pengasingan dan pengagihan (Hasan: 1986).

Selain itu, maksud pasar dalam konteks ekonomi pula adalah sepetimana menurut Rasyid al-Barawiy (1971): “Pasar ialah tempat pertemuan pembeli dan penjual sama ada secara langsung atau melalui perantara (broker) sebahagian mereka dengan sebahagian yang lain di mana harga-harga yang terdapat pada sebahagian (elemen-elemen) ‘pasar’ tersebut memberi kesan terhadap harga-harga pada bahagian-bahagian (elemen-elemen) ‘pihak’ yang satu lagi, yang hasilnya mewujudkan pelbagai jenis harga terhadap sesuatu barang dalam pasar, tanpa mengambil kira apa yang berlaku berkaitan penyelewengan harga terhadap jenis barang mengikut ketentuan sesuatu tempat atau disebabkan kejadian yang berlaku tanpa diduga dan faktor masa”.

Berdasarkan penjelasan tersebut, beliau telah menyimpulkan definisi pasar dalam konteks perniagaan melibatkan sesuatu urusan jual beli berlaku di tempat khusus yang tertentu, berbeza dengan maksud pasar dalam konteks ekonomi yang tidak melibatkan

urusan perniagaan tertentu pada tempat yang khusus bahkan boleh berlaku di mana sahaja menerusi komunikasi dengan internet, telefon, faksimili atau apa-apa cara moden yang canggih. Osman Rani (1987:157) menyatakan bahawa pasaran juga boleh didefinisikan sebagai kuasa-kuasa asas permintaan dan penawaran, dan ia tidak semestinya menunjukkan tempat dan satu-satu lokasi geografi.

Selain daripada makna yang telah diberikan, didapati juga bahawa aspek kolokasi juga turut memberi kesan kepada perbezaan makna bagi suatu istilah. Definisi **السوق** mengikut mu`jam al-wasiٰ (t.t:465) dalam konteks ekonomi berdasarkan gabungan perkataan adalah seperti berikut:

- a. **السوق الرسمية**: **Bursa - Pasaran sekunder**, Pasaran sekunder atau yang biasa dikenali sebagai bursa saham ialah pasaran yang mengendalikan transaksi saham syarikat-syarikat papan utama.
- b. **السوق المالية**: **Pasaran dana** - Pasaran dana/ harta untuk jangka masa panjang.
- c. **السوق الحرة**: **Pasaran bebas** – pasaran yang tidak melibatkan Bursa atau kastam.
- d. **السوق السوداء**: **Pasaran gelap** – pasaran yang dilakukan secara tersembunyi dan tidak diketahui.

## ii) **الطلب** (permintaan)

Di dalam kamus al-Marbawiy (1995: 362), **الطلب** bermaksud menuntut, berkehendak, mahu, mencari atau meminta sesuatu. Namun begitu, di dalam Mu'jam al-wasiٰ (t.t:561) **الطلب** didefinisikan sebagai suatu jumlah yang diterima melalui pembelian dengan harga komoditi yang tertentu. Manakala, dalam Kamus Dewan (2004: 1034), definisi

permintaan dalam konteks ekonomi adalah pernyataan kehendak atau kemahuan pembeli (untuk barang atau perkhidmatan) dengan kesediaan membayar harga tertentu.

Selain itu, definisi permintaan dalam konteks ekonomi juga membawa maksud keinginan, keupayaan dan kesanggupan para pembeli untuk membeli suatu barang atau perkhidmatan dengan syarat mempunyai kuasa beli kerana ia membezakan antara keinginan dan permintaan (Osman Rani, 1987: 205). Perbezaan definisi ini juga dapat dilihat seperti dalam contoh ayat dibawah ini:

و ذكر أن الثروات العالمية تمثل حالياً تجاه آسيا في ظل التفاؤل المستمر للنمو الاقتصادي لمعظم دول المنطقة والتي بإمكانها الحفاظ على نموها الاقتصادي من خلال ارتفاع الطلب المحلي و الانفاق الحكومي في تلك الدول .

#### **Terjemahan :**

*kekayaan global pada masa kini dilihat lebih cenderung ke rantau asia berdasarkan keyakinan yang berterusan oleh pelabur-pelabur terhadap pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara dan diyakini boleh mengekalkan pertumbuhan ekonomi tersebut melalui permintaan domestik dan perbelanjaan di negara tersebut.*

Terdapat juga contoh daripada hadis yang diriwayatkan :

عَنْ أَنَّسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ .  
(ابن ماجه وغيره)

#### **Terjemahan:**

Dari Anas bin Malik r.a., katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Menuntut ilmu adalah satu fardu yang wajib atas tiap-tiap seorang Islam."

Selain itu, contoh firman allah s.w.t didalam surah al-furqan ayat 41 yang berbunyi:

أَوْ يُصْبِحَ مَأْوَهَا غَوْرًا فَلَنْ تَسْتَطِعَ لَهُ طَلَبًا ﴿٤١﴾

### Yang bermaksud:

atau airnya menjadi surut ke dalam tanah, Maka sekali-kali kamu tidak dapat menemukannya lagi".

Melalui contoh penggunaan istilah mengikut konteks di atas, dapat dilihat perbeaan makna mengikut situasi atau konteks suatu istilah itu digunakan. Dalam konteks ekonomi, istilah الطلب المُخْلِي dalam contoh pertama bermaksud permintaan domestik. Permintaan domestik adalah kuantiti yang diminta oleh seseorang individu terhadap suatu pasaran barang berdasarkan masa, harga dan tempat tertentu di pasaran tempatan atau dalam negara.

Permintaan tersebut terdiri daripada perkhidmatan, barang, pengangkutan dan lain-lain. Manakala, الطلب dalam surah al-kahfi ayat ke 41 bermaksud menemukan. Ketiganya konteks bagi istilah الطلب membawa maksud yang sangat berbeza antara satu sama lain iaitu menuntut (belajar), permintaan dan menemukan (berjumpa). Antara istilah yang terdapat dalam artikel yang dikaji adalah seperti berikut:

- a. الطلب المُخْلِي : Permintaan domestik
- b. طَلَبُ كَبِيرٍ : Permintaan tinggi
- c. الطلب العَالَمِي : Permintaan global
- d. مَطْلَبُ أَسَاسِي : Permintaan asas

### iii) الرأسُ (kepala)

Istilah seterusnya adalah bagi perkataan الرأسُ. Makna bagi perkataan الرأسُ sepetimana yang terdapat dalam kamus besar dewan arab melayu (2006: 836) adalah bahagian atas (kepala). Namun dalam konteks yang berlainan dan aspek kolokasi, pengabungan الرأسُ dengan perkataan lain juga boleh membawa kepada beberapa maksud berlainan sepetimana yang terdapat dalam kamus al-Marbawiy (1995 :222) dan Kamus Besar Dewan Arab Melayu (2006: 836) seperti istilah الرأسُ الْقَوْمُ (Ketua kaum), (Hulu/ tanjung) الرأسُ الْسَّنَةُ (Awal tahun) dan رأسُ الْمَالِ (Modal). Melalui contoh yang diberi, dapat dilihat perbezaan makna bagi perkataan الرأسُ mengikut konteks tertentu dan gabungan perkataan (kolokasi). Dalam konteks ekonomi, رأسُ الْمَالِ bermaksud suatu jumlah atau nilai harta yang dilaburkan dalam sesuatu perkara (Mu;Jam Alwasit (t.t:319) .

Menurut Naili Rahmawati (t.t: 3) modal didefinisikan sebagai salah satu faktor produksi dapat diartikan sebagai semua bentuk kekayaan yang dapat dipakai langsung atau tidak langsung dalam proses produksi untuk menambah *out put*-nya. Dalam pengertian lain, modal didefinisikan sebagai semua bentuk kekayaan yang memberikan penghasilan kepada pemiliknya atau suatu kekayaan yang dapat menghasilkan suatu hasil yang akan digunakan untuk menghasilkan kekayaan lain.

Daripada ketiga-tiga definisi di atas diketahui bahwa pada prinsipnya modal segala sesuatu yang memiliki peranan penting untuk menghasilkan suatu barang produksi dalam suatu proses produksi. Pendapat mengenai definisi modal tersebut juga dikukuhkan lagi melalui definisi yang diberi oleh Elis Mediawati (t.t:3) yang menyatakan apa yang dimaksudkan sebagai رأسُ الْمَالِ ialah atas segala sesuatu iaitu

modal awal atau modal pokok. Sepertimana juga yang terdapat dalam surah *al-Baqarah* ayat 279:

فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا فَأَدْنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِنْ تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ  
وَلَا تُظْلِمُونَ

**Yang bermaksud:**

*Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba), Maka ketahuilah, bahwa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu. dan jika kamu bertaubat (dari pengambilan riba), Maka bagimu pokok hartamu; kamu tidak Menganiaya dan tidak (pula) dianiaya.*

Ayat di atas menerangkan tentang hukum riba dalam islam. Pengertian **رأس المال** dalam konsep ekonomi islam ialah semua harta yang bernilai dalam pandangan syar'I, yang aktiviti manusia berperanan dalam menghasilkannya dengan tujuan untuk dikembangkan. Ia tidak terbatas kepada harta riba sahaja tetapi juga meliputi semua jenis harta yang bernilai yang terlibat dalam proses aktiviti perusahaan dan pengawalan perkembangan pada tempoh- tempoh lain. Lebih mudah untuk dijelaskan di sini, **رأس المال** dalam ayat di atas membawa maksud modal iaitu duit atau harta yang digunakan untuk memulakan sesbuah perniagaan.

Dalam bidang ekonomi, definisi modal juga adalah berbeza mengikut konteks. Osman Rani (1987:141) memberi definisi modal dalam konteks perniagaan sebagai jumlah kekayaan atau asset bagi sebuah firma, ia bukan sahaja merupakan barang-barang modal (aset ketara), tetapi juga tanda niaga, paten dan sebagainya. Manakala dalam konteks perakuanan, modal menunjukkan semua wang bercagar pemegang-pemegang stok dan juga perolehan yang disimpan untuk kegunaan perniagaan.

Selain itu, apabila perkataan **الرأسم** digabungkan dengan perkataan lain (kolokasi), membawa maksud yang berbeza sepetimana contoh di atas. Terdapat juga kolokasi bagi istilah **الرأسم** dalam konteks ekonomi sepetimana yang dikaji dalam artikel iaitu:

- a. **رأس المال اللازم** : Modal yang diperlukan
- b. **رأس المال البشري** : Modal insan
- c. **رأس المال الماليزيّة** : Modal Malaysia

Daripada contoh di atas, istilah **رأس المال** membawa maksud modal. Akan tetapi apabila ia digabungkan dengan perkataan lain maka terlihat perbezaan makna bagi istilah tersebut seperti istilah **رأس المال اللازم** yang bermaksud modal yang diperlukan dalam bentuk wang/harta dan istilah **رأس المال البشري** yang membawa maksud modal insan iaitu tenaga pekerja/ buruh. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa selain konteks perbincangan, pengabungan suatu perkataan juga merupakan elemen yang menyumbang kepada pengertian yang berbeza.

#### iv) الدخل (pendapatan)

Terdapat beberapa makna berlainan bagi perkataan **الدخل**. Menurut kamus al-marbawiy (1995:199) makna **الدخل** ialah syak, kesasaran dan hasil. **الدخل** juga membawa maksud pendapatan, keburukan, penyakit yang melibatkan bahagian dalam tubuh dan keraguan (kamus besar dewan arab- melayu, 2006:718). Manakala, jika dilihat daripada aspek kolokasi pula, beberapa istilah yang terdapat dalam mu'jam al'wasiṣ (t.t :375) dan kamus besar dewan arab- melayu (2006:718) adalah seperti **(الدخل من المزء)** (Bahagian dalam diri manusia), **(الدخل المال** (harta yang diperolehi daripada tanaman, pembuatan atau perniagaan), **(الدخل الفردي ضريبة الدخل)** (Cukai pendapatan) dan **(الدخل الضربي)** (pendapatan individu).

Contoh di atas menunjukkan bahawa di dalam konteks ekonomi itu sendiri, peranan aspek kolokasi menyebabkan wujudnya perbezaan makna. Kebanyakan ahli-ahli ekonomi memberi interpretasi pendapatan secara meluas dan sukar untuk dibezakan jenis-jenis pendapatan. Osman (1987:174) menyatakan bahawa secara umumnya pendapatan ditakrifkan sebagai suatu gabungan/ rumpun konsep yang berkait dengan harta dan nilai. Manakala, cukai pendapatan adalah cukai yang dikenakan terhadap perkhidmatan (Kamus Dewan, 2005:293). Manakala, pendapatan perkapita pula ialah jumlah pendapatan setiap penduduk dalam sebuah negara pada suatu tempoh tertentu. Ketiga-tiga istilah ekonomi ini walaupun dalam laras yang sama tetapi mempunyai maksud yang berbeza dalam konteks ekonomi itu sendiri.

v) **الأسهم (saham-saham)**

Saham merupakan salah satu keperluan dalam menjalankan aktiviti ekonomi. Tahap perkembangan ekonomi sesebuah negara mendapat kesan secara tak langsung melalui aktiviti saham yang dijalankan oleh negara tersebut. Istilah **الأسهم** diambil daripada perkataan **سهم** yang bermaksud buah dadu, dokumen, anak panah, penyelak pintu dan juga dalam konteks ekonomi didefinisikan sebagai saham (Kamus Besar Dewan Arab Melayu (2006:1202). Manakala, di dalam kamus al-marbawi (1995 :306) **سهم** diberi makna sebagai habuan. Selain itu juga, Sabri (t.t: 7) memberi definisi saham kepada bahasa dan istilah.

Definisi Saham dari segi bahasa adalah, istilah saham berasal daripada perkataan arab *sahm* mempunyai pelbagai makna antaranya ialah nasib atau bahagian seperti firman Allah s.w.t. dalam surah al-Saafaat ayat 141:

فَسَاهَمْ فَكَانَ مِنَ الْمُدْحَضِينَ

### **Yang bermaksud:**

*“(dengan satu keadaan Yang memaksa) maka Dia pun turut mengundi, lalu menjadilah ia dari orang-orang Yang kalah Yang digelunsurkan (ke laut) ”.*

Manakala definisi saham dalam istilah pula menurut pandangan ahli-ahli ekonomi, saham dimaksudkan kepada dua perkara iaitu bahagian tertentu pemodal sesebuah syarikat harta dan bahagian ini mewakili sebahagian tertentu modal syarikat menerusi pemilikan skrip saham bagi setiap pemodal.

Ini dilihat sebagai suatu cara bagi pengesahan hak miliknya dalam sesebuah syarikat. Manakala yang kedua adalah skrip saham atau dokumen yang sah yang diberikan kepada setiap pemodal sebagai mengesahkan pemilikannya kerana setiap saham yang diberi kepada pemodal memberikannya suatu hak dalam syarikat mengikut peraturan yang selayaknya. Maksud yang kedua ini menjadi suatu amalan yang berlaku dalam perniagaan dan hal ini tidak ada sebarang perbezaan di antara keduanya. Melalui definisi yang diberi, didapati bahawa perkataan سَهْمٌ mempunyai perbezaan makna dan perlu dilihat mengikut konteks yang dibincangkan.

### vi) **الْمَوَازِنَةُ / الْمِيزَانِيَّةُ (bajet)**

Istilah **الْمَوَازِنَةُ / الْمِيزَانِيَّةُ** diambil daripada kata kerja **وَزَنَ** membawa maksud timbangan (mu’jam al-asa:siyy 1988:1305). Selain itu, **الْمِيزَانُ** juga didefinisikan sebagai alat penimbang (dacing), kadar, sukatan, keadilan. Akan tetapi, jika dilihat makna konteks dan kolokasi, makna asal bagi perkataan ini adalah berbeza. Seperti contoh dalam surah al-anbiya, ayat 47 dan surah al-mukminun ayat 103:

وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَمَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ حَرَدَلٍ أَتَيْنَاهَا وَكَفَى بِنَا حَسِيبَتْ

**Yang bermaksud:**

47. Kami akan memasang timbangan yang tepat pada hari kiamat, Maka Tiadalah dirugikan seseorang barang sedikitpun. dan jika (amalan itu) hanya seberat biji sawipun pasti Kami mendatangkan (pahala)nya. dan cukuplah Kami sebagai Pembuat perhitungan.

وَمَنْ حَفَّتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَئِكَ الَّذِينَ حَسِرُوا أَنفُسَهُمْ فِي جَهَنَّمَ خَلِدُونَ

**Yang bermaksud:**

Dan Barangsiapa yang ringan timbangannya[1025], Maka mereka Itulah orang-orang yang merugikan dirinya sendiri, mereka kekal di dalam neraka Jahannam.

Kedua-dua ayat tersebut menerangkan tentang keadaan pada hari kiamat dimana semua manusia akan dihitung amalannya. Setiap amalan walau sekecil mana pun yang dilakukan didunia ini akan dihisab menggunakan timbangan secara adil. Maka, bagi orang-orang yang beriman dan melakukan amal soleh akan mendapat pahala sesuai dengan timbangan amalan mereka begitu juga sebaliknya. Makna leksikologi lain bagi istilah **المِيزَانُ** seperti yang terdapat dalam Kamus Besar Dewan Melayu (2006: 2628) seperti : **المِيزَانُ الصَّرْفِيُّ**, (**Alat penimbang**), (**Timbangan sarfi**) dan **المِيزَانُ الشِّعْرِيُّ** (**Timbangan syair**).

Contoh di atas jelas menunjukkan perbezaan makna bagi perkataan **المِيزَانُ** mengikut konteks yang tertentu. Bagi konteks makna dari sudut ilmu, bahasa Arab merupakan

satu-satunya bahasa yang menggunakan **الْمِيزَانُ** (timbangan) dalam pembentukan kata. **الْمِيزَانُ الصَّرِيفِ** adalah istilah yang digunakan dalam ilmu morfologi (الصَّرِيفِ) yang bermaksud hukum atau kaedah yang digunakan dalam meletakkan timbangan yang sesuai (taṭbiq al-ṣarfi, :12).

Selain itu, terdapat juga istilah **الْمِيزَانُ الشِّعْرُ** (timbangan syair) dalam ilmu sastera bahasa Arab yang membincangkan tentang syair-syair yang ada. **الْمِيزَانُ الشِّعْرُ** (timbangan syair) adalah kaedah atau peraturan yang digunakan dalam syair bahasa Arab (mu'jam al-asa:siy,1987 :1305 ). Seterunya bagi konteks ekonomi juga, istilah **الْمِيزَانُ** juga mempunyai perbezaan makna bergantung kepada kolokasi suatu istilah. Berikut adalah contoh kolokasi bagi istilah **الْمَوَازِنَةُ / الْمَوَازِنَيَّةُ** (bajet) dalam konteks ekonomi:

- a. **الْمَوَازِنَةُ مُتَوَازِنَةٌ** : Bajet seimbang
- b. **الْمَوَازِنَةُ الْحُكُومَةِ** : Bajet negara
- c. **الْمَوَازِنَةُ الْإِقْتِصَادِيَّةِ** : Bajet ekonomi
- d. **الْمِيزَانُ الْحِسَابِيُّ** : Hutang negara dengan negara luar
- e. **الْمِيزَانُ التِّجَارِيُّ** : Penjelasan harga eksport dan import

#### vii) **الصَّادِراتُ (eksport)**

Istilah ekonomi **الصَّادِراتُ** berasal daripada perkataan **صَدَرَ** yang bermaksud mengeksport, keluar dari, dan memulakan pendahuluan (Kamus al-jadid :132). Berikut adalah makna **صَدَرَ** jika didatangkan dalam bentuk gabungan bersama perkataan lain (Kamus besar 2006, 1328) (**صَدَرَ الْكِتَابَ**) (Membuat pendahuluan kitab), (**صَدَرَ الشَّخْصَ**) (Mendahuluiinya) dan (**صَدَرَ فُلَانَا**) (Menyakitinya).

Berlakunya perubahan makna bagi perkataan ini disebabkan gabungannya dengan perkataan lain. **الْكِتَابَ + صَدَرَ** (**kitab**) membawa maksud membuat pendahuluan kitab.

Berlainan pula jika صَدَرَ digabungkan dengan السَّخْصَنَ (seseorang) yang bermaksud mendahuluinya dan juga صَدَرَ فُلَانَا boleh membawa maksud menyakiti fulan (seseorang). Di sini, menunjukkan bahawa pentingnya untuk mengetahui konteks atau situasi yang sedang dibincangkan kerana kesilapan dalam memahami konteks atau situasi akan menyebabkan salah faham dalam perbincangan.

Manakala dalam laras ekonomi pula, definisi eksport sepetimana yang dinyatakan dalam Kamus Istilah Ekonomi oleh Osman (1987:47) ialah barang-barang dan perkhidmatan sesebuah Negara yang dijual ke Negara lain sebagai pertukaran untuk mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan yang lain samada secara barter atau dengan mendapatkan mata wang asing untuk mengimport barang-barang lain. Terdapat juga beberapa istilah dalam laras ekonomi tersebut dalam bentuk kolokasi. Istilah konteks ekonomi bagi perkataan الصَّادِرَاتُ yang berkolokasi dengan perkataan lain dalam artikel yang dikaji adalah seperti yang dinyatakan di bawah ini:

- a. الصَّادِرَاتُ الرَّئِيْسِيَّةُ : Eksport utama
- b. ثَالِثُ الصَّادِرَاتِ : Eksport kedua terbesar
- c. الْأَصْدَارُ الْأَوَّلُ : Eksport yang pertama

#### viii) أَلِاسْتِمَارُ (pelaburan)

Berasal daripada kata kerja lampau إِسْتَثْمَرَ yang mempunyai beberapa maksud. Di dalam Kamus Besar Dewan Melayu (2006: 250) maksud bagi إِسْتَثْمَرَ juga berubah mengikut kolokasi perkataan yang digabungkan dengannya. Antara makna tersebut adalah إِسْتَثْمَرَ اِجْهَدَ (Mencari buah), إِسْتَثْمَرَ الْمَالُ (Melaburkan wang), dan إِسْتَثْمَرَ الجُهْدَ (Mengeksplorasi).

Melalui contoh di atas, didapati bahawa apabila istilah **إِسْتَثْمَرْ** digabungkan bersama perkataan yang berlainan, akan menujukkan perubahan pada makna. Apabila **إِسْتَثْمَرْ** digabungkan dengan perkataan **الْمُرْءُ** (seseorang) maka makna pada konteks ini adalah mencari buah. Akan tetapi jika **إِسْتَثْمَرْ** digabungkan dengan perkataan **الْمَالُ** makna dalam konteks ini adalah jauh berbeza dari gabungan yang lepas iaitu melaburkan wang. Begitu juga keadaannya jika **إِسْتَثْمَرْ** digabung bersama perkataan **الْجُهْدَ** yang membawa maksud eksplotasi. Maka, di sini jelaslah bahawa kolokasi atau gabungan perkataan dengan satu perkataan akan memberi kesan kepada perubahan makna bagi suatu istilah. Selain itu, konteks perbincangan juga harus dikenal pasti agar maklumat dapat disalurkan dengan tepat.

Menurut Osman (1987:162), bagi konteks ekonomi, istilah pelaburan mempunyai dua makna yang berkaitan. Dalam teori ekonomi, pelaburan dimaksudkan sebagai penggunaan barang-barang modal untuk proses pengeluaran. Pembinaan jalan raya atau kilang adalah contoh-contoh pelaburan modal benar. Berbeza dengan maksud pelaburan dalam istilah kewangan yang merujuk kepada pembelian saham atau bon, atau penyimpanan wang dalam institusi kewangan untuk mendapatkan pulangan. Selain itu juga, kolokasi bagi istilah **الْإِسْتِثْمَارُ** dalam konteks ekonomi yang ada di dalam artikel yang dikaji adalah seperti berikut:

- a. **الْإِسْتِثْمَارَاتُ الْمَحْلِيَّةُ** : Pelaburan domestik
- b. **الْإِسْتِثْمَارَاتُ الْأَجْبَرِيَّةُ** : Pelaburan asing
- c. **الْمَشَارِيعُ الْإِسْتِثْمَارِيَّةُ** : Projek pelaburan
- d. **الْإِسْتِثْمَارَاتُ الْمَالِيَّةُ** : Pelaburan Malaysia
- e. **الْفُرْصُ الْإِسْتِثْمَارِيَّةُ** : Peluang pelaburan
- f. **النَّشَاطَاتُ الْإِسْتِثْمَارِيَّةُ** : Aktiviti pelaburan

ix) التضخم (inflasi)

Istilah التضخم (inflasi) berasal daripada kata kerja تضخم yang bermaksud bertambah besar dan luas. Manakala dalam bidang ekonomi pula ia bermaksud inflasi (Kamus Arab Melayu, 2006:1395). Istilah inflasi merupakan salah satu istilah yang hanya terdapat dalam bidang ekonomi di mana maksudnya berdasarkan kamus dewan (2005: 576) adalah keadaan harga barang bertambah tinggi disebabkan bertambahnya kuasa membeli.

Selain itu, antara istilah ekonomi bagi التضخم adalah seperti gabungan perkataan نفدين dengan التضخم نفدين menjadi التضخم نفدين yang bermaksud peningkatan harga barang atau perkhidmatan disebabkan pengurangan pengeluaran dan peningkatan permintaan (Mu'jam al-Asa:siy,1999 :766).

Bagi konteks ekonomi, istilah inflasi mempunyai penerangan terperinci seperimana yang disebutkan dalam kamus ekonomi osman rani (1987:74) iaitu, suatu kenaikan yang berterusan dalam tingkat harga umum. Selain itu juga, melalui aspek kolokasi terdapat beberapa gabungan perkataan dengan istilah inflasi yang membawa kepada satu istilah yang mempunyai makna yang lebih terperinci seperti, inflasi merayap, inflasi pendapatan, inflasi sesak, inflasi tertekan dan sebagainya (kamus ekonomi osman rani, 1987: 74-75).

x) الضريبة (cukai)

Maksud istilah الضريبة seperti yang dinyatakan dalam kamus arab- melayu (2006:1399) adalah orang yang ditetak dengan pedang, segumpal bulu, rambut atau kapas yang dipintal, tabiat semulajadi dan cukai. Istilah cukai dalam konteks ekonomi bermaksud

bayaran yang dikenakan oleh kerajaan terhadap perseorangan (perbadanan, syarikat, barang-barang dan lain-lain) untuk perbelanjaan negara dan lain-lain (Kamus Dewan, 2005:292).

Manakala, menurut kamus ekonomi Osman Rani (1987: 173) cukai adalah suatu pindahan wang (atau kadang-kadang barang dan perkhidmatan) yang wajib daripada individu-individu swasta kepada kerajaan. Dapat dilihat juga, beberapa gabungan perkataan lain dengan istilah **الضريبة** yang membawa maksud tertentu dalam bidang ekonomi seperti yang dinyatakan dalam Mujam asasiy (1999: 768) iaitu:

- a. **الضريبة للأملاك** :Cukai harta tanah
- b. **الضريبة تصاعدية** :Kenaikan kadar cukai bersama pertambahan jumlah pendapatan boleh cukai dalam sistem percukaian
- c. **الضريبة للدخل** :Cukai pendapatan
- d. **الضريبة السيارات** :Cukai kenderaan

### 4.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, setelah data-data yang dikumpul dianalisis, didapati bahawa laras ekonomi sememangnya wujud dalam artikel yang dikaji. Ciri utama yang harus dititik beratkan dalam mengklasifikasi sesuatu perkataan sebagai istilah ekonomi adalah dari cara penggunaan istilah tersebut yang melibatkan wang, pengurusan kewangan, keadaan ekonomi semasa dan lain-lain. Aspek ini amat penting kerana dengan apabila wujudnya ciri ini maka klasifikasi istilah dalam suatu bidang atau laras khusus dapat dilakukan dengan betul.

Hasil daptan daripada analisis pengolongan kata dan pembentukan kata bagi istilah ekonomi yang dikaji pula menunjukkan bahawa golongan kata nama mendominasi kehadiran istilah ekonomi tersebut. Seterusnya bagi pembentukan istilah didapati bahawa tidak semua istilah ekonomi yang dikumpul mempunyai pola yang sepadan dengan pola imbuhan. Selain itu, setiap pola mempunyai fungsi makna yang berbeza seperti yang telah diuraikan dalam analisis pembentukan istilah ekonomi bagi kata kerja.

Aspek penambahan dan pengulangan huruf juga turut memberi kesan terhadap fungsi makna sepertimana yang dinyatakan. Tambahan pula, menerusi analisis pembentukan melalui bentuk Maṣdar ḥinā’ juga menunjukkan had batasan makna yang berkembang dengan lebih luas. Kesemua ciri-ciri ini membuktikan bahawa bahasa Arab sememangnya satu bahasa yang unik dan menarik untuk dikaji. Ciri-ciri ini juga menunjukkan bahawa bahasa Arab adalah satu bahasa yang istimewa tidak terhad kepada bentuk-bentuk atau cirinya sahaja malah dari aspek makna, susunan ayat, penggunaan unsur-unsur linguistik seperti kolokasi dan juga keindahan bahasanya tidak dapat disangkal.

Selain itu, apa yang dapat disimpulkan melalui analisis makna bagi beberapa istilah dalam laras ekonomi yang dipilih adalah wujudnya beberapa makna yang berbeza bagi istilah tersebut dengan cara memastikan konteks atau situasi pertuturan atau pembacaan suatu teks yang sedang dibincangkan agar maklumat yang disampaikan difahami dengan jelas dan tepat. Seterusnya dengan melihat kolokasi (gabungan perkataan lain) bagi istilah. Ini kerana gabungan perkataan juga memberi kesan kepada perbezaan makna bagi suatu istilah sepertimana yang telah dinyatakan dalam analisis.

## BAB 5

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan yang diperoleh daripada dapatan kajian yang telah dijalankan agar pembaca lebih mudah memahami isi- isi penting yang ingin disampaikan. Pembahagian bagi bab ini terbahagi kepada tiga iaitu kesimpulan, saranan dan cadangan kajian lanjutan. Bahagian kesimpulan membincangkan rumusan ringkas bagi keseluruhan kajian berdasarkan apa yang diperoleh dalam dapatan kajian. Pada bahagian saranan pula, segala permasalahan yang timbul dalam kajian ini akan disusuli dengan cara atau kaedah penyelesaian agar dapat membantu kajian-kajian yang akan dijalankan pada masa depan. Manakala, bahagian terakhir iaitu cadangan kajian lanjutan adalah mengenai cadangan-cadangan kepada pengkaji pada masa akan datang terhadap apa penambah baikan dan idea-idea baru yang boleh dilakukan.

#### 5.1 Rumusan

Hasil daripada dapatan kajian yang telah dijalankan, dapat disimpulkan bahawa wujudnya istilah-istilah ekonomi bahasa Arab yang menjadi penanda aras laras ekonomi dalam 24 artikel yang dikaji daripada majalah *Aswaq*. Istilah-istilah tersebut terdiri daripada kata berbentuk tunggal, gabungan dua atau lebih perkataan. Data-data yang diperoleh tergolong dalam dua golongan kata sahaja iaitu golongan kata nama dan kata kerja sahaja. Kata nama merupakan golongan kata yang mendominasi kehadiran dan kekerapan data yang dianalisis. Berikut adalah beberapa kesimpulan terhadap analisis yang dijalankan:

- a. **Analisis Golongan Kata:** Golongan kata nama didapati mendominasi kehadiran dalam artikel berbanding golongan kata kerja. Hal ini sepetimana yang telah disebutkan sebelum ini bahawa kata nama mempunyai makna yang lebih spesifik berbanding golongan kata lain (rujuk Bab3).
- b. **Analisis Kategori Istilah:** Secara ringkasnya, klasifikasi suatu istilah dalam suatu laras atau bidang bergantung kepada penggunaan kata yang mendukung makna dan maksud dalam bidang tersebut yang juga dikenali sebagai kata ala bidang atau istilah dalam laras. Ciri ini amat penting bagi seseorang untuk mengenal pasti laras atau bidang sesuatu perkataan itu dituturkan selain daripada membantu untuk memudahkan pemahaman pembaca serta memberi gambaran mengenai isu konteks, bidang dan situasi yang sedang diperkatakan samada dalam pembacaan maupun pertuturan. Hasil analisis membuktikan bahawa wujudnya laras ekonomi dalam 24 artikel yang dikaji daripada majalah *Aswaq* dengan melihat kepada istilah-istilah ala bidang sebanyak 207 istilah yang terkumpul.

Tiga kategori yang mencatat bilangan dan kekerapan istilah ekonomi yang wujud paling tinggi adalah kategori keperluan ekonomi, aktiviti ekonomi dan juga sektor ekonomi. Laporan ekonomi Malaysia tahun 2013 menyatakan bahawa sumebr pemacu peningkatan ekonomi Malaysia adalah daripada sektor swasta, pelaburan dan perdagangan (eksport) yang juga disokong oleh institusi kewangan yang mempunyai daya tahan yang tinggi dalam menghadapi krisis ekonomi yang mendatang.

Hubungan antara bilangan dan kekerapan kehadiran tertinggi bagi istilah ekonomi yang dianalisis dengan Laporan Ekonomi Malaysia pada tahun 2013 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia membenarkan pernyataan yang dibuat oleh Wong (2003). Beliau menyatakan bahawa, bilangan dan kekerapan kehadiran suatu istilah ekonomi dapat membayangkan keadaan suatu situasi pada masa tersebut. Di mana, pada kajian ini membincangkan tentang istilah ekonomi dan perkaitannya terhadap keadaan ekonomi Malaysia dengan merujuk kepada Laporan Ekonomi Malaysia tahun 2013.

- c. **Analisis Pembentukan Istilah:** Manakala, melalui analisis pembentukan kata didapati bahawa kebanyakan pola imbuhan yang produktif bagi golongan kata kerja dan pola imbuhan kata nama wujud dalam istilah ekonomi. Selain itu, pengimbuhan di dalam bahasa Arab adalah berbeza dengan pengimbuhan dalam bahasa Melayu. Di mana, dalam proses pembentukan kata terbitan melalui pengimbuhan dalam bahasa Melayu menggunakan penambahan imbuhan seperti imbuhan awalan peN (peniaga, pengedar), akhiran -an dan -wan (pasaran, usahawan), apitan pen-...-an dan per-...-an (pelaburan, perdagangan). Manakala dalam bahasa Arab, pola imbuhan terbahagi kepada dua iaitu pengulangan huruf dan penambahan huruf kepada kata asal bagi suatu kata nama dan kata kerja. Dapatkan kajian ini telah membuktikan perbezaan bentuk imbuhan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu.

Hasil analisis yang dijalankan, didapati bahawa tidak semua istilah ekonomi yang terkumpul daripada artikel majalah *Aswaq* sepadan dengan pola imbuhan yang disenaraikan. Begitu juga, daripada 9 pola imbuhan kata kerja yang disenaraikan hanya sebanyak 6 pola sahaja yang sepadan dengan beberapa

istilah ekonomi yang dianalisis. Keadaan yang sama juga dapat dilihat dalam analisis pembentukan istilah kata nama yang mempunyai 6 sahaja pola imbuhan yang sepadan dengan istilah ekonomi yang telah dikumpul dan dianalisis.

- d. **Analisis Makna Istilah** : Hasil analisis yang dijalankan membuktikan bahawa wujudnya perbezaan makna bagi suatu istilah bergantung kepada laras-laras tertentu. Seterusnya, analisis makna leksikologi bagi beberapa istilah dalam laras ekonomi yang dipilih pula menunjukkan bahawa makna perlu diberi mengikut konteks dan situasi yang sedang diperkatakan. Selain daripada perlu melihat aspek kolokasi bagi suatu perkataan, ini adalah kerana wujudnya perbezaan makna bagi istilah tersebut kerana setiap gabungan berlainan memberi maksud yang berbeza. Oleh itu, setiap penggunaan kata atau istilah yang digunakan haruslah difahami konteks perbincangan agar makna yang ingin disampaikan adalah tepat.

## 5.2 Saranan

Penggunaan istilah yang tepat adalah penting dalam suatu komunikasi samada secara lisan atau bertulis. Permasalahan dalam menggunakan istilah yang sesuai mengikut konteks dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu yang memperlajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua amat membimbangkan. Sesuai dengan pernyatan oleh Mat Taib Pa (1993:5) realiti tahap kebanyakan pelajar-pelajar melayu dalam uslub bahasa amat rendah dan membimbangkan. Antara kaedah yang dapat mengatasi permasalahan ini adalah dengan penekanan terhadap penggunaan perkataan atau istilah mengikut konteks yang sesuai. Pengumpulan istilah-istilah mengikut laras tertentu membantu pelajar-

pelajar serta bukan penutur asli bahasa Arab untuk merujuk cara dan situasi penggunaan sesuatu istilah tersebut.

Selain itu, kaedah pembentukan kata juga perlu diketahui oleh pelajar-pelajar dan bukan penutur asli bahasa Arab. Ini adalah kerana, keperluan mengenai pengetahuan tersebut perlu bagi proses mencari makna menggunakan kamus. Tanpa pengetahuan tersebut, adalah sukar bagi mereka untuk mencari makna bagi perkataan-perkataan dalam bahasa Arab. Keunikan bahasa Arab di mana setiap huruf yang ditambah atau baris yang berubah akan mewujudkan makna yang kadang kala jauh berbeza daripada makna asal. Di sini dapat dilihat bahawa pentingnya pengetahuan mengenai konteks perbincangan suatu komunikasi dan pengetahuan mengenai pembentukan dalam bahasa Arab. Kedua-dua pengetahuan ini sama penting dalam bagaimana menyampaikan maklumat yang tepat dan difahami.

Permasalahan ini juga dapat dibendung seawal mungkin dengan bantuan buku-buku teks bahasa Arab yang digunakan dalam silibus mata pelajaran di sekolah-sekolah kementerian. Segmen-segmen atau topic-topik mengenai istilah-istilah mengikut laras yang berbeza perlu dititik berat dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain daripada memperbanyakkan kamus-kamus istilah dalam bahasa Arab yang berlatarbelakang bidang.

### **5.3 Cadangan kajian lanjutan**

Beberapa idea dan cadangan yang dapat diutarakan melalui kajian ini dalam membantu kajian-kajian lain pada masa akan datang adalah:

- a. Selain daripada bidang seperti pelancongan, sukan, politik dan ekonomi, terdapat pelbagai bidang lain yang boleh dikaji seperti bidang perubatan terdahulu dan moden, kejuruteraan, sains, perladangan dan lain-lain. Malah dalam bidang ekonomi juga terdapat pecahan-pecahan sektor yang lebih khusus seperti kewangan dan perbankan, perdagangan dan sebagainya yang masih belum lagi diterokai.
- b. Di samping itu, cadangan bagi kajian lanjutan yang akan dijalankan adalah dengan menumpukan bidang kajian kepada bidang semantik sahaja serta mendapatkan data yang lebih banyak bagi pengumpulan istilah-istilah terkini dalam pelbagai bidang. Melalui data yang lebih banyak, berkemungkinan akan dapat menghasilkan sebuah kamus ala bidang. Penghasilan kamus-kamus seperti ini adalah amat terhad.
- c. Antara kajian lanjutan lain yang boleh dijalankan adalah dengan mengkaji pembentukan istilah dalam bahasa Arab yang dipinjam daripada bahasa-bahasa lain khusus dalam satu-satu bidang. Penelitian istilah pinjaman merupakan antara kajian yang menarik untuk dijalankan di mana proses pembentukan istilah dapat dilihat sebelum menjadi suatu istilah yang diterima dan diguna pakai.
- d. Ciri-ciri lain yang menarik dan unik dalam istilah ekonomi yang dijalankan adalah daripada sudut pembentukan akronim. Antara istilah-istilah akronim yang ditemui dalam kajian ini adalah "بيت التمويل الكويتي الماليزي" (BETK) (Kuwait Finance House Malaysia), "مجموعة بنوك سي آي أم بي" (CIMB bank group Malaysia) dan "أمانة بيرهاد اس. بي. سي" (HSBC Amanah Berhad).

Didapati bahawa kajian pembentukan akronim seperti ini juga masih belum diterokai.

#### **5.4 Kesimpulan**

Melalui perbincangan dalam bab empat (analisis data dan hasil dapatan), kajian ini telah menjawab ketiga-tiga persoalan yang terdapat dalam bab satu. Analisis data yang dijalankan menunjukkan bahawa wujudnya istilah ala bidang khusus dalam laras ekonomi menerusi majalah yang dikaji. Bilangan istilah dan bilangan kekerapan juga mencatat kehadiran yang signifikan dalam 24 artikel yang dipilih di mana golongan kata nama mendominasi kewujudan istilah dalam laras ekonomi.

Kajian terhadap makna leksikologi dalam kajian ini juga membuktikan bahawa pentingnya menggunakan istilah-istilah yang sesuai mengikut situasi dan konteks suatu keadaaan. Dapat dilihat bahawa majoriti istilah-istilah yang dikaji memberi makna yang berbeza mengikut konteks. Selain daripada penelitian terhadap aspek kolokasi juga berperanan dalam menentukan makna yang bersesuaian mengikut konteks.

Selain itu, apa yang diperoleh daripada kajian ini juga adalah pola imbuhan bagi istilah dalam laras ekonomi yang dikaji sepadan dengan beberapa pola yang disenaraikan oleh ahli linguistik Arab terdahulu dan kini. Ini membuktikan bahawa usaha-usaha ahli linguistik Arab terdahulu telah memudahkan penuntut bahasa Arab untuk mempelajari bahasa ini melalui rujukan-rujukan yang telah disediakan oleh ahli linguistik Arab terdahulu. Disamping itu juga, dapat dilihat bahawa pembentukan perkataan dalam bahasa Arab juga mempunyai langkah-langkah yang perlu diikuti bermula dengan asal perkataan yang seterusnya ditambah dengan pola imbuhan atau pengulangan huruf.

Namun begitu, masih terdapat banyak kekurangan dan kelomongan dalam kajian ini yang perlu diperbaiki dan diperkemas lagi terutama dari sudut pengumpulan data. Diharap agar pengkaji-pengkaji akan datang dapat memperbanyakkan lagi pengumpulan istilah-istilah ekonomi yang terkini. Sejajar dengan pembangunan negara, perkembangan penggunaan istilah-istilah baharu juga semakin pesat dengan wujudnya pelbagai medium penyampaian maklumat pada masa kini. Kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji-pengkaji untuk mendapatkan idea mengenai bidang laras khususnya ekonomi.

## BIBLIOGRAFI

- ‘Abdullah Muhammad an-Naqrāt. (2003). *Al-Sya:mil Fii: al-Lughatul ‘Arabiyyat*. Libiya: Dār al-Kutub al-Waṭanīyyat.
- ‘Abduh al-Rajhi. (2009). *Al-Tatbiq al-Šarfiy*. Beirut: Dār al-Ma‘rifat al-Jam‘iyyat.
- ‘Abbas Ḥassan. (2005). *al-Naḥwu al-Wāfi: Ma‘a Rabīhi Bi al-Asālibi al-Rafī‘iyat*, Wa *al-Hayāti al-Lughawiyat al-Mutajadditat* (*al-Tab‘ah al-Khāmisat*). Kaherah: Dāral-ma‘ārif.
- Abdul Hamid Mahmood. (1999). *Kuasai Bahasa Anda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Tahmin. (2005). *Asas-asas Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Aḥmad al-Ḥamalāwiyy.(t.t). *Syadhā al-‘Arf Fī Fann al-Šarf*. Beirut: al-Maktabat al-Thaqāfiyyat.
- Ahmad Fikri Haji Husin. (2010). *Wacana Cerita Dalam Al-Qur'an : Satu Kajian Dalam Surah Al-Kahfī*. Tesis PhD yang diterbitkan, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Al-Ja:hiz Abu ‘Usman ‘Amru Bin Bahr. (t.t.). *Al-bayān Wa al-Tabyīn*. Beirut: Dār al-Jīl.
- Asmah Haji Omar. (1995). *Bahasa Laporan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Haji Omar. (2005). *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2011). *Teori dan Kaedah Nahu, Sejarah Pertumbuhan Aliran Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizah Ngah Abdul Rahman. (1997). *Laras Bahasa Saham*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Azlan Abd. Rahman. (2003). *Penggunaan Masdar Di Kalangan Pelajar Melayu : Satu Kajian Kes.* (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Creswell, J.W. (2012). *Educational Research Planning, Conducting, And Eveluating Quantitative And Qualitative Research, Fourth Edition.* Boston; Pearson Education.

Che Radiah Mezah dan Norhayuza Mohammad. (2011). *Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata Arab Teori dan Aplikasi.* Selangor; Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Halliday, M.A.K. (1964). *The Linguistic Science and Language Teaching.* London: Longman.

Ibn Jinnīy. (t.t). *al-Khaṣā'iṣ.* Beirut: Dār Ṣādīr.

İlmīl Badi' Ya'qūb. (1986). *Fiqh al-Lughāt al-'Arabiyyat Wa Khaṣa'iṣuhā.* Beirut: Dār al-'Ilm Li al-Malāyīn.

Jumaiyah Kardy. (1998). *Laras Ketenteraan Laut : Tumpuan Pada Aspek Leksikal.* (Laporan Penyelidikan Sarjana yang tidak diterbitkan). Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Kamaruddin Haji Husin. (1995). *Laras Bahasa.* Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.

Leech, Geoffery N. dan Short, M. H. (1981). *Style In Fiction: A Linguistics Introduction To English Fictional Prose.* London: Longman.

Loh Poh Peng. (2009). *Leksis Baharu Bahasa Cina Dalam Bidang Ekonomi* (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mat Taib Pa. (2012). *Pemilihan Perkataan Dan Struktur Morfologi Dalam Surah Al-Fatiḥah* (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Fakulti Bahasa dan Lingusitik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mat Taib Pa. (1993). Uslub Bahasa Arab, Kepentingan dan Pembelajarannya Kepada Pelajar Melayu. *Majalah Pengajian Arab*, Bil 3, 9-11.

Mohammad Nur Amin Samsun Bahrun. (2008). ‘*Anmat al-Lughat fi’ Majāl al-Siyāsat Bayna Mawqi‘iy al-Jazīrat Wa Bernāma: Dirasat Waṣfiyyat Taḥlīliyyat*. Tesis Sarjana, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Mohd Rosdi Ismail. (2002). *‘Ilmu al-Šarfi al-Wazīfi, Edisi Keempat*. Kota Bahru: Arabic Language and Consultancy.

Mohd Rosdi Ismail. (2000). *Morfologi Bahasa Arab Mikro: Formula & Praktik*. Kuala Lumpur: Arabic Language & Consultancy.

Mohamad Sabri Haron. (2010). *Saham: Isu Dan Permasalahannya Dalam Konteks Malaysia*. Kertas Persidangan Institut Latihan Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Diambil pada 2 September 2014 daripada: [http://e-muamalat.gov.my/sites/default/files/kertas\\_persidangan/2010/04/DrsabriILIMPdf](http://e-muamalat.gov.my/sites/default/files/kertas_persidangan/2010/04/DrsabriILIMPdf).

Mohd. Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah. (2010). *Ciri-Ciri Bahasa Arab: Fonetik, Morfologi & Sintaksis*. Serdang, Selangor : Penerbit Universiti Putra.

Mohd Zulhisyam Mustapai. (2009). *Laras Bahasa Sukan Dalam Laman Web Arab*. Laporan Penyelidikan. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Muhammad Ilman. (2014). Perkembangan ekonomi Malaysia: Penilaian Hari Ini. Diambil pada 13 Januari 2016 daripada: <http://tok-ilman.blogspot.my/2014/11/perkembangan-ekonomi-malaysia-penilaian.html>

Muṣṭafa al-Ghalāyānī. (1997). *Jami’ al-Durūs al- ‘Arabiyyat*. Beirut: al-Maṭba‘ah al-‘Aṣrīyyat.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi ke-3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim. (1990). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu, Edisi Ke-2*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim. (1988). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Sidek Mohd Noah. (2012). *Reka Bentuk Penyelidikan : Falsafah, Teori Dan Praktis*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

S. Nathesan. (2008). *Laras Bahasa Ilmiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suhair Muhammad Khalīfat. (1980). *Taysīr al-Naḥwu, al-Juzu' al-Thānīyy*. Kaherah: Kulīyyat al-Banāt Jāmi‘at al-Azhar.

Tan, Hellen. (1994). *Laras Ekonomi: Satu Analisis Terhadap Laporan Tahunan Maybank 1993*. (Laporan Penyelidikan Sarjana yang tidak diterbitkan). Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Umar Junus. (1989). *Stilistik: Satu Pengantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wong Nai Kun. (2003). *Penggunaan Laras Ekonomi Dalam Akhbar Melayu: Satu Analisis Leksikal*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

## **RUJUKAN KAMUS**

(1997). *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

(2006). *Kamus Besar Arab- Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

(2006). *Kamus Besar Arab- Melayu Dewan (Cetakan pertama)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

(2000). *al-Munjid fi al-Lughah al-‘Arabiyyat al-Mu‘āşirat*. Beirut: Dār al-Masyriq.

(1997). *Kamus Istilah Arab Melayu*. Kota Baharu: Pusat Bahasa Arab.

Osman Rani Hassan. (1987). *Kamus Istilah Ekonomi*. Selangor: Penerbitan Fahar Bakti Sdn. Bhd.